



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*Senate*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eighth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4069]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 4135]
- Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 4151]
- Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan [Ruangan 4162]
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan)  
[Ruangan 4185]
- Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 4194]
- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) [Ruangan 4199]
- Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan) [Ruangan 4208]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 4134]



MALAYSIA

**PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA S.I.M.P. (Dilantik).

„ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN MOHAMED (Dilantik).

„ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).

„ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N., P.J.K., J.C. (Dilantik).

„ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).

„ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL, A.M.N., P.J.K. (Pahang).

„ DATUK DR. AZMAN ATAR BIN OTHMAN, K.M.N., D.M.S.M., P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

„ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

„ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

„ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).
- „ DATUK NG PENG HAY, D.M.S.M., P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' IR. NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH (Terengganu).
- „ PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).

- Yang Berhormat PUAN SRI SARASA A/P VELU, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' SOONG SIEW HOONG, K.M.N., S.M.S., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATO' TAN GIM HUA, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

---

Khamis, 31hb Disember, 1992

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

JABATAN PARLIMEN—  
PENYUSUNAN SEMULA  
ORGANISASI

1. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana tindakan telah diambil oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan penyusunan semula organisasi Jabatan Parlimen sebagai sekretariat persidangan nasional. Bagi mereka yang memilih untuk memasuki Perkhidmatan Awam, adakah sebarang insentif atau keutamaan akan diberikan bagi membolehkan mereka tidak akan mengalami sebarang kerugian dan kepincangan berbanding pegawai dan kakitangan yang sudah sedia wujud di dalam Perkhidmatan Awam.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana agensi-agensi Kerajaan yang lain, Jabatan Parlimen juga telah

mengemukakan cadangan penyusunan semula organisasinya ke Jabatan Perkhidmatan Awam berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB). Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengkaji cadangan tersebut dan adalah dijangkakan urusan penyusunan semula tersebut akan dapat diselesaikan pada akhir Disember ini.

Mengenai urusan pertukaran perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Parlimen ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, syarat-syarat pertukaran perkhidmatan sedang disediakan. Tawaran pilihan akan diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Parlimen untuk memilih memasuki Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau kekal dalam perkhidmatan lamanya.

Mengikut kebiasaannya sekiranya mereka memilih memasuki Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, adalah dijangkakan tawaran dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan akan tidak kurang daripada yang dinikmati sekarang. Sebaliknya jika mereka memilih kekal tawaran dan syarat-syarat perkhidmatan mereka seperti seolah-olah mereka dalam Perkhidmatan Parlimen yang lama. Bagi mereka yang memilih memasuki Perkhidmatan Awam Am Persekutuan adalah juga dijangkakan mereka akan memperolehi beberapa faedah seperti peluang kenaikan pangkat yang lebih baik dan peluang pertukaran dan memperolehi pengalaman kerja yang lebih luas dan lebih besar daripada perkhidmatan yang ada sekarang.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah difahamkan bahawa tindakan pihak Kerajaan meminda Perkara 65 Perlembagaan dan juga pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen adalah berpunca dari keadaan yang tertentu. Oleh yang demikian, adakah pihak Kerajaan bersedia untuk memikirkan bagaimana cara terbaik untuk mengatasi masalah itu?

Soalan yang kedua, saya ingin bertanya memandangkan bahawa menjelang tahun 2000, negara kita hampir setengah abad mencapai nikmat kemerdekaan, maka adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mencipta ataupun mengeluarkan sebuah garis panduan berbentuk Erskine May ala-Malaysia untuk rujukan pentadbiran dan pengurusan organisasi Jabatan Parlimen?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa perubahan ataupun cadangan kepada pindaan Perlembagaan bagi memasukkan Jabatan Parlimen di bawah Perkhidmatan Awam ialah kerana tujuannya bagi menyusun dan menambahkan kecekapan Jabatan Parlimen bagi membolehkan kakitangan dan pegawai Jabatan Parlimen mendapat peluang kenaikan pangkat yang lebih dan juga peluang pengalaman jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Ini adalah merupakan kebaikan-kebaikan yang akan diperolehi mereka. Jadi, saya ingin menyatakan bahawa tidak ada keadaan tertentu yang disebutkan oleh Yang Berhormat hingga menyebabkan kita terpaksa meminda Perlembagaan Perkara 65 bagi meletakkan Perkhidmatan Parlimen di bawah Perkhidmatan Awam Kerajaan.

Yang keduanya, bagi menjawab soalan Yang Berhormat sehingga tahun 2000 adakah Kerajaan akan mencadangkan suatu program ataupun mencipta perkara yang ekstrim, saya menyatakan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah sentiasa mengkaji dan mencari cara-cara baru untuk memperkemas dan memperbaiki sistem

perkhidmatan Kerajaan. Jadi, sekarang ini kita telah pun melaksanakan SSB yang baru dilancarkan dan pihak Ketua Setiausaha Negara telah pun mengeluarkan beberapa borang—lima jenis borang yang khusus bagi menilai kecekapan kakitangan dalam usaha kenaikan pangkat, gaji dan sebagainya. Ini sebagai permulaan bagi pengubahan sistem dalam pentadbiran Kerajaan. Jadi, saya menyatakan bahawa urusan atau pentadbiran Kerajaan ini tidaklah statik, tidaklah jumud. Dengan sebab itu kita sentiasa berfikir akan mengembangkan usaha-usaha bagi memperbaiki perkhidmatan Kerajaan yang boleh diberikan kepada masyarakat.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada pihak Setiausaha Parlimen mengenai:

- (i) Sejauhmanakah langkah-langkah telah diambil oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memenuhi tugas dan tanggungjawab di bawah keperluan berikutan dengan pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen menjadikan organisasi Jabatan Parlimen sebagai jabatan yang tertakluk di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam?
- (ii) Adakah pihak Kerajaan bersetuju atau kemungkinan bersedia untuk menswastakan bahagian-bahagian tertentu di dalam organisasi Jabatan Parlimen, misalnya, Bahagian Penyata Rasmi dan Bahagian Percetakan yang ada sekarang ini diswastakan bagi mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah?
- (iii) Adakah pihak Kerajaan bercadang menghapuskan semua jawatan-jawatan kosong yang tidak dipenuhi selama beberapa tahun; jika tidak, adakah peluang-peluang akan diberi kepada

pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil telah pun saya sebutkan tadi bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menyediakan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan yang akan diselesaikan seboleh-bolehnya pada tahun ini untuk diterima oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen untuk mereka membuat pilihan sama ada untuk kekal di dalam Parlimen atau masuk dalam Perkhidmatan Am Kerajaan. Ini sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Yang keduanya, dalam soal penswastaan memang Kerajaan mengkaji, mencari apa-apa sahaja perkhidmatan Kerajaan yang boleh diswastakan; itu memang di dalam urusan Kerajaan yang akan dikaji oleh pihak EPU dari masa ke semasa. Mana-mana agensi Kerajaan yang difikirkan sesuai untuk diswastakan, maka ini akan dimasukkan ke dalam senarai penswastaan Kerajaan.

Yang ketiganya, Kerajaan telah pun mengumumkan bahawa jawatan-jawatan kosong yang tidak penting yang jujud akan dilupuskan kerana apabila kepentingan itu telah kurang maka jawatan-jawatan ini tidak akan diisi semula.

### HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR—BAHAGIAN PESAKIT LUAR

**2. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa rawatan bagi pesakit-pesakit luar di Hospital Besar Kuala Lumpur, selepas masa pejabat, sama setempat dengan rawatan bagi pesakit kecemasan atau kadangkala di bahagian 'Klinik Ulangan'. Oleh yang demikian, rawatan

kecemasan diberi keutamaan, manakala pesakit luar dikehendaki menunggu beberapa jam lamanya. Adakah Kementerian beliau bercadang untuk memisahkan tempat-tempat rawatan tersebut memandangkan pesakit-pesakit luar juga perlu kepada rawatan segera, kerana ada di antara mereka yang berbaring, pening, muntah dan sebagainya, dan tidak selesa menunggu begitu lama;

- (b) setelah sekian lama menunggu dan diberi rawatan, yang menyedihkan, pesakit-pesakit luar kadangkala hanya diberi slip ubat sahaja untuk datang semula mengambil ubat di siang hari; dan
- (c) adakah Kerajaan berhasrat untuk menambah bilangan doktor bagi mengatasi kesulitan atau memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada di bahagian Pesakit Luar, selepas masa pejabat, supaya masalah ini dapat diatasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan rawatan pesakit luar di hospital Kerajaan termasuk Hospital Besar Kuala Lumpur disediakan pada waktu pejabat. Walau bagaimanapun, untuk kes-kes kecemasan, hospital-hospital menyediakan perkhidmatan rawatan kecemasan di Jabatan Kecederaan dan Kecemasan. Sekiranya pesakit-pesakit luar datang ke Jabatan Kecederaan dan Kecemasan, mereka juga akan diberi rawatan. Walau bagaimanapun, semasa mereka menunggu didapati mereka adalah pesakit kes kecemasan, mereka diberi rawatan dengan segera mengikut keutamaan.

Walaupun bagaimanapun, orang ramai di nasihat untuk tidak

menyalahkan perkhidmatan kecemasan untuk rawatan pesakit luar. Untuk memastikan doktor-doktor dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada pesakit-pesakit yang benar-benar memerlukan rawatan kecemasan.

- (b) Adalah menjadi polisi Kementerian Kesihatan bahawa pesakit-pesakit yang datang mendapatkan rawatan kecemasan akan dibekalkan dengan ubat-ubatan untuk penggunaan satu atau dua hari sahaja. Pesakit akan di minta untuk mendapatkan bekalan selebihnya dari Jabatan Farmasi pada keesokan harinya.
- (c) Pada masa ini bilangan doktor-doktor di Jabatan Pesakit Luar dan Poliklinik adalah mencukupi. Pihak hospital akan mengkaji cadangan untuk mengadakan perkhidmatan pesakit luar selepas waktu pejabat terutama dari segi implikasi penambahan doktor-doktor dan juga perkhidmatan sokongan yang lain seperti perkhidmatan farmasi, makmal dan sebagainya.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah kalau boleh Yang Berhormat katakan di sini turnover, dengan izin doktor-doktor dan juga kakitangan-kakitangan yang bekerja di bawah Kementerian Kesihatan?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi satu angka yang tepat, tetapi saya boleh katakan di sini lebih daripada 90,000 kakitangan merangkumi semua bahagian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini ialah turnover bukan berapa banyak dalam perkhidmatan. Berapa yang lepas dan berapa yang masuk.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta notis.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah pihak farmasi tidak boleh membekalkan ubat lebih sedikit pada waktu malam di masa rawatan kecemasan. Kerana saya sendiri berpengalaman apabila membawa seseorang pesakit itu, ubat untuk malam itu pun tidak cukup terpaksa datang besok pagi mengambil ubat di farmasi.

**Dato' K. Kumaran:** Ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang tertentu. Sepertimana saya katakan tadi, Bahagian Kecemasan hospital akan bekalkan ubat untuk sehari atau dua hari. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi kita kaji semula tentang pembekalan ubat termasuklah farmasi.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan ataupun bila masanya Kerajaan berhasrat untuk membuat sebuah asrama di tempatkan di hospital-hospital tertentu untuk mengatasi masalah-masalah iaitu keluarga yang berdekatan yang membawa pesakit-pesakit yang dengan izin, serius yang tinggal di hospital boleh dikatakan sebulan ataupun lebih dari itu. Jikalau ada asrama-asrama tersebut jadi dapatlah masalah ini diatasi kerana yang meneman keluarga pesakit tadi adalah seorang isteri yang lanjut usianya, kadang-kadang suami, dan begitu juga yang datangnya kebanyakan orang-orang yang susah dari kampung ke kampung.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu amalan Kementerian Kesihatan baru-baru ini. Semua hospital yang baru dibina kita mempunyai asrama untuk saudara-mara.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bilangan pesakit-pesakit terlalu ramai dan kadang-kala macam hospital-hospital di luar bandar atau klinik-klinik desa terlalu ramai bilangan orang

yang sakit dan biasa menunggu hingga sampai berjam-jam sedangkan doktor terhad bilangannya. Dengan yang demikian tempat menunggu menjadi begitu sesak.

Dengan demikian, adakah Kementerian bercadang hendak membuat satu sistem yang lebih sempurna misalnya pesakit-pesakit ringan diperiksa oleh penolongnya ataupun berpangkat "dresser" sahaja dan sebagainya?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kalau saya tidak salah kebanyakan tempat di klinik-klinik atau pusat kesihatan, pesakit-pesakit pada awalnya diperiksa oleh Pembantu Perubatan (Medical Assistant). Oleh sebab itu soalan ini tidak timbul.

Selain daripada itu sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negara kita kekurangan doktor. Oleh sebab itu, pada suatu masa nanti apabila kita boleh mengatasi masalah kekurangan doktor, Kementerian saya boleh memberi perkhidmatan dengan sempurna.

## PELABUR ASING—KEGAGALAN PROJEK

**3. Dato' Haji Azumu bin Tak** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bilangan syarikat-syarikat asing yang gagal mengusahakan industri mereka setelah menyatakan persetujuan mereka, disebabkan kerana tidak puas hati terhadap syarat-syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Pusat dan atau Negeri-negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut penyiasatan yang telah dijalankan oleh MIDA setakat 30.6.92 kadar pelaksanaan projek-projek perkilangan dengan penyertaan asing dan dilesenkan di bawah

Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 adalah menggalakkan.

Dari sejumlah 2,624 projek yang diluluskan dengan penyertaan asing dalam tempoh 1987 hingga 1991 hanya 252 projek ataupun 9.6% sahaja yang tidak dilaksanakan.

Dari jumlah projek-projek yang tidak dilaksanakan, 174 projek atau 6.6% ditangguhkan buat sementara waktu. 37 projek atau 1.4% tidak akan dimajukan manakala 41 projek atau 1.6% telah ditarik balik.

Berdasarkan angka-angka ini adalah jelas bahawa sebahagian besar projek perkilangan yang melibatkan pelaburan asing yang tidak dilaksanakan adalah disebabkan faktor pasaran dan bukannya kerana tidak puas hati dengan syarat-syarat yang dikenakan. Sungguhpun bilangannya kecil Kerajaan dari masa ke semasa mengkaji kedudukan ini dan akan mengambil langkah yang bersesuaian untuk membolehkan lebih banyak projek-projek pelaburan asing akan dilaksanakan.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi syarikat-syarikat asing yang telah memberi tanah di tanahair kita tetapi gagal mengusahakan industri ini tanpa apa-apa kemajuan, adakah atau apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian untuk menyuruh syarikat-syarikat asing ini menjual balik tanah itu kepada rakyat Malaysia atau syarikat-syarikat tempatan?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ada sedikit sebanyak masalah berkaitan dengan pertukaran syarat dengan tanah-tanah yang sedang menghadapi sedikit masalah oleh pelabur asing. Tetapi sejauh mana kita dapat tahu kita sedang berhubung dengan semua negeri-negeri untuk memudahkan semua kerja-kerja pertukaran syarat untuk membolehkan semua projek-projek asing sedang dilaksanakan.

Saya rasa jika ada masalah-masalah seperti ini, saya ingin mohon kepada pihak berkenaan untuk memohon kepada kita di atas bantuan yang kita boleh beri.

#### **LANGKAWI—PAMPASAN MELEBIHI PENILAIAN**

**4. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap isu nilai tanah di Langkawi berikutan kes Jabatan Kutipan Hasil Tanah Langkawi membayar pampasan 500 peratus lebih tinggi daripada penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, antara peranan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan ialah memberi nasihat profesional ke atas penilaian harta dan tanah kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah bagi tujuan pengambilan balik tanah mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960. Penilaian harta tanah yang dijalankan oleh Jabatan ini boleh dibawa ke mahkamah sekiranya mana-mana pihak yang berkepentingan tidak berpuas hati terhadapnya.

Dalam kes pengambilan balik tanah, kuasa memutuskan suatu award, dengan izin, sebagai pampasan kepada tuan tanah atau pihak-pihak yang berkepentingan bagi tanah yang diambil balik oleh Kerajaan terletak kepada Pemungut Hasil Tanah. Bagi Daerah Langkawi, mengikut rekod yang ada bagi tempoh September, 1960 hingga Mei, 1992 ada kes di mana Pemungut Hasil Tanah Langkawi telah membayar pampasan sehingga 362% lebih tinggi daripada penilaian yang disyorkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Bagi mengelak perkara seperti ini berulang lagi, satu jawatankuasa khas telahpun ditubuhkan untuk menentukan

supaya pemberian pampasan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah bagi mana-mana kes pengambilan balik tanah dilaksanakan dengan adil dan mengikut prosedur-prosedur yang betul. Jawatankuasa khas ini adalah dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah dan dianggotai oleh Pengurus Lembaga Pembangunan Langkawi dan wakil Ketua Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Pertama, dalam masalah tanah di Langkawi ini, saya ingin tahu adakah apa-apa kesan ke atas harga tanah yang terdapat di Langkawi?

Kedua, saya ingin tahu apakah asas-asas yang digunakan oleh Jabatan Penilaian dalam membuat penilaian tanah di Langkawi?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan Kementerian Kewangan penilaian yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah yang ada di antaranya melebihi perakuan yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta mempunyai kesan ke atas harga tanah di Langkawi. Antara sebab kenapa harga tanah di Langkawi melambung adalah kerana penilaian yang begitu tinggi yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah.

Yang keduanya, berkaitan dengan asas-asas yang digunakan antaranya termasuklah kegunaan tanah tersebut. Satu kajian mendalam dan teliti yang menyeluruh akan dibuat oleh Jabatan. Kajian ini berasaskan kepada tanah-tanah yang berhampiran. Sekiranya ada dijual sebelumnya, maka nilai tanah berhampiran yang dijual sebelum itu juga diambilkira dalam menentukan nilai tanah yang diperakukan kepada Pemungut Hasil Tanah.

## INSURANS MOTOR—KADAR PREMIUM YANG TINGGI

### 5. Puan Rosalind You Shuk Meng

minta Menteri Kewangan menyatakan tentang keengganan syarikat insurans menanggung risiko pengguna van atau mengenakan premium yang terlalu tinggi terhadap mereka. Adakah kadar yang ditawarkan itu mendapat persetujuan Bank Negara sebagai badan yang mengawal kegiatan syarikat-syarikat insurans.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar premium untuk perlindungan insurans motor adalah berasaskan kepada pengalaman tuntutan sesuatu jenis kenderaan. Prinsip ini digunakan di semua pasaran insurans seluruh dunia. Di Malaysia premium insurans motor adalah dikawal tarif motor. Memandangkan nisbah tuntutan bagi insurans motor terlalu tinggi, syarikat insurans telah mengenakan premium tambahan ke atas polisi yang dikeluarkan. Bagi memastikan bayaran premium tambahan yang dikenakan oleh syarikat-syarikat tersebut adalah berpatutan, Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan yang menghadkan bayaran premium tambahan maksimum yang boleh dikenakan ke atas pemegang-pemegang polisi.

Bagi pemilik kenderaan yang tidak boleh mendapat perlindungan insurans motor di pasaran biasa, Persatuan Insurans Seluruh Malaysia melalui perundingan dengan Bank Negara telah menubuhkan Skim Pakatan Insurans Motor Berisiko Tinggi, atau dengan izin, High Risk Motor Insurance Pool. Skim ini mempunyai garis panduan penanggungungan yang bertujuan menggalakkan disiplin dan sikap berhati-hati di kalangan pemilik-pemilik kenderaan termasuk pemilik kenderaan perdagangan seperti van sewaktu menggunakan kenderaan mereka. Di antara ciri-ciri penanggungungan tersebut ialah, pemandu yang mempunyai rekod

pengalaman tuntutan yang buruk akan dikenakan bayaran premium tambahan yang tinggi. Bayaran premium tambahan yang dikenakan di bawah Skim Pakatan Insurans Motor Berisiko Tinggi telah dirangka oleh Persatuan Insurans Am Malaysia setelah berunding dengan Bank Negara.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan sedar baru-baru ini terdapat syarikat-syarikat insurans yang enggan menerima pembelian-pembelian insurans dari tuanpunya-tuanpunya kenderaan van kerana bimbang menanggung risiko yang tinggi? Ini telah menyusahkan pengguna-pengguna yang berkenaan. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa ada beberapa buah syarikat insurans yang enggan menerima insurans daripada kenderaan-kenderaan tertentu. Antara sebabnya adalah kerana risiko yang tinggi yang dihadapi oleh syarikat-syarikat insurans berkenaan. Untuk mengatasi masalah ini, maka pada 27hb Julai tahun ini satu Skim Pakatan Motor Berisiko Tinggi telahpun dimulakan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga setakat 7hb November, 1992, Skim Pakatan Insurans Motor Berisiko Tinggi ini telah mengeluarkan 2,698 polisi dengan jumlah premium RM4.97 juta. Bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai masalah mendapatkan insurans daripada syarikat insurans biasa bolehlah menggunakan insurans di bawah Skim Pakatan Insurans Motor Berisiko Tinggi ini.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini ada kaitan dengan insurans motor—satu yang khusus dan satu lagi yang umum. Yang pertamanya mengenai sebuah syarikat insurans yang diambilalih oleh pihak Kerajaan. Saya mendapat banyak

rungutan daripada pelanggan (policy holders) dan juga agen-agen yang terperangkap dengan masalah ini iaitu mengenai Non-Claim Bonus certificate (NCB). Sesiapa yang hendak membeli insurans baru terpaksa membayar premium sepenuhnya iaitu 100% oleh sebab masalah untuk mendapatkan NCB daripada syarikat Macantile. Yang kedua, berkenaan CBC (Claim Before Cover). Pihak Bank Negara telah memberi syarat supaya pembayaran premium itu dibayar kepada pihak syarikat insurans dalam masa 7 hari. Ini memberikan banyak bebanan lebih-lebih lagi kepada agen-agen yang di luar daripada Kuala Lumpur. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian apakah tindakan yang diambil?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama berkaitan dengan NCB yang dikatakan tidak diperolehi daripada Syarikat Insurans Mercantile, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua buah syarikat insurans telahpun diambilalih pengurusan mereka oleh Bank Negara Malaysia iaitu Mercantile Insurance dan Pan-Global Insurance. Kedua-dua syarikat insurans ini diambilalih oleh kerana menghadapi masalah yang besar, sebahagiannya disebabkan oleh peratusan insurans motor yang amat tinggi.

Dalam kes Mercantile Insurans kira-kira 94% daripada insuransnya adalah terdiri daripada insurans motor dan Pan-Global Insurans 77% adalah terdiri daripada insurans motor. Oleh kerana syarikat-syarikat ini menghadapi masalah yang tenat, maka peraturan-peraturan yang ketat telah dikenakan oleh syarikat-syarikat tersebut bagi memastikan masalah yang berlaku sebelum ini tidak berulang lagi. Ini termasuklah masalah CBC yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di mana agen-agen dikehendaki menghantar premium itu dalam satu masa yang agak singkat. Apa yang berlaku sebelum ini, ada di antara agen-agen yang tidak langsung menghantar satu sen pun premium yang dikutip daripada pelanggan-pelanggan ke

syarikat insurans. Untuk mengelak perkara penyelewengan seperti ini berulang lagi di masa hadapan, maka Bank Negara dengan persetujuan syarikat-syarikat insurans telah menetapkan peraturan-peraturan yang lebih ketat. Ini semua adalah untuk faedah pengguna-pengguna supaya mendapat perlindungan sepenuhnya daripada insurans yang dibeli daripada syarikat-syarikat insurans.

### **PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN— PEMBINAAN RUMAH OLEH TENTERA DARAT**

**6. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa buah rumah PPRT telah dibina oleh pihak Tentera-tentera Masuk Desa dalam tahun 1992;
- (b) bagaimana Operasi-operasi Nyah 1 dan 2 yang dijalankan oleh Pasukan Polis Hutan sehingga kini;
- (c) berapakah bilangan tangkapan yang dibuat dalam operasi-operasi tersebut; dan
- (d) apakah bimbingan-bimbingan yang diberi sementara menunggu hukuman-hukuman yang diambil kepada pendatang tanpa izin itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) pada tahun 1992 sebanyak 139 buah rumah di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dibina dan dibaiki oleh Tentera Darat dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM551,950;
- (b) Operasi Nyah 1 bertujuan untuk mencegah daripada kemasukan pendatang tanpa izin (PTI) ke negara ini. Ops ini dilakukan di persisiran pantai-pantai negeri

Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Selain daripada operasi di laut, anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) ditempatkan di kawasan-kawasan/tempat-tempat yang disyaki dan strategik menjadi tempat mendarat PTI. Manakala Operasi Nyah II pula bertujuan untuk menangkap Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mendaftar selepas tarikh tutup 30hb Jun, 1992. Operasi-operasi ini melibatkan anggota-anggota Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Setakat ini hanya 8 buah negeri yang terlibat dengan operasi ini, iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

(c) Semasa Operasi Nyah I dilancarkan sehingga 10hb Disember, 1992 seramai 18,586 orang PTI telah ditangkap dan 17,625 orang daripada mereka telahpun dihantar pulang. Manakala bagi Operasi Nyah II, seramai 17,238 orang telah ditangkap dan 3,802 orang telah dihantar pulang ke negara asal mereka.

(d) Bagi PATI atau PTI yang ditangkap, Kerajaan tidak menyediakan apa-apa bimbingan kepada mereka sementara menunggu hukuman dijatuhkan.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai dengan (b) iaitu Pasukan Polis Hutan. Hingga kini kita mendapati bahawa mereka menjalankan berbagai-bagai tugas. Adakah mereka masih memasuki hutan dan buat operasi di sempadan-sempadan negara?

Keduanya, bahagian (a) dimaklumkan bahawa 139 rumah telah dibaiki. Adakah ini dapat menjimatkan kos perbelanjaan

Kerajaan yang telah dihadkan kepada PPRT?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Polis Hutan seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat, pada masa ini daftar Kerajaan ialah kita seboleh-bolehnya menggunakan Pasukan Polis Hutan ini dengan sepenuhnya supaya tanpa kita membazirkan tenaga Polis yang sedia, iaitu Kerajaan sedang dalam proses memperkecilkan Pasukan Polis Hutan, yang mana masih kita perlu ditugaskan untuk mengawal di sempadan, kita masih ada Pasukan Polis Hutan di situ. Lainnya kalau ada yang lebih, Kerajaan sedang, dengan izin, redeploy - kita menyusun semula Pasukan Polis Hutan ini; ada yang dimasuk bahagian Polis Trafik, ada yang dimasuk bahagian Jenayah dan bahagian-bahagian yang lain. Jadi, terpulang kepada sesuatu Brigade PPH itu ditugaskan di mana. Mereka semua telah dipisah-pisah fungsinya, dan tidak benar menyatakan sesuatu PPH itu diberi banyak tugas. Mereka memang telah ditentukan secara khas tugas pada masa ini.

Mengenai program PPRT, memang dengan menggunakan tenaga Tentera sepenuhnya, Kerajaan memang boleh menjimat perbelanjaan dari segi kos perbelanjaan.

**Tuan Itam Wali bin Nawan:** Berkaitan dengan soalan 6(a) iaitu pertanyaan saya, adakah pihak Kementerian akan meneruskan program bantuan di bawah PPRT ini, pertama. Keduanya, jika ya, saya ingin tahu target bilangan rumah dan belanjawan yang diperuntukkan yang akan dijalankan bagi sepanjang 1993 nanti.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat beritahu bagi Dewan yang mulia ini ialah untuk secara dasarnya setiap Brigade Tentera Darat akan cuba melaksanakan satu projek pada bila-bila masa. Apakah target ataupun belanjawan yang dirancang, tidak dapat saya beri dengan tepat di sini, kerana program Tentera Darat ini adalah di bawah Kementerian Pertahanan.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat kepada (c) tadi mengatakan yang telah ditangkap, PTI itu lebih kurang 18,500, soal saya di sini ialah - ini mungkin mana yang kita tahu dan telah ditangkap. Yang kita tidak tahu, yang belum tangkap lagi mungkin lebih daripada itu lagi. Ini merbahaya bagi pandangan saya, sangat merbahaya pada masa-masa akan datang kalau dibiarkan. Apakah hukuman itu setimpal ataupun cukup, kalau tak cukup, tak bolehkah kita hukum dengan keras supaya mereka itu tahu yang negara ini bukan boleh masuk atau keluar begitu sahaja?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada ramai lagi PTI ataupun PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) yang masih berada di negara ini yang belum dapat kita tahu dengan tepat berapa jumlah bilangan. Tetapi apa yang telah Kementerian saya cuba menjawab di Dewan ini selama ini ialah kedua-dua Operasi Nyah I dan II itu masih berterusan. Dan untuk Operasi Nyah II akan dipertingkatkan lagi daripada sekarang, terutamanya selepas tarikh tutup yang telah saya sebutkan pada beberapa hari yang lalu, iaitu 31hb Januari, di mana Operasi Nyah ini akan bukan sahaja memeriksa pendatang asing tanpa izin, kita juga akan memeriksa majikan. Kalau didapati mana-mana majikan melindungi mereka - ini salah satu faktor yang menggalakkan PATI atau PTI ini berada di negara kita, sebab ada pihak majikan dan ada golongan tertentu melindungi mereka. Kalau kita mengambil tindakan mengikut Akta Imigresen, majikan akan kena hukuman yang setimpal, iaitu akan dipenjarakan 5 tahun atau RM10,000. Selama ini Kerajaan beri peluang kepada majikan-majikan atas sebab-sebab ekonomi. Tetapi masa yang diberi itu sudah cukup panjang sejak Januari 1992 sampai hari ini hari terakhir 1992. Jadi, kita beri lanjutan lagi satu bulan, selepas itu Operasi Nyah itu akan dijalankan dengan tidak lagi beri sangat consideration terhadap perikemanusiaan ataupun faktor ekonomi.

## BELIA/BELIAWANIS— LATIHAN PERTANIAN/ PENTERNAKAN

**7. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian Pertanian bagi melatih belia dan beliawanis dalam sektor pertanian dan penternakan. Berapa banyak kursus dan seminar yang telah dianjurkan untuk pemuda-pemudi terutamanya di kawasan luar bandar pada tahun ini; dan
- (b) setakat ini, berapakah ramai belia dan beliawanis yang telah menerima manfaat daripada latihan-latihan berkenaan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian memang mempunyai rancangan bagi pembangunan tenaga manusia atau dengan izin, human resource development bagi pekebun dan peladang, penternak dan nelayan termasuk belia dan beliawanis, memandangkan bahawa pembangunan tenaga manusia adalah merupakan salah satu strategi utama untuk meningkatkan produktiviti dan output bagi buruh dan juga tanah.

Latihan-latihan yang diberikan adalah dalam bidang kemahiran teknikal, prosesan makanan, ekonomi rumahtangga, keusahawanan, kepimpinan penternakan, ternak air dan perikanan laut dalam. Latihan-latihan yang diberikan ini adalah di peringkat sijil dan bukan sijil yang memakan masa antara sehari hingga 3 tahun. Tujuan latihan adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta bagi membolehkan mereka hidup berdikari atau makan gaji.

Bagi tahun 1992 sahaja, Kementerian Pertanian melalui jabatan dan agensinya telah mengadakan kursus dan seminar berjumlah seperti berikut, bagi pemuda-pemudi terutamanya di kawasan luar bandar:

	<i>Bilangan</i>
	<i>Kursus</i>
Jabatan Perkhidmatan Haiwan	37
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	46
Jabatan Perikanan	70
FAMA	237
Jabatan Pertanian termasuk kursus-kursus pengembangan sehari	2,386
	<i>Kursus</i>
	<i>Dengan</i>
	<i>Sijil</i>
Lembaga Pertubuhan Peladang	78
MARDI	63

(b) Kursus-kursus dan seminar yang dianjurkan oleh jabatan dan agensi Kementerian Pertanian bagi tahun 1992 di atas telah memberi manfaat kepada 40,603 peserta yang majoritinya adalah belia dan beliawanis yang melibatkan seramai seperti berikut:

Jabatan Pertanian seramai 32,955 orang yang mengambil kursus bukan Sijil dan Sijil. Jabatan Perkhidmatan Haiwan seramai 995 orang. LKIM seramai 2,332 orang. Jabatan Perikanan seramai 654 orang. FAMA seramai 2,579 orang. Dan LPP seramai 1,088 orang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah belia dan beliawanis yang dilatih tadi yang telah berjaya menjadikan bidang pertanian dan ternakan itu sebagai sara hidupnya yang tetap?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan yang dilatih adalah mereka yang berminat untuk melibatkan diri dalam beberapa bidang termasuk pertanian atau perikanan dan penternakan. Daripada belia dan beliawanis yang dilatih,

kita tidak dapat rekod yang tepat oleh kerana selepas latihan mereka akan memilih sama ada mereka akan terus ke bidang pertanian ataupun memilih bidang-bidang lain. Tetapi, daripada yang dilatih ada juga mereka yang telah pun menjadi penternak ataupun petani dan kita cuma memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran. Kesemua mereka ini masih berada dalam bidang pertanian.

**Tuan Johan B. O. T. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab negeri Sabah pada hari ini diperintah oleh Pembangkang, adakah cadangan ataupun rancangan Kementerian Pertanian untuk mengembangkan masuk ke negeri Sabah untuk membantu para nelayan dan petani di negeri Sabah?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Negeri mempunyai kuasa-kuasa tertentu, tetapi sebagai Kementerian dan sebagai Kerajaan Pusat, kita menjalankan kegiatan-kegiatan kita demi kepentingan rakyat di Sabah juga dalam bidang pertanian. Beberapa projek-projek untuk membangunkan kawasan dan menjadikan projek in-situ development telah pun dimulakan di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak bagi kepentingan rakyat.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat, iaitu Kursus Masakan Antarabangsa telah diadakan kepada belia/beliawanis, jadi, sejauh manakah kursus ini berkesan dan adakah ini membuatkan rakyat Malaysia menggemari makan makanan antarabangsa?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kursus makanan adalah berjenis-jenis, satu daripadanya ialah Kursus Makanan Antarabangsa. Selain dari itu kursus melatih kaum wanita dalam beberapa jenis kursus makanan ataupun menyediakan makanan termasuk juga membekalkan makanan secara kontrak dan juga memberi latihan membekalkan

makanan ini secara besar-besaran. Dan daripada maklumat yang diperolehi oleh Kementerian Pertanian, kursus ini telah membawa satu kesan yang baik. Oleh kerana ramai lagi yang berminat untuk menyertai kursus ini daripada seluruh negara, ramai kumpulan-kumpulan khasnya wanita yang memohon untuk menyertai kursus makanan. Tentang Kursus Makanan Antarabangsa ini, ini adalah sebagai satu peluang untuk melatih wanita-wanita kita menyediakan makanan yang tidak diperolehi di dalam negara ataupun tidak mempunyai kebolehan untuk menyediakan makanan antarabangsa, tetapi ini memberi peluang kepada mereka untuk dilatih dan menyediakan makanan di rumah sendiri sehingga walaupun mereka tidak berpeluang keluar negara, tetapi dapat menikmati berjenis-jenis makanan dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi.

**Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

#### TANGKAPAN KE ATAS RAKYAT MALAYSIA DI BOSTON

**8. Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman** (*di bawah S. O. 23(2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil bagi memastikan agar tangkapan seperti berlaku ke atas rakyat Malaysia di Boston, U. S. A. tidak berlaku lagi dan menjejaskan imej Malaysia di luar negeri.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan telah memberi penjelasan dari masa ke semasa kepada rakyat Malaysia yang ingin melancong ke luar negeri supaya mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Kerajaan

juga telah memberitahu warganegara Malaysia supaya tidak melanggar undang-undang negara yang dilawati mereka seperti tinggal lebih masa atau overstay, dengan izin, kerja tanpa permit dan sebagainya.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab bagi warganegara Malaysia mematuhi undang-undang negara yang mereka lawati. Sekiranya mereka ditangkap dan diusir keluar kerana melanggar undang-undang tempatan, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya apabila mereka pulang ke tanahair.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tetapi, masalah yang ada di depan kita ini iaitu di dalam soalan ini, adalah rakyat kita itu baru sampai ke negara itu. Bukannya dia telah lama duduk di sana, cuma sebelum itu dia ada duduk di situ, kita tidak tahu, kenapakah keadaan itu berlaku?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, di antara mereka yang pergi bersama dengan rombongan yang dianjurkan oleh satu tour agencies, dengan izin, adalah mereka yang telah ada rekod overstaying di USA. Dan terdapat juga bukti-bukti yang mana tujuan setengah daripada mereka yang mengikuti rombongan itu adalah untuk terus menetap dan bekerja di Amerika Syarikat. Itulah sebab mengapa pihak Kerajaan Amerika Syarikat mengambil tindakan yang telah disebutkan di dalam suratkhabar.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut satu tuduhan dari Jabatan Imigresen Negeri Taiwan, mengatakan bahawa apabila rakyat Malaysia yang bekerja sebagai pekerja atau buruh haram di negeri Taiwan, kena tangkap dan ditahan di negeri Taiwan dan menunggu untuk jawapan dari Kementerian untuk menerima balik rakyat kita, Kementerian Luar Negeri kita selalu mengambil masa yang tersangat panjang

untuk menerima balik rakyat Malaysia ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini pada masa yang akan datang?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini mengenai negara lain, tadi telah ditanya fasal Amerika Syarikat dan ini di Taiwan, tetapi saya inginlah menjelaskan bahawasanya wakil kita di Taipei boleh membantu warganegara kita untuk mendapatkan balik segala dokumen untuk pulang ke tanahair. Dan masalahnya mungkin ada perkara-perkara yang tertentu seperti dokumen kerakyatan dan sebagainya yang tidak dapat diperolehi oleh mereka yang ingin mendapatkan dokumen perjalanan balik ke Malaysia. Sekiranya mereka ada dokumen yang sah, yang mengatakan mereka benar-benar warganegara Malaysia, maka pihak wakil kita di Taipei tidak akan ada masalah untuk membantu mereka mendapatkan dokumen untuk balik ke Malaysia.

#### PELABUHAN MELAKA— PENSWASTAAN

**9. Datuk Ng Peng Hay** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berhubung dengan jeti Tanjong Beruas Melaka;

- (a) bilakah diswastakan;
- (b) nama syarikat swasta tersebut dan berapa lama kontraknya; dan
- (c) bagaimana perkembangannya sekarang, agar kemudahan-kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan pengguna.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Melaka telah diswastakan pada 3hb November 1992 kepada Syarikat Perkhidmatan Pelabuhan Gabungan Sdn. Bhd. untuk tempoh 21 tahun.

Operasi pelabuhan itu sekarang berjalan dengan lancar dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada sekarang dapat memenuhi keperluan pengguna-pengguna.

#### KOPERASI ATASAN— PENGIKTIRAFAN ANGKASA

**10. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berkenaan dengan pengiktirafan Kementerian di atas penubuhan Koperasi Atasan. Oleh kerana selama ini ANGKASA telah mewakili negara di peringkat antarabangsa dan telah pun selama ini memainkan peranan sebagai Koperasi Atasan, adakah ANGKASA akan diiktiraf sebagai Koperasi Atasan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rang Undang-undang Koperasi yang baru diluluskan, ada peruntukan berhubung dengan takrif Koperasi Atasan.

Mengikut Seksyen 4(3) Rang Undang-undang itu, Koperasi Atasan ialah suatu pertubuhan yang terdiri daripada koperasi-koperasi menengah atau koperasi-koperasi menengah dan asas sahaja.

Matlamatnya ialah untuk memudahkan koperasi-koperasi sedemikian boleh didaftarkan di bawah Akta ini sebagai satu Koperasi Atasan.

Dan di bawah Seksyen 5(3), Rang Undang-undang yang sama ada menyebutkan bahawa tiada koperasi yang boleh didaftarkan sebagai koperasi atasan melainkan jika ia terdiri daripada sekurang-kurangnya dua koperasi menengah. Selain dari itu, Seksyen 57(3)(a) dan (b), memperuntukkan tiada koperasi menengah atau atasan boleh diisytiharkan di bawah perenggan 2(b) sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melainkan jika:

- (a) matlamat-matlamat koperasi itu termasuklah menggalakkan prinsip-prinsip koperasi dan kemudahan operasi koperasi-koperasi berdaftar;
- (b) undang-undang kecil koperasi itu membuat peruntukan bagi:
- (i) pergabungan segala koperasi berdaftar tanpa apa-apa sekatan atau pembayaran apa-apa fee, kecuali fee masuk;
  - (ii) perlantikan kepada Lembaganya oleh Menteri akan sekurang-kurangnya seorang wakil daripada Kementerian itu dan seorang wakil daripada Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian, sama ada ANGKASA boleh ditakrifkan sebagai koperasi atasan atau tidak, adalah bergantung kepada sama ada ia dapat memenuhi kehendak seksyen-seksyen yang tersebut di atas tadi.

Untuk maklumat Yang Berhormat, saya difahamkan setakat ini terdapat 23 buah koperasi di peringkat menengah yang boleh menubuhkan koperasi atasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada mendengar tentang koperasi atasan dan menengah. Adakah koperasi bawahan? (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Mengikut Rang Undang-undang yang baharu sahaja diluluskan oleh Dewan ini, memang ada koperasi bawah iaitu dipanggil koperasi asas, di mana ahli-ahlinya terdiri daripada individu. Koperasi menengah adalah koperasi yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada koperasi lain dan juga individu dan koperasi atasan

ialah koperasi yang mana ahlinya terbuka kepada koperasi-koperasi sahaja.

### TINDAKAN LEBIH BERKESAN TERHADAP KUMPULAN AL-ARQAM

**11. Datuk Dr. Haji Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan secara lebih berkesan yang akan dijalankan bagi mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh kumpulan dakwah Al-Arqam dari segi penyelewengan aqidah dan juga kesan-kesan negatif terhadap kehidupan sosial, khususnya dari segi memelihara dan menjamin para pelajar atau mahasiswa kita sama ada di dalam atau di luar negeri tidak terpengaruh oleh kumpulan tersebut.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh kumpulan dakwah Al-Arqam dari segi penyelewengan aqidah dan juga kesan-kesan negatif terhadap kehidupan sosial anggota masyarakat dan pelajar-pelajar di dalam dan di luar negeri. Di antara tindakan-tindakan yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

- (a) mempertingkatkan pengawasan terhadap setiap pergerakan bagi kumpulan ini sama ada di dalam atau di luar negeri;
- (b) mempertingkatkan kerjasama di antara agensi-agensi Kerajaan di dalam menyekat pengaruh Darul Arqam daripada merebak;
- (c) mengambil tindakan undang-undang bagi menyekat penerbitan artikel-artikel, majalah-majalah serta buku-buku yang menggambarkan atau memberi kefahaman mengenai Aurad Muhammadiyah melalui Akta 30(1),

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 (Pindaan) 1984;

- (d) memberi penjelasan mengenai penyelewengan aqidah Darul Arqam melalui pembentangan kertas kerja dan ceramah-ceramah oleh ahli-ahli panel yang dilantik oleh pihak berkuasa di seminar-seminar, kursus-kursus dan bengkel-bengkel dari semasa ke semasa.
- (e) membaca khutbah jumaat khas di masjid-masjid di seluruh negara mengenai penyelewengan aqidah yang dilakukan oleh kumpulan Darul Arqam.
- (f) mengadakan sesi dailog dengan bekas-bekas pengikut dan juga pengikut-pengikut semasa Al-Arqam bagi tujuan menyedarkan mereka berhubung dengan penyelewengan aqidah;
- (g) melantik Pegawai-pegawai Kebajikan bimbingan agama Jabatan Penuntut di Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang paling besar ialah kefahaman umat Islam tentang sesuatu perkara yang hendak dianggotainya, sesuai dengan satu firman Tuhan, yang bermaksud "Janganlah kamu mengikuti ataupun memasuki sesuatu kumpulan/gerakan yang kamu tidak ada ilmu di dalamnya". Dengan sebab itu, orang Islam adalah dinasihatkan supaya mengkaji dan menilai dengan sedalam-dalamnya sesuatu kegiatan yang berkaitan dengan agama kalau kita hendak menyertainya.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan mengenai al-Arqam ini begitu popular dan seingat saya ini adalah kali yang kesepuluh. Oleh sebab begitu popular sangat, jadi, saya hendak tanya iaitu mengenai satu majalah iaitu "AMAL", di bawah disitu ditulis "Empayar Islam

Cina-Melayu". Oleh kerana saya tidak baca habis, maka saya tidak tahu sama ada majalah ini termasuk dalam naskhah-naskhah yang sepatutnya diharamkan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang yang bernasib baik kerana setiap ada keluaran al-Arqam, akan dihantar ke rumah saya, termasuklah majalah yang terakhir iaitu "AMAL". Jadi, Kerajaan kini sedang mengkaji. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang seperti saya sebutkan tadi, iaitu perkara yang menyelewengkan akidah Islam, dan masih memperkukuhkan pegangan dan kefahaman kepada Aurad Muhammadiyah, maka dianya akan diambil tindakan. Jika dianya adalah keluaran biasa yang menceritakan kegiatan Al-Arqam di negeri China dan di negeri Siam, itu adalah perkara yang boleh dijalankan oleh Al-Arqam.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Sedikit lagi. Pengeluran majalah ini adalah di Malaysia, saya membeli ini di Kuantan sebenarnya. Jadi saya hendak tahu. Oleh sebab saya difahamkan bahawa majalah-majalah seperti ini telahpun dibanned, tetapi masih lagi di dalam circulation.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan Kerajaan akan meneliti lebih lanjut mengenai majalah "AMAL" yang memang menggambarkan kegiatan-kegiatan Arqam di dalam dan di luar negeri.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat telah menerangkan mengenai berbagai-bagai langkah yang diambil, tetapi kenapakah tidak ada apa-apa tindakan yang dikenakan kepada Ketuanya, kerana jika ada ketua, maka ada pengikutnya?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, ketuanya telahpun kita ambil tindakan dan Kerajaan telahpun

memanggil ketua Arqam ini ke pusat Islam untuk berunding, tetapi sayangnya mungkin ketua Arqam ini fikir oleh kerana dia mempunyai ilmu yang terlalu tinggi, maka tidak perlu berunding dengan alim ulama dari Kerajaan dan dia tidak hadir, cuma dia menghantar budak-budaknya sahaja. Mungkin Tuan Haji Salleh, Setiausaha Dewan pun tahu—dia hantar yang kecil-kecil, (*Ketawa*) jadi, dengan yang kecil-kecil ini kita hendak bawa berunding pun susah. Kita tahu, bila kita bercakap dia tidak faham. Jadi, sekarang ketua Arqam ini berada di luar negeri, jadi kita tidak dapat lagi hendak mengambil tindakan. Kita ada panggil dia balik, dia tidak akan balik dan tidak mahu balik kerana takut kita akan ambil tindakan lanjut. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya kita hendak beri kefahaman yang lebih lanjut bahawa kegiatan-kegiatan yang diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan harus diberhentikan. Kegiatan-kegiatan ekonomi yang baik itu kita tidak menegahinya tetapi soal yang menyentuh aqidah umat Islam, maka itu yang Kerajaan akan bertindak tegas dan akan terus berusaha untuk cuba mengatasi masalah itu.

## HASIL MINYAK DI PERAIRAN NEGERI KELANTAN

**12. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam usaha mencari gali minyak dan memanfaatkan hasil mahsul yang ada di persekitaran perairan Negeri Kelantan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mencarigali minyak di luar pantai negeri Kelantan, PETRONAS dalam tahun 1988 telah menandatangani satu Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSC) dengan Syarikat ESSO Production Malaysia Incorporated (EPMI) bagi block PM. Block

tersebut merangkumi hampir kesemua perairan negeri Kelantan dan sebahagian dari perairan negeri Trengganu.

Setakat ini sebanyak dua telaga eksplorasi telah digerudi di luar pantai negeri Kelantan iaitu telaga Tok Bidan Satu dan Gajah Satu. Tok Bidan Satu tidak menemui sebarang hidro-carbon manakala Telaga Gajah Satu pula hanya menemui sedikit gas asli yang jumlahnya tidak komersil. Pada masa ini aktiviti-aktiviti eksplorasi tidak lagi dijalankan di block PM 2, kerana ianya telahpun diserahkan kembali oleh EPMI kepada PETRONAS pada bulan Ogos, 1991.

**Datuk Dr Haji Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keghairahan dan keseronokan PAS di Kelantan kerana ada tanda-tanda bahawa hasil minyak akan diperolehi di Kelantan, saya ingin tahu pada Yang Berhormat, adakah benar tentang dakwaan PAS yang memerintah di Kelantan sekarang menuduh bahawa PETRONAS sengaja melengah-lengahkan proses mencari minyak di perairan Kelantan?

Kedua, saya ingin tahu, jika minyak diperolehi di perairan Kelantan, adakah ulama-ulama PAS yang memerintah Kelantan sekarang pandai atau tahu menguruskan hasil untuk rakyat negeri Kelantan, sedangkan mereka terlalu banyak bercakap mengenai masalah akhirat dan lupakan hal dunia.

Akhir sekali, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, kalaulah hasil minyak diperolehi di Kelantan, sama ada Yang Berhormat nampak atau tidak, di mana saya percaya lebih cepat parti PAS Kelantan membunuh pengaruh Parti Semangat 46 supaya dia sahaja dapat memerintah sendiri di negeri Kelantan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan satu adalah tidak benar. Kerajaan PAS di Kelantan harus menerima hakikat bahawa jumlah penemuan adalah tidak komersil.

Itulah sebab PETRONAS berhenti mencarigali di sana.

Untuk jawapan kepada soalan dua, dalam pandangan saya adalah mustahil bagi ulama PAS yang sentiasa menekankan masalah akhirat mampu mengendalikan urusan mencarigali minyak di perairan Kelantan, (*Ketawa*) lebih dari PETRONAS untuk kepentingan rakyat kerana PETRONAS telah menunjukkan kecekapan dan kebolehannya di seluruh negara.

Bagi soalan ketiga, kita juga menyaksikan perkembangan politik di negeri Kelantan baru-baru ini, telahpun menunjuk ke arah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Saad bin Haji Man.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.13.

#### PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI— JUMLAH PEMBIAYAAN

**13. Tuan Ding Seling** (*di bawah S.O.23(2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan maklumat seperti berikut:

- (a) berapakah jumlah pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang dibiayai melalui peruntukan-peruntukan berikut:
  - (i) peruntukan Kerajaan Persekutuan;
  - (ii) peruntukan Kerajaan Negeri;
  - (iii) peruntukan melalui agensi-agensi Kerajaan; dan
- (b) berapakah jumlah pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara yang tidak dibiayai melalui peruntukan di atas.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar Malaysia di luar negara dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan pada 1hb Januari 1992 adalah seperti berikut: Di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan, 6,230 orang. Di bawah peruntukan Kerajaan Negeri—886 orang. Di bawah peruntukan agensi Kerajaan—1,071 orang.

Untuk soalan (*b*), adalah dianggarkan terdapat di antara 50,000 hingga 60,000 pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara tahun 1992 yang tidak dibiayai melalui peruntukan seperti yang disebutkan di atas.

#### EPF—PROSES PENGELUARAN WANG TERLALU LEWAT

**14. Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kenapakah proses pengeluaran wang dari EPF kepada pencarum memakan masa 4 minggu;
- (b) adakah cawangan-cawangan EPF di tiap-tiap negeri sengaja melambat-lambatkan proses tersebut; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian Kewangan kepada pegawai-pegawai yang melambatkan proses tersebut.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, KWSP kadang-kadang mengambil masa yang agak panjang untuk memproses permohonan pengeluaran caruman kerana ia perlu berhati-hati memproses satu permohonan bagi menentukan ketulenannya sepertimana yang ditetapkan di dalam Prosedur Kawalan Keselamatan Dalam.

Di samping itu, jumlah permohonan yang diterima setiap bulan adalah banyak iaitu kira-kira 12,700 permohonan. Namun begitu, sebahagian besar permohonan pengeluaran caruman dapat diselesaikan dalam tempoh 4 minggu sahaja kecuali bagi pengeluaran untuk membeli rumah yang mengambil masa panjang sedikit oleh kerana ia memerlukan penelitian yang lebih rapi.

Untuk bahagian (b), KWSP sentiasa berusaha mengambil tindakan mengurangkan tempoh masa memproses permohonan pengeluaran dan ini dapat dilihat daripada masa yang lebih singkat yang diambil sekarang berbanding dengan beberapa tahun yang lalu.

Untuk bahagian (c), KWSP akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kakitangan sekiranya ada bukti yang mereka sengaja melambat-lambatkan proses pengeluaran. Jika Ahli Yang Berhormat dan orang ramai mempunyai bukti adanya perbuatan sebegini, aduan bolehlah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk disiasat dan diambil tindakan sewajarnya.

**Dato' Ng Thian Hock:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa proses pengeluaran wang EPF kepada pembeli-pembeli rumah mengambil masa yang panjang. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat, adakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pembeli atau pemaju rumah, atau Kementerian sendiri untuk menolong pembeli-pembeli rumah oleh kerana pembeli-pembeli menghadapi masalah yang besar iaitu mereka terpaksa membayar faedah yang tinggi sebelum wang dikeluarkan daripada EPF?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KWSP mengambil masa secara

purata selama 2 bulan untuk memproses permohonan untuk membeli rumah dari pemohon-pemohon. Masa yang lebih panjang ini perlu diambil untuk meneliti proses permohonan dengan rapi kerana sebelum ini terdapat beberapa kes penipuan di mana beberapa ahli telah pun menipu EPF dalam erti kata tidak menyatakan atau memberikan maklumat-maklumat yang tepat mengenai peribadi mereka.

Oleh itu, pada masa ini KWSP perlu mendapatkan pengesahan pinjaman perumahan daripada pihak pemberi pinjaman umpamanya bank bagi menentukan kesahihan pinjaman tersebut oleh kerana ia melibatkan pihak-pihak ketiga; inilah sebabkan kenapa ia mengambil masa sedikit tetapi Kerajaan ingin memberi jaminan bahawa pihak KWSP akan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa proses permohonan ini dapat diselesaikan dalam masa yang sesingkat mungkin untuk meringankan beban.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).*

### MASYARAKAT ORANG ASLI—KAJIAN SOSIO-EKONOMI RM6

**15. Tuan Wali bin Nawan** minta Perdana Menteri:

- (a) sejauh mana Liputan Kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU) dilaksanakan di kalangan masyarakat Orang Asli;
- (b) berapa buah Negeri dan perkampungan yang telah diliputi; dan
- (c) apakah sasaran Kementerian terhadap peningkatan sosio-

ekonomi masyarakat ini dalam Rancangan-rancangan Malaysia mulai RM6 hingga tamat Wawasan 2020.

**Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:**

- (a) Unit Perancang Ekonomi setakat ini belum ada menjalankan kajian mengenai masyarakat Orang Asli, bagaimanapun pada tahun 1990 pihak SERU telah menjalankan satu kajian Orang Asli menyentuh aspek-aspek berikut:
- (i) Dasar awam yang berkaitan dengan Orang Asli;
  - (ii) Kedudukan ekonomi Orang Asli yang merangkumi pendapatan dan kemiskinan Orang Asli, pekerjaan Orang Asli dan strategi meningkatkan ekonomi mereka;
  - (iii) Kualiti hidup Orang Asli yang merangkumi kualiti rumah, konsep Orang Asli, perkhidmatan dan kemudahan awam dan penilaian strategi meningkatkan kreativiti hidup Orang Asli; dan
  - (iv) Kajian lain yang dibuat juga meliputi sosio budaya masyarakat Orang Asli semata.
- (b) Sebanyak 7 buah negeri terlibat dalam kajian ini iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Selangor, Kelantan dan Perak. manakala jumlah kampung yang diliputi dalam kajian ini adalah kebanyakan 41 buah kampung yang dikategorikan luar, pinggir dan pedalaman.
- (c) Memastikan proses integrasi di kalangan masyarakat Orang Asli dipercepatkan iaitu dengan

menyusun program yang dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi dengan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) Pembangunan Pertanian in-situ (setempat);
- (ii) Pembangunan Tanah Tersusun;
- (iii) Pembangunan Institusi;
- (iv) Perusahaan Kecil;
- (v) Pendidikan;
- (vi) Kesihatan dan Perubatan;
- (vii) Latihan Kemahiran dan lain-lain.

**ETIKA PENGURUSAN HUTAN—PELAKSANAAN**

**16. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berhubung dengan pengurusan hutan negara ini:

- (a) adakah Kerajaan Malaysia mempunyai etika pengurusan hutan sendiri; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan Pusat atau Negeri bercadang hendak menggunakan khidmat Orang Asli sebagai mata dan telinga kepada Jabatan Hutan untuk menjaga hasil hutan tidak dicuri.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):**

- (a) Malaysia mempunyai etika pengurusan hutannya sendiri yang berlandaskan kepada dua tonggak utama iaitu Dasar Perhutanan Negara 1978 dan Akta Perhutanan Negara 1984. Dasar Perhutanan Negara 1978 memperuntukan usaha-usaha pembangunan,

penyelidikan dan pengurusan sumber hutan dijalankan secara teratur dan saintifik sejajar dengan konsep perolehan bekekal, manakala Akta Perhutanan Negara 1984 digubal untuk memastikan pelaksanaan Dasar Hutan Negara 1978 dapat memenuhi objektif-objektifnya.

Berasaskan Dasar dan Akta ini, sistem dan strategi pengurusan hutan dirancang dilaksanakan ke arah mencapai tahap penggunaan sumber hutan yang optima dan menyeluruh, kadar perolehan berkekal, faedah sosial dan ekonomi yang optima serta pemeliharaan alam sekitar dan sumber air. Dua sistem pengurusan hutan diamalkan iaitu sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System-SMS) yang melibatkan kawasan hutan kaya dan giliran tebang 30 tahun dan Sistem Seragam Malaya (Modified Malayan Uniform System) bagi kawasan hutan lain dengan giliran tebang 55 tahun. Sistem-sistem pengurusan hutan yang diamalkan ini merangkumi beberapa unsur penting termasuk penubuhan dan pemeliharaan Status Hutan Simpanan Kekal (HSK), penentuan dan kawalan Catuan Tebang Tahunan (CTT), pemulihan hutan yang telah diusahailkan menerusi rawatan silvikultur dan penubuhan ladang hutan di kawasan hutan miskin.

- (b) Kerajaan sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak termasuk kaum orang asli dalam mengawasi sumber hutan negara daripada dicerobohi dan dicuri dan semua maklumat dan laporan yang diterima akan disiasat dan disusuli mengikut peruntukan undang-undang.

### DOKTOR PAKAR MIKROSURGERI— PENEMPATAN DI KEDAH/PERLIS/ PULAU PINANG

**17. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menempatkan Doktor Pakar Tangan dan Bahagian Jabatan Tangan dan Mikrosurgeri di kawasan utara sama ada di Perlis, Kedah, Pulau Pinang atau Perak memandangkan banyak kemalangan tangan dan sukar mendapat rawatan segera.

**Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai):** mengikut perancangan, Kementerian memang bercadang untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan termasuk "Hand and Microsurgery" di hospital-hospital besar secara "regional". Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada adanya pakar-pakar terlatih yang mencukupi. Namun demikian, kes-kes kemalangan yang biasanya boleh dikendalikan oleh Pakar-pakar Bedah dan Pakar-pakar Otopedik yang ada.

### KESESAKAN LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR— LANGKAH MENGATASI

**18. Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang lebih berkesan dilakukan untuk mengurangkan kesesakan lalu-lintas setiap hari yang dialami di Bandaraya, Kuala Lumpur;
- (b) sudahkah projek Kerajaan untuk menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan dan yang tertentu berkongsi kereta untuk ke pejabat berjaya dilaksanakan; dan
- (c) seterusnya, pihak manakah yang telah ditanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah itu.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:**

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa masalah kesesakan lalu lintas makin meningkat di Bandaraya Kuala Lumpur. Punca utama kesesakan lalu lintas adalah kerana terlalu banyak kereta-kereta persendirian yang bermuatan rendah di jalan-jalan raya.

Dengan itu adalah menjadi dasar Pelan Suktur Kuala Lumpur untuk menitikberatkan penggunaan awam dengan memperkenalkan sistem-sistem pengangkutan baru sebagai langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Di antaranya ialah:

- (i) Sistem Transit Laju Ringan (LRT) bagi tujuan perjalanan ulang-alik dari kawasan perumahan/-pertumbuhan di luar Pusat bandar ke Pusat Bandar (Commuter Service);
  - (ii) Sistem monorel bagi tujuan perjalanan dalam Pusat Bandar (Intra-City Services);
  - (iii) Sistem Rel Komuter (KTM Double Tracking) bagi tujuan perjalanan ulang-alik dari luar Kuala Lumpur ke Pusat bandar Kuala Lumpur;
  - (iv) Memperbaiki dan mempertingkatkan mutu sistem perkhidmatan bas melalui penyusunan semula laluan-laluan bas sedia ada bagi menjadikan perkhidmatan lebih cekap, efisien dan menyeluruh.
- (b) Kerajaan telah pun menggalakkan pegawai-pegawai berkongsi kereta bagi tujuan datang ke pejabat dan pulang ke rumah. Bagaimanapun, untuk mempertingkatkan lagi galakan ini, satu program kempen

melalui media massa sedang digubal. Program ini dijangka dapat dilancarkan pada awal tahun 1993.

- (c) Kementerian Pengangkutan telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kempen tersebut dengan kerjasama agensi-agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Kerja Raya, Polis DiRaja Malaysia dan lain-lain agensi yang berkaitan.

**HARGA BARANG KAWALAN—  
TINDAKAN TERHADAP  
PENIAGA YANG INKAR**

**19. Tuan Syed Abdul Hamid Sagaff:** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejak Kerajaan menurunkan harga cukai terhadap 469 barangan berapa ramai peniaga-peniaga yang enggan atau ingkar menurunkan harga barang-barang tersebut dan apakah tindakan terhadap peniaga-peniaga itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Soalan ini telah dijawab pada 17hb Disember, 1992 semasa menjawab soalan Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth.

**NEGARA-NEGARA BERSEKUTU  
KOMUNIS—PERPECAHAN**

**20. Tuan Dahalan bin Haji Embun:** minta Menteri Luar Negeri menyatakan fragmentasi negara-negara bersekutu menjadi suatu fenomena baru. Apakah ini akan menular ke negara-negara bersekutu lain. Apakah negara-negara yang termungkin fenomena ini berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, fragmentasi yang telah berlaku akhir-akhir ini melibatkan negara-negara bersekutu yang dahulunya mengamalkan pemerintahan komunis. Negara-negara komunis tersebut merangkumi persekutuan negeri-negeri yang berdaulat dan merdeka sebelum itu. Persekutuan yang telah diwujudkan selama di bawah sistem komunis adalah merupakan satu penyatuan yang superfisial yang berjaya digabungkan berdasarkan pemerintahan kuku-besi regim komunis yang menyekat segala kebebasan. Maka apabila runtuhnya sistem komunis di negara-negara tersebut dan bermulanya pergerakan ke arah demokrasi, negara-negara kecil yang selama ini dibelenggui oleh pemerintahan komunis mula merdeka yang bebas dan berdaulat. Oleh yang demikian, perpecahan yang berlaku kepada persekutuan negara-negara yang berfahaman komunis bukanlah merupakan satu tren atau fenomena yang boleh menjejaskan negara-negara bersekutu yang lain.

**SUMBER PINJAMAN MEMBELI  
RUMAH-RUMAH—  
KEENGGANAN INSTITUSI  
KEWANGAN**

**21. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada banyak projek rumah murah terjejas berikutan keengganan sesetengah bank dan institusi kewangan memberi pinjaman kepada pembeli rumah murah dan pemaju;
- (b) sama ada keadaan tersebut menggagalkan usaha Kerajaan mewujudkan lebih banyak rumah murah; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang patut diambil bagi mengatasi keadaan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamd):**

- (a) Kementerian Kewangan tidak mempunyai maklumat mengenai adanya projek perumahan yang terjejas akibat daripada kesukaran pihak pembeli dan pemaju untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan. Ini adalah kerana tidak ada banci khas yang dibuat ke atas perkara tersebut. Walau bagaimanapun, daripada pengalaman menguruskan skim Tabung Projek Perumahan Terbengkalai, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa salah satu sebab utama kegagalan ialah kelemahan pemaju seperti penyelewengan dan kelemahan dalam menguruskan syarikat, projek dan pemasaran.
- (b) Kementerian Kewangan akan berusaha memastikan bank-bank akan menyokong rancangan pihak swasta membina rumah kos rendah.
- (c) Sebagai langkah untuk memastikan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan menyediakan kemudahan pinjaman yang secukupnya kepada pembeli rumah yang berharga RM100,000 dan ke bawah, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan mengenainya pada 30hb Mac 1992. Garis panduan ini, sepertimana yang dijelaskan dalam jawapan pada 24hb Disember, 1992 iaitu semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai, menetapkan bilangan minimum unit rumah dan nilai pinjaman perumahan yang perlu dipatuhi oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan.

### UJIAN PERUBATAN PEKERJA- PEKERJA ASING

23. **Dato' K. Vijanathan** minta Menteri Kesihatan menyatakan bolehkah beliau memberitahu langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan bahawa kehendak minimum ujian perubatan atas pekerja-pekerja asing dijalankan dengan sempurna.

**Dato' Lee Kim Sai:** Untuk makluman Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan akan dan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa kehendak minimum ujian perubatan atas pekerja-pekerja asing dijalankan dengan sempurna. Antara langkah-langkah tersebut termasuk:

- (i) Setiap pekerja asing dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan semasa berada di Malaysia supaya ia bebas daripada penyakit-penyakit berjangkit.
- (ii) Jika ia didapati mempunyai penyakit berjangkit, maka ia akan dihantar pulang dan tidak dibenarkan bekerja di negara ini.

### SKIM CEPAT KAYA— TANGKAPAN PENGASAS/AGEN

24. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pengasas Skim Piramid seperti Skim Cepat Kaya, Pak Man Telo, Labu Peram, Reffa dan lain-lain yang telah ditangkap; dan
- (b) berapakah jumlah wang yang telah dirampas oleh Kerajaan dari Skim di atas dan bilakah wang ini hendak dikembalikan kepada peserta-peserta skim ini.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Seramai 14 orang telah ditangkap dan dikenakan Perintah Sekatan

di bawah Akta Kediaman Terhadap 1933 terhadap pengasas dan agen Skim Cepat kaya dan tiga orang daripada mereka telah didakwa di mahkamah.

- (b) Kerajaan telah berjaya merampas wang berjumlah RM1,046,449.00 dan telah diserahkan kepada Bank Negara oleh kerana pengambilan deposit tanpa lesen. Wang tersebut tidak dapat dikembalikan kepada pendeposit-pendeposit skim tersebut sehingga mahkamah membuat keputusan.

### SAHAM EKUITI BUMIPUTERA—SYARIKAT YANG DISENARAI HITAM

25. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah syarikat-syarikat Bumiputera yang mendapat saham tetapi menjualnya semula untuk mendapat keuntungan segera;
- (b) apakah tindakan segera yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memastikan peraturan ekuiti Bumiputera tidak berkurangan; dan
- (c) berikan nama-nama syarikat Bumiputera yang disenaraikan hitam kerana kesalahan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Perdagangan Antarabangsa dan  
Industri (Dato' S. S. Subramaniam):**

- (a) Sebahagian besar saham-saham yang ditawarkan melalui Kementerian ini adalah diperuntukkan kepada institusi-institusi amanah seperti Permodalan Nasional berhad (PNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan juga agensi-agensi kerajaan seperti Yayasan Negeri, manakala sebilangan kecil sahaja telah diperuntukkan kepada syarikat-

syarikat yang berdaftar dengan Kementerian. Boleh dikatakan kebanyakan syarikat-syarikat ini tidaklah menjual saham-saham yang diperuntukkan itu dengan begitu segera, mengikut rekod Kementerian ini, terdapat kira-kira 64 syarikat berkenaan telah menjual saham-saham yang telah diperuntukkan itu yang mana penjualan tersebut adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

- (b) Kementerian ini memberi keutamaan peruntukan saham-saham khas Bumiputera kepada institusi-institusi amanah dan agensi-agensi Kerajaan dengan tujuan mereka dapat memegang saham tersebut untuk tempoh jangka panjang. Setakat ini, sebahagian besar saham-saham yang telah ditawarkan melalui Kementerian ini adalah dipegang oleh institusi-institusi berkenaan. Di samping itu, Kementerian ini mengenakan syarat kepada pihak-pihak Bumiputera yang telah diperuntukkan saham supaya tidak menjual saham-saham berkenaan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian ini. Kementerian berharap pihak-pihak Bumiputera berkenaan dapat memegang saham-saham yang telah diperuntukkan itu untuk pelaburan jangka panjang.
- (c) Tindakan untuk menyenarai hitam syarikat-syarikat yang telah menjual saham-saham yang diperuntukkan itu akan diambil sekiranya mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Salah satu syarat yang dikenakan ialah mereka tidak boleh menjual saham-saham tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian. Sehingga masa ini, Kementerian masih meneliti dan mengawasi

kedudukan syarikat-syarikat tersebut.

### **KEMALANGAN PENUNGGANG MOTOSIKAL— PENGURANGAN KADAR KESAN PERATURAN BARU**

**26. Tuan V. K. Sellapan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah sambutan dari orang ramai terhadap amalan peraturan lalu-lintas baru yang dikenakan pada penunggang motosikal untuk memasang lampu sepanjang perjalanan dan memakai helmet liner; dan
- (b) sejauh manakah bilangan kemalangan dapat dikurangkan dengan penggubalan peraturan baru ini.

**Timbalan menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):**

- (a) Orang ramai telah memberi sambutan yang amat menggalakkan terhadap peraturan yang dikenakan kepada penunggang motosikal untuk memasang lampu sepanjang perjalanan dan terhadap penggunaan jalur pantulan cahaya di tepi keledar.
- (b) Perangkaan kemalangan jalan raya yang melibatkan motosikal bagi seluruh negara telah menunjukkan angka menurun selepas peraturan memasang lampu sepanjang jalan dikuatkuasakan pada 1hb September, 1992. Bagi bulan September dan Oktober 1992 jumlah motosikal yang terlibat dalam kemalangan ialah masing-masing 3,088 dan 3,344 berbanding dengan 4,10 bagi bulan Ogos, 1992.

**SEKOLAH RENDAH JENIS  
KEBANGSAAN (CINA)—  
LANGKAH  
MENGATASI PERTAMBAHAN  
MURID**

**27. Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang mempunyai murid yang melebihi 1,500 orang; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah bilangan murid sekolah yang terlalu besar di sesetengah sekolah rendah.

**Menteri Pendidikan (Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan SRJK (C) yang mempunyai murid melebihi 1,500 orang seperti pada 31hb Januari, 1992 ialah sebanyak 86 buah.
- (b) Bagi sekolah kerajaan, untuk menyelesaikan masalah bilangan murid yang bertambah, Kementerian Pendidikan akan menambah bilangan bilik darjah sama ada di sekolah-sekolah yang sedia ada atau dengan membina sekolah-sekolah baru.

**KEM TENTERA DI KUALA  
PILAH—CADANGAN  
MENGADAKAN**

**28. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada kerajaan bercadang membuat satu lagi Kem Tentera di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, kalau ada—bila

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Dalam tempoh masa RM-6, Kementerian Pertahanan tiada rancangan untuk membuat Kem Tentera di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

**JEMAAH NAZIR SEKOLAH  
PERSEKUTUAN—  
FUNGSI DAN KESAN**

**29. Dato' Haji Azumu bin Tak** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah fungsi-fungsi Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan dan pada hitung panjangnya, berapa kalikah tiap-tiap sekolah menengah dilawati pada tiap-tiap tahun.

**Datuk Anuar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1970) dengan jelas menggariskan fungsi-fungsi asas Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan iaitu:
  - (i) bertanggungjawab bersama-sama pihak lain seperti yang ditetapkan oleh Y.B. Menteri untuk memastikan supaya mutu pengajaran dan pembelajaran serta pengelolaan, pentadbiran di sekolah dan institusi pendidikan terpelihara dan seterusnya dapat diperbaiki.
  - (ii) melawat, memeriksa dan menilai semula sekolah dan institusi pendidikan seperti diarahkan oleh Y.B. menteri atau pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh Ketua Nazir Sekolah;
  - (iii) memberi nasihat dan konsultasi kepada guru-guru, lembaga pengelola dan institusi pendidikan berkaitan pengajaran dan pembelajaran serta pengelolaan pentadbirannya;
  - (iv) menyediakan laporan bagi semua sekolah dan institusi pendidikan yang dilawati dan diperiksa untuk disampaikan kepada Y.B. Menteri.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana bilangan sekolah-sekolah menengah terlalu banyak, tidak semua sekolah tersebut dapat dilawati oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan pada setiap tahun. Kira-kira 78% daripada jumlah bilangan sekolah menengah Kerajaan sahaja yang sempat dilawati oleh Jemaah Nazir Sekolah tiap-tiap tahun.

**BOSNIA-HERZEGOVINA  
PENYERTAAN  
PENGHANTARAN  
TENTERA MALAYSIA**

**30. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kementerian ini bercadang untuk menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina bagi tujuan membantu rakyat Bosnia yang dizalimi oleh kaum serbia.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, segala langkah dan usaha Malaysia untuk mencari kediaman di Bosnia-Herzegovina adalah melalui inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh itu, kerajaan sedia menimbang-cadangan-cadangan untuk menghantar tentera ke Bosnia-Herzegovina sekiranya ada permintaan dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Perlu dinyatakan bahawa sekiranya kita mengambil keputusan untuk menghantar tentera kita, mereka akan hanya bertugas sebagai tentera pendamai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**TUMPAHAN MINYAK  
"NAGASAKI SPIRIT"—  
LANGKAH MENGATASI**

**31. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Muhammad** minta Menteri Sains, teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada tumpahan minyak pekat

'Chocolate Mousse' akibat pelanggaran kapal Nagasaki Spirit itu akan mengancam hidupan laut di perairan Selat Melaka dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementeriannya.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Law Hieng Ding):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab dalam sidang ini bersama-sama dengan pertanyaan dari Y.B. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 17hb Disember, 1992.

**PEKERJA ASING PEMBAWA  
HIV—JUMLAH**

**32. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan memeriksa semua pekerja asing bagi mengatasi jumlah sebenar pembawa HIV;
- (b) jika sudah, berapakah jumlah pembawa HIV; dan
- (c) sudahkah diuji pendatang tanpa izin ke Malaysia.

**Dato' Lee Kim Sai:**

- (a) Kerajaan memang ada memeriksa hampir semua pekerja asing bagi memastikan mereka tidak dijangkit HIV.
- (b) Jumlah pembawa HIV di kalangan pekerja asing setakat 31-10-1992 ialah 148 orang.
- (c) Seramai 9,931 pendatang tanpa izin telah pun diuji dan 14 orang daripada mereka didapati positif dengan HIV.

**PENGAMBILAN ANAK/  
KELUARGA BOSNIA—  
KEMUDAHAN BANTUAN**

**34. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan

memandangkan bahawa Kementerian dan ABIM telah memainkan peranan yang begitu mengkagumkan dalam soal pengambilan anak-anak angkat dari Bosnia; langkah dua badan ini amatlah murni dan patutlah dicontohi oleh badan-badan lain: suasana ini telah menunjukkan Kerajaan Malaysia amatlah sensitif dengan masalah masyarakat dunia Islam sekarang:

- (a) adakah Kerajaan Malaysia berhasrat untuk membawa lebih ramai lagi rakyat Bosnia yang tersiksa akibat kekejaman tentera Serbia ke sini;
- (b) adakah Kerajaan Malaysia meletakkan tempoh bagi pengambilan mereka ke sini. Dan kalau ya, beri tempohnya; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan penghidupan rakyat-rakyat Bosnia yang dibawa ke negara ini.

**Dato' Napsiah binti Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi pertanyaan berkaitan dengan perkara ini telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 23-12-1992. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan bagi pertanyaan Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput.

### KONTRAKTOR BUMIPUTERA BERMASALAH—BANTUAN

**35. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan beberapa ramaikah bilangan kontraktor Bumiputera yang bermasalah dan apakah tindakan untuk menolong mereka mengatasi masalah-masalah tersebut dan berapa ramaikah pula kontraktor yang berjaya dan berapa peratuskah tahap pencapaian mereka bagi tahun 1991-1992.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Jumlah syarikat-syarikat kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Pusat

Khidmat Kontraktor, Kementerian Perusahaan Awam ialah 13,353. Agensi-agensi Kerajaan telah melaporkan kepada PKK bahawa 200 syarikat kontraktor bumiputera telah dan sedang menghadapi menghadapi masalah seperti kelewatan menyiapkan projek, kekurangan modal pusingan, tenaga pekerja mahir dan kekurangan pengetahuan dalam pembinaan dan praktis pengurusan pembinaan.

Kerajaan sentiasa menolong syarikat-syarikat Bumiputera yang menghadapi masalah dan berbagai-bagai usaha sedang dilaksanakan oleh Agensi-agensi Kerajaan seperti berikut:

- (i) Tabung Pemulihan Usahawan berjumlah \$7.9 juta telah dikhaskan untuk syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah kewangan atau yang berhutang kepada agensi Kerajaan. Syarikat-syarikat bumiputera boleh memohon kepada TPU dan diberi projek untuk membantu mereka supaya kedudukan modal dapat diatasi melalui keuntungan daripada projek yang dilaksanakan.
- (ii) Menawarkan kontrak secara rundingan terus kepada gabungan-gabungan kontraktor bumiputera di peringkat- negeri.
- (iii) Agensi-agensi Kerajaan mengkhaskan 30% dari jumlah nilai kerja tahunan kepada kontraktor bumiputera.
- (iv) Memberi khidmat nasihat, bimbingan dan latihan melalui kursus dan sebagainya oleh agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, Unit penyelarasan Pelaksanaan dan Kementerian Kerja Raya dan sebagainya.
- (v) Tawaran kerja secara undi kepada kontraktor-kontraktor bumiputera Kelas "F".
- (vi) Bahagian Pembangunan Usahawan di Kementerian Perusahaan

Awam telah menyediakan berbagai-bagai program secara menyeluruh kepada usahawan bumiputera dengan tujuan untuk pembangunan masyarakat perdagangan dana perindustrian bumiputera di negara ini. Program-program yang dirangkaikan termasuk aktiviti-aktiviti yang ada berkaitan dengan industri binaan seperti "sub-contracting", motivasi dan pengurusan.

Daripada 13,353 kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan PKK, jumlah yang berjaya (ditakfikan berjaya mendapat projek) ialah 6,110 syarikat. Ini berasaskan rekod-rekod yang diterima daripada agensi-agensi Kerajaan dan ada kemungkinan bilangannya lebih daripada yang direkodkan oleh PKK.

Tahap-tahap pencapaian pada tahun 1991-1992 belum lagi dapat dikenalpasti sebab sebilangan besar projek yang dilaksanakan mengambil masa 2 atau 3 tahun.

#### **PENGELUARAN BERAS NEGARA— PERSEDIAAN MENGHADAPI KEKURANGAN**

**36. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan berhubung dengan satu cadangan dari makan nasi kepada makan makanan sampingan seperti ubi kayu, keledak, jagung dan sebagainya. Jika, di suatu masa kelak kemungkinan akan berlaku kekurangan hasil padi negara, oleh sebab cuaca buruk dan zat tanah berkurangan:

- (a) adakah pihak Kementerian Pertanian membuat perancangan atau persediaan kemungkinan berlakunya kekurangan beras di Malaysia ini; dan
- (b) adakah tanaman gandum sesuai di negara ini jika diusahakan secara besaran-besaran, dan adakah

cadangan pihak Kerajaan hendak memulakan tanaman gandum ini.

#### **Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):**

- (a) Kerajaan mempunyai dasar tahap saradiri pengeluaran padi iaitu terapung pada tahap 55-60% dengan memberi tumpuan pengeluaran padi kepada hanya lapan kawasan jelapang padi di mana MADA menyumbangkan hampir 45% keperluan negara. Dasar ini telah diputuskan memandangkan negara tidak mempunyai faedah perbandingan untuk pengeluaran padi disebabkan kos pengeluaran yang tinggi berbanding dengan pengeluaran padi di negara Thailand, Burma dan Vietnam. Walaupun negara, hanya mengeluarkan 55-60% keperluan beras negara, namun perancangan terperinci dibuat bagi memastikan tidak berlakunya kekurangan beras negara. Baki keperluan beras negara akan dicapai melalui pengimportan.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat tanaman gandum didapati tidak sesuai di negara ini dari segi teknikal dan juga ekonomi kerana tanaman ini adalah tanaman jenis 'temperate'. Dengan demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengusahakan secara besar-besaran untuk memulakan tanaman gandum ini.

#### **AKADEMI GOLF YAYASAN PELAJARAN MARA— PENANGGUHAN PROJEK**

**37. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membantalkan terus cadangan Yayasan Pelajaran Mara (YPM) untuk menubuhkan Akademi Golf.

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Buat masa ini, cadangan penubuhan Akademi Golf oleh YPM adalah ditangguhkan. Ini memandangkan bahawa YPM perlu menumpukan perhatian dalam bidang pendidikan terlebih dahulu sebagai 'core business'nya. Walaupun demikian, YPM masih berhasrat untuk meneruskan projek ini jika diluluskan oleh Lembaga Pengarahnya, sama ada secara persendirian atau bergabung dengan badan-badan Kerajaan yang lain. Oleh itu, Kementerian tidak bercadang membatalkan terus program ini sesuai dengan saranan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri agar satu Akademi Golf Professional ditubuhkan semasa perasmian Asian Golf Course 1992 Exhibition di PWTC.

#### KELAS TADIKA—GARIS PANDUAN KURIKULUM

**38. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah sekolah tadika yang berdaftar di Persekutuan Tanah Melayu ini. Seterusnya:

- (a) adakah kurikulum-kurikulum di sekolah itu mengikut panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian; dan
- (b) adakah Kerajaan juga mengeluarkan panduan bayaran yang boleh dikenakan kepada anak-anak yang ingin menyertai sekolah tadika itu. Sekiranya panduan itu tidak ada, tindakan patut Kerajaan mengeluarkan satu arahan supaya ibu bapa kepada anak-anak yang ingin masuk itu tidak dihampa oleh bayaran yang agak tinggi yang akan dikenakan pada mereka.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. eo Michael Toyad):** Untuk makluman ang Berhormat, bilangan tadika yang rdaftar dengan Kementerian Pendidikan da masa ini adalah 6,502 buah. ementerian Pendidikan sendiri ngelolakan sebanyak 1,069 pusat pra kolah di seluruh negara.

- (a) Kementerian Pendidikan ada menyediakan Garis Panduan Kurikulum Prasekolah yang mana tadika-tadika digalakkan menggunakannya. Garis panduan tersebut boleh dijadikan rujukan kepada pengajar-pengajar pra sekolah bagi mempertingkatkan lagi mutu pendidikan prasekolah.
- (b) Kementerian Pendidikan tidak mengawal yuran yang dikenakan oleh tadika kerana terlalu banyak perbezaan di antara tadika-tadika di negara ini seperti bangunan, kemudahan, lokasi, kualiti pendidikan dan sebagainya. Bagaimanapun, di mana perlu Pendaftar Sekolah akan menasihati tadika-tadika yang mengenakan yuran yang didapati tidak munasabah.

#### PERUSAHAAN KECIL DI KAMPUNG BARU CINA— SYARIKAT PENGELUARAN LESEN

**39. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi lesen kepada perusahaan-perusahaan kecil yang terdapat sekarang di 452 buah Kampung Baru Cina untuk membantu mempercepatkan proses ke arah Wawasan 2020.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr. Ting Chew Peh):** Untuk makluman Ahli Yang terhormat, kuasa-kuasa untuk memberikan lesen-lesen bagi menjalankan perusahaan-perusahaan kecil sama ada di bandar, luar bandar atau di kawasan kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung "baru" yang terletak dalam kawasan pentadbiran pihakberkuasa tempatan adalah terletak di bawah pihakberkuasa tempatan berkenaan. Perusahaan kecil ini akan diberi

**Tuan Mustapa bin Mohamed:**

(a) Daripada rekod Projek Terbengkalai di Bahagian Pinjaman Perumahan bilangan Kerajaan yang terlibat dengan Projek Perumahan Terbengkalai adalah seramai 2,548. Jumlah pinjaman yang diluluskan bagi 2,548 peminjam tersebut ialah \$119,511,252.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$78,304,492.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$78,304,492.00 telah pun dikeluarkan.

(b) Kerajaan sedar akan beban kewangan yang ditanggung oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan projek-projek terbengkalai, dan telah pun mengambil berbagai langkah seperti berikut untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh mereka:

1. Sekiranya hanya sebahagian kecil pinjaman yang diluluskan telah dikeluarkan, peminjam boleh membatalkan pinjaman yang telah diluluskan.
2. Bagi pinjaman yang telah dibatalkan itu, peminjam hanya dikehendak membayar balik pinjaman atas amaun yang telah dikeluarkan.
3. Peminjam boleh menggunakan baki pinjaman yang belum dikeluarkan untuk membeli rumah di projek lain tanpa membayar proses sekali lagi.
4. Sekiranya baki pinjaman tidak mencukupi untuk menampung kos rumah kedua yang hendak dibeli, kelulusan istimewa boleh diberi untuk peminjam membuat gadaian kedua atas harta yang sama.
5. Kelulusan istimewa akan diberikan untuk membolehkan pinjaman menggunakan baki

pinjaman yang belum dikeluarkan untuk maksud melaksanakan projek pemulihan secara gotong royong.

Memandangkan kemudahan-kemudahan tersebut, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat apa-apa perubahan lagi.

**PERBEZAAN UPAH DI SEKTOR INDUSTRI**

**43. Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapakah terdapat perbezaan upah pekerja di sektor industri yang sama antara satu negeri ditanggung oleh pegawai-pegawai dengan negeri yang lain.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Perbezaan upah pekerja di sektor industri yang sama antara satu negeri dengan negeri yang lain disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

1. Terdapat negeri-negeri yang lebih maju dan mengalami proses perindustrian lebih awal berbanding dengan negeri-negeri lain yang kurang maju dan masih kebelakang dalam proses perindustrian. Negeri-negeri yang maju mempunyai kos hidup yang lebih tinggi dan oleh itu upah pekerja juga akan berbeza.
2. Kedudukan penawaran dan permintaan terhadap pekerja. Bagi negeri-negeri yang mempunyai lebih tenaga kerja tetapi peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri tersebut berkurangan, upah pekerja adalah lebih rendah dibandingkan dengan negeri-negeri yang mempunyai banyak peluang-peluang pekerjaan tetapi menghadapi kekurangan tenaga kerja. Dalam situasi begini, majikan-

majikan terpaksa membayar upah yang lebih tinggi dan kompetitif bagi mendapat dan mengekalkan pekerja-pekerja mereka.

#### **KOPERASI WANITA— GALAKAN BAGI MEMERANGI INFLASI**

**44. Puan Hajah Rohaiah binti Baهران** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah Kementerian bercadang memberi tumpuan yang lebih kepada pengguna (consumerism) untuk kegiatan koperasi-koperasi wanita dan di masa yang sama memerangi kesan inflasi di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 33 buah koperasi wanita di Semenanjung dan 14 buah atau 42% menjalankan aktiviti sebagai koperasi pengguna. Nampaknya Koperasi-koperasi wanita lebih cenderung untuk bergiat di dalam aktiviti pinjam meminjam.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sesebuah koperasi ditubuhkan oleh ahli-ahlinya dengan sukarela untuk menghasilkan tujuan bersama mereka. Ini bererti bahawa koperasi itu dikendalikan oleh ahli-ahlinya untuk ahli-ahli. Ia bukan satu badan kebajikan dan bukan badan yang ditaja oleh Kerajaan. Dengan kata lain, terpulanglah kepada ahli-ahli koperasi untuk menentukan bidang yang akan diceburi oleh koperasi berkenaan.

Walau begitu Kerajaan ingin melihat lebih banyak koperasi akan bergiat di dalam gerakan koperasi pengguna. Antara tindakan-tindakan yang akan diambil ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan kursus-kursus dan seminar ke arah kefahaman dalam bidang aktiviti pengguna;

- (ii) memberi bantuan modal dan bimbingan kepada koperasi-koperasi wanita yang ingin memasuki bidang ini;

- (iii) menyediakan latihan pengurusan kepada Ahli Lembaga dan Pengurus Koperasi dan ahli-ahli koperasi dalam bidang yang berkaitan.

#### **ORANG CACAT/BEKAS PENAGIH DADAH— PELUANG PEKERJAAN DI SEKTOR SWASTA**

**45. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah Kementerian ini bagi memastikan syarikat-syarikat/kilang mengambil tenaga pekerja di kalangan orang cacat dan bekas penagih dadah:

- (a) sejauh manakah tindakan syarikat/kilang yang mengambil tenaga pekerja daripada orang-orang cacat dan penagih dadah ekoran daripada seruan Kerajaan tersebut;
- (b) berapa ramaikah orang-orang cacat diambil kerja di sektor perkilangan sepanjang tahun 1992; dan
- (c) berapa ramaikah penagih-penagih dadah dari pusat-pusat sereni diambil kerja dalam sektor perkilangan sepanjang tahun 1992.

**Dato' M. Mahalingam:** Bagi mengurus penempatan orang-orang cacat dalam pekerjaan di sektor swasta dengan teratur, satu Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh wakil-wakil Jabatan Buruh, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Tenaga Rakyat, pertubuhan-pertubuhan orang-orang cacat dan lain-lain telah ditubuhkan dalam tahun 1990. Langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa ini dalam melaksanakan objek Jawatankuasa ialah:

- (i) Menggubal dasar-dasar dan mengatur program mengenai

penggajian orang-orang cacat di sektor swasta.

- (ii) Menghubungi majikan khususnya di sektor swasta dari masa ke semasa untuk menggalakkan penggajian di samping mendapatkan maklumat kekosongan jawatan untuk ditawarkan kepada orang-orang cacat.
- (iii) Membantu majikan-majikan untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin menghalang rancangan mereka untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat.
- (iv) Memberi latihan vokasional kepada orang-orang cacat.

Untuk menggalakkan lagi majikan mengambil pekerja-pekerja cacat, Kerajaan telah menyediakan insentif dalam bentuk pelepasan cukai dua kali ganda kepada majikan yang menggaji pekerja-pekerja cacat dan juga majikan yang menyediakan latihan serta membeli peralatan untuk pekerja-pekerja cacat.

Untuk membantu bekas penagih-penagih dadah mendapat pekerjaan di sektor swasta pula, satu Jawatankuasa Khas di peringkat kebangsaan telah ditubuhkan untuk melaksanakan program khas ini. Program ini dilaksanakan secara bersama dengan pasukan Petugas Anti Dadah di Jabatan Perdana Menteri dan juga Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah di Kementerian Dalam Negeri. Tanggungjawab Jawatankuasa Khas ini bukan sahaja mempromosikan peluang-peluang pekerjaan bagi bekas penagih-penagih dadah di sektor swasta, malah Jawatankuasa ini memikul tanggungjawab bersama untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti personnel mengikut prosedur yang biasa. Jawatankuasa ini juga telah menetapkan "peraturan-peraturan" khas bagi majikan-majikan yang berminat untuk melaksanakan program ini. Garis panduan ini dapat berfungsi sebagai "sistem

pengawasan" (monitoring system) untuk melaksanakan tersebut dengan jayanya.

- (a) Sambutan yang ditunjukkan oleh majikan di sektor swasta terhadap seruan Kerajaan agar mengambil orang-orang cacat dan bekas penagih-penagih dadah bekerja adalah memuaskan.
- (b) Sepanjang tahun 1992 seramai 236 orang cacat telah ditawarkan berbagai jawatan di sektor perkilangan. Pecahan penempatan ini adalah seperti berikut:
  - (i) 35 orang cacat penglihatan.
  - (ii) 92 orang cacat pendengaran.
  - (iii) 104 orang cacat anggota.
  - (iv) 5 orang cacat mental.
- (c) Penempatan bekas penagih-penagih dadah ke dalam pekerjaan di sektor perkilangan sepanjang tahun 1992 ialah seramai 259 orang. Sebanyak 1154 peluang pekerjaan dan penempatan sedang diuruskan oleh Kementerian ini yang diberi tawaran oleh 21 majikan untuk menggaji bekas penagih-penagih dadah.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.35 *ptg.*

**Menteri Belia dan Sukan (Dato' Haji Annuar bin Musa):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Mesyuarat Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan

yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul yang berbunyi sebagaimana yang telah dicadangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, dan sekarang saya kemukakan untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Mesyuarat Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peranan sektor telekomunikasi kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara sangatlah besar dan sentiasa berkembang. Memahami hakikat ini, Kerajaan telah bersetuju supaya pengendalian sektor ini dilaksanakan oleh sektor swasta melalui Dasar Penswastaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkembangan dan pertumbuhan sektor ini untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan demi untuk kepentingan pengguna, pengusaha dan negara.

Peranan dan tanggungjawab Kerajaan diperuntukkan melalui Akta Telekomunikasi. Sektor telekomunikasi pada masa ini merupakan satu sektor yang sedang berkembang pesat dengan kemajuan teknologi canggih. Bagi menentukan supaya kemajuan serta kecanggihan yang berlaku dalam sektor ini berterusan dan memenuhi keperluan pengguna, pengusaha dan negara maka Rang Undang-undang ini dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta berkenaan di dalam Rang Undang-undang ini meliputi Bahagian II, yang menyentuh keistimewaan, dengan izin, privileges dan kuasa Kerajaan dan Bahagian V yang melibatkan radio-komunikasi.

Dalam Bahagian II, dua subseksyen baru dicadangkan dalam pindaan kepada seksyen 3 iaitu subseksyen 4 dan subseksyen 5. Subseksyen 4 akan mengukuhkan kuasa Menteri berkenaan dalam kawalan penentuan lesen dan menghalang serahhak, pindahmilik dan sub-pajakan lesen ini kepada pihak ketiga tanpa persetujuan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk membuat pindaan kepada seksyen ini ialah untuk mengawal supaya lesen-lesen perkhidmatan telekomunikasi yang

dikeluarkan kepada warganegara Malaysia terutamanya bumiputera, tidak dipindahmilik atau dijual kepada pelabur-pelabur asing. Pindaan yang kedua di dalam seksyen ini adalah untuk menjelaskan keperluan melesenkan semua radiokomunikasi yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha perkhidmatan telekomunikasi secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat dua kategori lesen di bawah Akta ini iaitu: lesen untuk pengusaha perkhidmatan telekomunikasi seperti Telekom Malaysia Berhad, CELCOM Sdn. Bhd., Uniphone Sdn. Bhd., Electcoms, Seriting, Atcheson dan lain-lain. Yang kedua lesen untuk mewujudkan stesen-stesen radio komunikasi seperti stesen pemancar microwave, perkhidmatan cellular radio dan trunk radio atau lesen untuk mengerjakan atau memasang alat radio komunikasi.

Dalam Bahagian V terdapat tambahan subseksyen baru kepada 4 seksyen dan 2 subseksyen baru iaitu seksyen 35 (1); seksyen 37(2A); seksyen 37A; seksyen 38(6); seksyen 40(I)(ja); dan seksyen 44A.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 35(1) bertujuan untuk menjelaskan lagi penakrifan alat Television Receive Only (TVRO), dengan izin, iaitu alat-alat yang dapat digunakan untuk tujuan penerimaan isyarat-isyarat oral dan visual serta apa-apa bahan penyiaran dari satelit. Ia juga menjelaskan bahawa stesen TVRO adalah satu stesen radiokomunikasi di bawah Akta Telekomunikasi 1950. Oleh itu ia adalah tertakluk kepada kesemua peruntukan Akta tersebut termasuk keperluan dilesenkan.

Di bawah seksyen 37(2A), Menteri berkenaan dibenar mengecualikan alat radiokomunikasi yang berkuasa rendah dari dilesenkan. Contoh-contoh alat ini ialah alat-alat permainan, dengan izin, radio-controlled gates dan remote-controlled car alarms.

Tujuan pindaan ini ialah bagi melonggarkan tugas penguatkuasaan kepada alat-alat radiokomunikasi yang tidak akan menyebabkan gangguan, dengan izin, interference kepada pengguna-pengguna lain. Sehubungan dengan itu, kawalan dapat dilakukan dengan meluluskan jalur frekuensi yang tertentu dan alat-alat diberi, dengan izin, type approved menggunakan jalur frekuensi yang berkenaan. Alat-alat yang dikecualikan akan diwartakan dari masa ke semasa di dalam *Warta Kerajaan*.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 37A bertujuan untuk melaksanakan dengan izin, licensing system yang membolehkan pengusaha-pengusaha satu perkhidmatan radiokomunikasi yang tertentu dilesenkan untuk merangkumi alat-alat radiokomunikasi yang digunakan oleh pelanggan mereka. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan lesen ke atas pengusaha sistem ATUR, Jabatan Telekom Malaysia akan hanya melesen dan mengutip bayaran lesen daripada Telekom Malaysia Berhad. Setiap pengguna sistem ATUR Telekom Malaysia Berhad akan dianggap telah dilesenkan dan bayarannya adalah juga termasuk dalam bayaran lesen Telekom Malaysia Berhad.

Dengan ini kawalan terhadap pengguna perkhidmatan akan dilaksanakan dengan menentukan penggunaan sistem berkenaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan Kerajaan tidak akan kehilangan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 38(6) pula membolehkan pegawai-pegawai Jabatan Telekom Malaysia sebagai penguatkuasa mengesahkan sesuatu alat radiokomunikasi untuk tujuan sesuatu prosiding di Mahkamah. Ini akan melicinkan proses pendakwaan sekiranya kes berkenaan sampai ke Mahkamah. Seksyen 40(1) (ja) memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi kesan perundangan kepada mana-mana perjanjian konvensyen dan treaty mengenai radiokomunikasi. Seksyen 43 dipinda untuk menaikkan denda ke atas kesalahan melanggar syarat-syarat lesen

oleh kerana kita ada dua syarikat yang membekalkan cellular telephone. Yang pertama, Sistem 450 yang dibekalkan oleh Telekom Malaysia dan yang keduanya, Sistem ART 900 yang dibekalkan oleh CELCOM. Kerajaan juga telahpun dalam proses untuk meluluskan dua lagi lesen iaitu ART 800 dan juga GSM. Apabila dua lagi lesen ini diluluskan bermakna kita ada empat lesen untuk mengendalikan sistem cellular telephone di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila empat lesen ini bergerak nanti, kita harap supaya excess fee yang pada masa ini ialah RM60.00 akan dapat dikurangkan oleh kerana ada persaingan daripada dua syarikat yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan line telephone sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebenarnya pada masa ini ART 900 membekalkan 140,000 telefon kepada pengguna dan mereka mempunyai line telephone sebanyak 181,000. Ini bermakna Sistem ART 900 yang dibekalkan oleh CELCOM masih mempunyai 41,000 lagi line telephone yang masih belum digunakan. Dalam pada itu, sistem ATUR 450 yang dibekalkan oleh Telekom Malaysia membekalkan 85,000 telefon sedangkan mereka mempunyai sebanyak 120,000 line. Jadi, sebenarnya berkenaan dengan line telephone ini adalah mencukupi. Sekadar yang cukup ialah daripada segi sistem line telephone ini kepada pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita kaji daripada segi telefon, negara kita pada masa ini mempunyai 140,000 telefon yang dibekalkan oleh ART 900 dan 85,000 telefon yang dibekalkan oleh Sistem ATUR 450, berjumlah 225,000 telefon kesemuanya. Ini merupakan satu jumlah yang terbesar di Tenggara Asia, bermakna bahawa pada masa ini penggunaan telefon cellular di Malaysia yang berjumlah 225,000 telefon ini merupakan yang terbesar di Tenggara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan iaitu telefon ATUR tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam kapal terbang, sebenarnya alat telefon yang kini dipasang dalam MAS telah mendapat kelulusan menyeluruh daripada badan antarabangsa dan juga daripada ICAO. Alat-alat ATUR cellular seperti juga lain-lain alat di luar negeri, tidak ada kelulusan teknikal untuk digunakan dalam kapal terbang. Jadi, sistem ATUR yang digunakan di dalam kapal terbang itu telahpun mendapat kelulusan daripada badan antarabangsa sedangkan yang kita bawa sendiri ke dalam kapal terbang ini tidak mendapat kelulusan daripada badan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 3 lesen-lesen tidak boleh dipindahmilik, subpajak dan lain-lain. Jadi, Ahli Yang Berhormat Senator Rahim Baba bertanya bagaimanakah Kementerian akan mengawalselia supaya lesen-lesen ini tidak dijual misalnya seperti CELCOM. Yang keduanya, Ahli Yang Berhormat juga bertanya sebagaimana saya sebutkan tadi bayaran assess telefon ATUR terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, lesen-lesen telekomunikasi yang dikeluarkan mengikut seksyen 3 Akta Telekom, dikenakan syarat-syarat yang jelas mengenai keperluan pelesen mengemukakan kepada Menteri apa-apa juga perubahan kepada pemilikan saham ataupun syer dan juga syarat-syarat menyamak syarat lesen dan syarat menarik balik lesen ataupun dengan izin, revocation of license. Bayaran-bayaran assess ATUR dalam jadual Kementerian sebagaimana yang saya sebutkan tadi, apabila kita ada empat lesen ini beroperasi, maka Kementerian akan menyamak semula supaya bayaran excess yang pada masa ini RM60.00 akan diturunkan. Sebenarnya, bayaran excess Telekom ATUR 450 ataupun 900 ianya serupa juga dengan misalnya bayaran untuk kita menjadi ahli kelab golf. Kalau keahlian dalam kelab golf itu ramai, maka bermaknalah bayaran

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telahpun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Tujuan Fasal ini ialah untuk mengelakkan supaya lesen-lesen yang telahpun diberikan kepada pengusaha bumiputera umpamanya jatuh kepada pengusaha bukan bumiputera ataupun untuk mengelakkan lesen-lesen yang telahpun diluluskan kepada warganegara Malaysia mungkin dibeli ataupun jatuh kepada warganegara asing.

Dari pengalaman-pengalaman yang lalu, umpamanya dalam pemberian tanah, walaupun di dalam hak-hak pemberian tanah dinyatakan bahawa tidak boleh ditukarmilik melainkan mendapat kelulusan daripada pihak pemerintah ataupun daripada Kerajaan ataupun Exco, tetapi apa yang berlaku ialah di mana biasanya tanah-tanah ini dimiliki oleh syarikat dan apa yang berlaku syarikat ini menjualkan saham-sahamnya; bertukar tangan saham-sahamnya kalau daripada bumiputera tukar kepada bukan bumiputera dan daripada warganegara Malaysia bertukar kepada warganegara asing. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah caranya pihak Menteri dapat mengawal keadaan ini daripada berlaku? Kerana hak ini ataupun perjalanan syarikat-syarikat telekomunikasi ini adalah disyarikatkan dan kemungkinan sahamnya bertukar tangan dari satu pihak kepada satu pihak yang lain. Dan saya percaya pihak Yang Berhormat Menteri sendiri tentulah tidak berkeupayaan ataupun tidak mempunyai kuasa menahan daripada tukaran saham-saham syarikat-syarikat yang berkenaan.

Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa perkara ini juga diberikan perhatian supaya tujuan Fasal ini untuk memberikan kuasa kepada Menteri supaya tidak ada loophole langsung, dengan izin, tidak ada sebarang loopholes yang boleh dipergunakan oleh pihak-pihak yang tertentu daripada Akta

ini dan kita hendaklah belajar daripada pengalaman-pengalaman kita yang lepas. Kalau boleh, saya mencadangkan supaya ada juga kuasa Menteri untuk menahan daripada saham-saham ini bertukar tangan daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain. Hari ini, sebagai contoh, CELCOM dipunyai oleh Tajuddin Ramli. Tetapi apakah pihak Kementerian—Tajuddin Ramli ini betul, ya?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Ya.

**Tuan Rahim bin Baba:** Apakah pihak Kementerian boleh menahan kalau saudara Tajuddin Ramli hendak menjual sahamnya kepada saudara Munisamy, umpamanya? Apakah ada kuasa pihak Kementerian untuk menahan daripada penjualan-penjualan saham begini? Jadi, hendaklah difikirkan satu kaedah supaya pertukaran ataupun pengalaman kita mengenai keadaan-keadaan pertukaran dari segi tanah akan dapat dijadikan sebagai panduan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya timbulkan ialah soal excess fee yang dikenakan oleh syarikat-syarikat ATUR ini. Saya percaya ramai daripada kita mempunyai telefon tangan (handset), telefon bimbit atau sebagainya. Excess fee yang dikenakan, pada saya, adalah agak terlalu tinggi—sampaikan RM60.00 sebulan. Kadangkala call yang kita buat pun tidak sampai ke situ, tidak sampai RM60.00 sebulan. Jadi, saya berharap excess fee ini dapat dikurangkan ataupun sekurang-kurangnya pihak Kerajaan dapat timbangkan semula. Ini berlaku oleh kerana adanya monopoli. Kerana cuma ada dua sahaja—satu CELCOM dan satu lagi oleh pihak Syarikat Telekom sendiri. Oleh kerana adanya elemen monopoli ini, itulah oleh sebabnya excess fee yang dikenakan terlalu tinggi dan kita tidak dapat pulangan yang munasabah.

Saya juga berharap supaya pihak Kementerian memikirkan menghadkan 'line' yang dibenarkan. Kadangkala mereka yang memiliki sistem ATUR ataupun telefon yang menggunakan sistem telekomunikasi ini tidak dapat menggunakannya, saya difahamkan, pada masa-masa yang terlalu sibuk kerana banyaknya line yang telahpun dijual, seolah tidak ada had yang dibenarkan kepada pengusaha-pengusaha telefon ini, iaitu cuma dua sahaja—itu CELCOM dan juga satu daripada Jabatan Telekom sendiri.

Kalau difikirkan permintaan (demand) adalah terlalu tinggi, kita juga berharap supaya lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan diberikan supaya penggunaan telefon secara ATUR ataupun CELCOM ini dapat diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang ketiga yang ingin saya timbulkan—saya tidak tahu sama ada ini ada kaitan dengan Kementerian Telekom ataupun tidak—ialah begini: Saya telahpun difahamkan bahawa pihak MAS akan membenarkan ataupun mengadakan telefon di dalam penerbangan-penerbangannya. Tetapi sebelum ini, kita yang memiliki telefon bimbit ataupun telefon ATUR tidak dibenarkan menggunakan telefon di dalam kapalterbang dengan alasan bahawa akan berlaku gangguan dari segi penerimaan 'wave' ataupun penerimaan berita untuk pilot yang membawa kapalterbang. Jadi, adakah ini bermakna kelak apabila pihak MAS dibenarkan menggunakan telefon di dalam kapalterbang, ianya tidak akan melibatkan keselamatan? Cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin timbulkan ialah kerana kita menyebut soal telekomunikasi dan juga ada kaitannya dengan perkhidmatan telefon dan juga perkhidmatan telefon ATUR, saya ingin mencadangkan supaya—saya pernah

bercakap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri—sepertimana yang dilakukan di setengah-setengah negara, nombor-nombor telefon hendaklah ditenderkan. Nombor-nombor telefon yang hendak dikeluarkan, baik nombor telefon ataupun nombor ATUR ataupun sebagainya hendaklah ditenderkan sepertimana yang dilakukan oleh setengah-setengah negara. Kalau nombor-nombor motokar kita boleh ditenderkan, jadi saya percaya ianya ada setengah orang yang suka nombor yang ada kaitan dengan nombor rumahnya. Ada orang yang suka kepada yang ada kaitan dengan nombor Kad Pengenalannya (I.C.) ataupun nombor-nombor yang tertentu ataupun nombor-nombor seperti orang-orang Cina lebih sukakan nombor 888 ataupun sebagainya. Ini akan dapat memberikan hasil kewangan yang lebih kepada pihak Kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan-pandangan yang sempat saya berikan. Dan dengan ini, saya menyokong Akta Pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

3.58 ptg.

**Tuan Tiong Thai King:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) 1992. Saya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) 1992 ini tetapi saya hendak menyentuh sedikit mengenai tambahan perenggan baru (fa) dalam subseksyen (1) seksyen 40, Akta Telekomunikasi 1990 yang mengatakan seperti berikut:

“Melarang atau mengawalselia pengendalian atau penggunaan mana-mana alat radio komunikasi di mana-mana premis di dalam Malaysia.”

Saya dapat tahu bahawa Kerajaan kita akan melancarkan khidmat langganan

berita dan dengan kemudahan yang disediakan oleh TV Malaysia itu nanti, rakyat kita boleh mendapat berita daripada siaran televisyen "Star" berpusat di Hong Kong, siaran BBC dan CNN sahaja. Dengan menggunakan televisyen menerima ini, langkah Kerajaan ini memang baik dan besar maknanya dan akan memberi peluang kepada rakyat kita untuk mendapat berita daripada seluruh dunia menerusi satelit.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita berusaha menuju ke arah matlamat Wawasan 2020, pentingnya komunikasi terhadap pembangunan negara dan kemajuan rakyat kita akan semakin meningkat. Jika rakyat diberi kebebasan untuk mendapat berita dan menonton program hiburan dari mana-mana negara, pengetahuan dan pandangan mereka akan meluas, baik di bidang ilmiah dan teknologi yang makin maju dan canggih mahupun adat resam dan kebudayaan rakyat berbagai negeri asing.

Lebih-lebih lagi kita akan berhadapan dengan scenario politik dan ekonomi dunia yang gawat dan mencapai kemajuan rantau yang pesat dan pantas. Maka adalah sangat perlu bagi kita mendapat berita perkembangan dan perubahan politik dan ekonomi yang tidak menentu secepat yang boleh supaya kita boleh dengan segera mengambil langkah-langkah mengatasi segala kesulitan yang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sebab-sebab yang Menteri beri bagi melarang rakyat dari pemasangan dan penggunaan mana-mana radar radio telekomunikasi di mana-mana premis kurang menyakinkan. Kita harus mempunyai keyakinan kepada rakyat kita. Rakyat kita mampu membezakan mana yang baik dan mana yang buruk; mana yang benar dan mana yang salah. Kebijaksanaan rakyat kita dan kearifan rakyat kita pada pandangan saya tidak mungkin kalah dengan rakyat Indonesia atau Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mengusulkan agar perkataan "melarang" di perenggan baru (fa) itu dihapuskan supaya rakyat kita bebas mendapat berita dengan pemasangan dan menggunakan radar radio telekomunikasi atau antenna parabolic di premis mereka masing-masing. Tetapi pengguna-pengguna antenna parabolic itu atau radar radio telekomunikasi harus mendapat lesen dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Mereka itu harus juga membayar fee license seperti lesen TV. Jadi pengguna-pengguna antenna parabolic di negeri Sarawak dibenarkan untuk mendapatkan lesen itu dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dengan harapan bahawa pandangan saya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) 1992 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*4.03 ptg.*

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Senator Tiong Thai King yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai pindaan kepada Akta Telekomunikasi 1992 ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasannya Yang Berhormat Senator Rahim Baba membangkitkan berkenaan dengan perkara excess fee oleh ATUR ataupun mobile telephone ini yang mana Telekom dan juga CELCOM masing-masing mengenakan bayaran sebanyak RM60.00. Suka saya menyatakan bahawa sebenarnya tidak ada monopoli berkenaan dengan cellular telephone di negara kita

untuk menjadi ahli rendah atau akan turun. Kalau keahliannya ramai bermakna monthly fee yang kita kena bayarpun akan turun.

Jadi, saya yakin dan percaya pihak CELCOM pun saya mendapat tahu akan cuba meningkatkan pelanggannya dari 140,000 kepada 250,000 dalam masa dua tiga tahun yang akan datang. Kesemua pelanggan di negara kita akan berjumlah lebih kurang 500,000. Di akhir tahun 1995 saya yakin dengan adanya ramai pemilik-pemilik cellular telephone, dengan adanya persaingan-persaingan di antara keempat-empat syarikat ini, maka excess fee yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi akan dapat kita turunkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Rahim Baba juga mencadangkan supaya nombor-nombor telefon ditender. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak membenarkan nombor telefon ditender pada masa ini kerana kita memandangkan bahawa dengan adanya sistem yang tidak bertender ini maka ramailah rakyat kita akan dapat keadilan dan mendapat nombor-nombor telefon yang baik. Tetapi oleh kerana ada cadangan, saya rasa sudah tentulah dipersetujui oleh Telekom dan juga CELCOM. Kementerian akan menimbangkan perkara ini supaya buat masa yang akan datang nombor-nombor yang baik-baik ini akan ditender ataupun nombor-nombor yang baik untuk telefon boleh ditender. Dan kita juga akan minta supaya nombor-nombor cellular telephone ditender. Misalnya cellular telephone yang dikendalikan oleh CELCOM, Telekom dan dua syarikat yang baru diluluskan iaitu Sistem 800 dan Sistem GSM ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tiong Thai King membangkitkan berkenaan penggunaan TVRO di Sarawak. Saya suka menyatakan di sini bahawa Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa semua hotel-hotel di Malaysia yang bertaraf 3 Bintang (Three Star) ke atas dibenarkan memasang TVRO yang mana berita-berita CNN boleh

diterima oleh semua hotel-hotel ini. Ini adalah sebagai satu usaha Kerajaan untuk memberikan kemudahan kepada penginap-penginap di hotel ini yang terdiri daripada pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri untuk dapat mengikuti perkara-perkara yang berlaku di negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti juga menjaga kepentingan negara, budaya dan juga perkara-perkara yang boleh menimbulkan masalah kepada negara dan juga kepada muda-mudi kita. Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan TVRO yang mana saya dimaklumkan bahawa ada lebih kurang 2,500 orang yang sedang menggunakan TVRO di negeri Sarawak, saya sedar bahawa perkara itu adalah satu perkara yang telah menimbulkan banyak masalah di Sarawak tetapi Kerajaan akan cuba untuk mencari jalan bagaimanakah perkara itu dapat diselesaikan. Kemungkinan di peringkat pertama kita akan beri kebenaran untuk memasang TVRO di hotel-hotel di negeri Sarawak sepertimana yang akan dibuat di Semenanjung. Dan kemungkinan juga sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa TVRO ini tidak dipasang di Singapura. Di Brunei pun TVRO hanya diluluskan untuk orang-orang yang tertentu sahaja.

Sebagaimana di negara kita juga, TVRO ini sebenarnya tidak diharamkan tetapi akan diluluskan kepada mereka yang tertentu sahaja. Misalnya kepada diplomat-diplomat atau kepada pegawai-pegawai asing yang berkhidmat di firma-firma yang besar-besar di negara kita dan mereka yang bersangkutan.

Di Thailand, TVRO yang dibenarkan untuk orang awam hanya melalui satelit yang digunakan oleh Thailand. Begitu juga di Indonesia TVRO untuk orang awam hanya untuk mendapatkan siaran melalui PALAPA sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi negara kita tidak lama lagi apabila Malaysia melancarkan satelitnya sendiri maka kita juga boleh membenarkan beberapa rancangan yang tidak bercanggah dengan

sistem-sistem dan nilai-nilai budaya di negara kita ini untuk diterima oleh TVRO yang dipasang di negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab kesemua persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Senator Tiong Thai King. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Senator ini. Setakat itu sahajalah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 10* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) (No. 3)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.17 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian  
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal**

**Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang pindaan ini adalah untuk meminda Akta Syarikat 1965 sebagai menyusul kepada keputusan untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Sekuriti dan peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Beberapa pindaan susulan yang sewajarnya perlu dibuat kepada beberapa peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 supaya ianya selaras dengan fungsi yang diberikan kepada Suruhanjaya Sekuriti itu. Pindaan kepada Akta Syarikat 1965 melalui Akta Syarikat (Pindaan) (No. 2) 1992 yang diluluskan oleh Persidangan Parlimen yang lalu telah dikuatkuasakan pada 10hb September, 1992 dan di antara yang terkandung di dalam pindaan tersebut ialah seksyen 132G yang baru.

Sejak seksyen itu dikuatkuasakan beberapa pandangan telah ditimbulkan oleh pihak-pihak yang dipengaruhi oleh implikasi-implikasi seksyen itu dan laporan-laporan telah disiarkan di dalam akhbar-akhbar mengenainya.

Kementerian ini juga telah menerima memorandum daripada beberapa pihak sektor swasta seperti Federation of Public Listed Companies Berhad dan Persatuan Bank-Bank Saudagar di Malaysia mengenai implikasi seksyen 132G yang baru dikuatkuasakan ini dan meminta supaya seksyen itu dipinda untuk memberi beberapa kelonggaran.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Rang Undang-undang pada kali ini mencadangkan 4 perkara pindaan kepada Akta Syarikat 1965.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap Akta tersebut adalah melibatkan seksyen 37, seksyen 132G, seksyen 137 dan seksyen 364A. Izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan yang dicadangkan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 37, 137 dan 364A adalah dibuat sebagai menyusul kepada keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti dan peruntukan di dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 yang telah menetapkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti adalah bertanggungjawab untuk mentadbir, mengawas, mengawal pengambilalihan dan percantuman antara syarikat di negara ini. Oleh yang demikian, seksyen-seksyen yang tersebut yang terlibat dengan tawaran pengambilalihan dan percantuman yang terkandung di dalam Akta Syarikat adalah perlu dipinda bagi menyelaraskan peruntukan Akta Syarikat dengan objektif yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya, pengenalan seksyen 132G dalam Akta Syarikat (Pindaan) (No. 2) 1992 yang baru dikuatkuasakan mulai 10-9-1992 adalah bertujuan menghalang perolehan syer atau aset oleh sesuatu syarikat dari sesuatu syarikat yang lain di mana seseorang pengarah atau pemegang syer syarikat itu mempunyai pegangan syer substantial di dalam syarikat yang lain, kecuali jika syer atau aset di dalam syarikat yang lain itu dipegang untuk tempoh lebih dari 3 tahun.

Untuk makluman, seksyen 132G ini adalah untuk menyekat pihak tertentu daripada menyalahgunakan kuasa mereka yang mengakibatkan terjejasnya kepentingan minoriti. Adalah telah menjadi suatu kebiasaan di kalangan sektor swasta di negara ini di mana transaksi-transaksi yang dilakukan oleh mereka yang mempunyai syer substantial di dalam syarikat yang lain itu yang mengakibatkan syer minoriti dilemahkan atau diluted, dengan izin.

Di samping itu juga, transaksi-transaksi itu selalunya didahului atau diikuti oleh urusniaga dalaman (insider trading), manipulasi pasaran saham dan penipuan dalam pasaran, atau, dengan izin, market rigging. Kepentingan minoriti yang kebanyakannya bumiputera yang digalakkan untuk melibatkan diri dalam sektor korporat dilemahkan dengan tindak-tanduk mereka yang berkenaan tadi. Pulangan dividen dan bonus yang diharapkan itu hanya akan menjadi harapan sahaja kerana pelaburan mereka tidak mempunyai nilai tambahan.

Oleh yang demikian, adalah penting syarikat-syarikat dihalang berbuat demikian seperti yang tersebut di bawah peruntukan seksyen 132G dan mereka dinasihatkan supaya memberi penuh tumpuan untuk meningkatkan pengurusan perkhidmatan dan produktiviti dan mengelakkan diri daripada rombakan kertas ataupun paper shuffling, dengan izin, tetapi halangan ini bukanlah halangan mutlak. Syer-syer atau aset-aset berkenaan bolehlah diperolehi selepas tempoh tiga tahun daripada mula ianya dipegang. Walau bagaimanapun, ianya telah menimbulkan kritikan dari pihak-pihak korporat kerana seksyen 132G tersebut dianggap terlalu ketat dan akan menghalang pertumbuhan syarikat.

Pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian ini mengenai pemakaian seksyen tersebut. Kementerian ini telah mengkaji masalah dan pandangan yang dibangkitkan di dalam suratkhbar-suratkhbar dan memorandum-memorandum yang dikemukakan oleh pihak swasta. Pada keseluruhannya, prinsip larangan di bawah seksyen 132G adalah disokong oleh pihak swasta, terutamanya dari segi memberi perlindungan kepada kepentingan-kepentingan pemegang-pemegang syer minoriti, akan tetapi adalah perlu beberapa kelonggaran dan penjelasan maksud diperkenalkan bagi membolehkan transaksi-transaksi yang benar

dilaksanakan tanpa dijejaskan oleh larangan seksyen 132G.

Maka melalui cadangan pindaan ini, subseksyen 4, seksyen 132G adalah dipinda bagi memberi penjelasan lebih lanjut tentang definisi orang-orang yang berkaitan dengan pengarah dan pemegang syer. Manakala kemasukan subseksyen (6) yang baru adalah bagi menyatakan secara khusus transaksi-transaksi yang diberi pengecualian daripada larangan di bawah seksyen tersebut. Kemasukan subseksyen (6) yang baru adalah untuk memberi pengecualian spesifik kepada larangan seksyen 132G. Transaksi yang melibatkan perolehan syer-syer melalui terbitan saham, hak atau saham baru atau kedua-duanya akan diberi pengecualian. Perolehan antara sebuah syarikat dengan syarikat yang dimiliki sepenuhnya ataupun dengan syarikat induknya yang memegang semua syer-syer syarikat ataupun di antara anak-anak syarikat sesebuah syarikat induk yang memegang semua syer-syer di syarikat-syarikat itu juga dicadangkan diberi pengecualian.

Pengecualian juga dicadang diberikan sekiranya perolehan aset oleh sesuatu syarikat daripada syarikat yang lain di mana penjualan aset berkaitan adalah sebahagian daripada urusan perniagaan biasa. Begitu juga perolehan harta atau syer melalui suatu skim persetujuan bersama atau pengaturan (scheme of compromise or arrangement) yang diluluskan oleh perintah Mahkamah di bawah seksyen 176 dan juga perolehan syer-syer melalui tawaran pengambilalihan yang mematuhi undang-undang mengenainya akan juga dicadangkan untuk diberi pengecualian. Pada pendapat Kementerian, pengecualian yang dicadangkan adalah wajar diberi tanpa menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang syer minoriti sesebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

4.27 *ptg.*

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan pandangan dan seterusnya menyokong pindaan Akta untuk meminda Akta Syarikat Tahun 1965.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, seksyen 132G ini telahpun mula dikuatkuasakan pada 10hb September, 1992 di mana dibincangkan dalam Mesyuarat Parlimen dan juga Dewan Negara yang lalu. Selepas mendapatkan pandangan-pandangan daripada Federation of Public Listed Companies, dengan izin, dan juga Persatuan Bank-bank Saudagar, ianya dipinda ataupun dibuat pengubahsuaian. Ini menunjukkan betapa perihatannya Kerajaan terhadap pandangan golongan-golongan korporat dan juga tokoh-tokoh korporat yang telahpun memberikan reservation mengenai pindaan seksyen 132G ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telahpun diterangkan tadi pindaan ini ataupun pengubahsuaian kepada Akta ini terpaksa dibuat setelah mendapatkan pandangan daripada pihak-pihak yang berkenaan tadi. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, tujuan seksyen 132G apabila diperkenalkan ialah untuk melindungi kepentingan ataupun untuk melindungi hak pemegang-pemegang saham minoriti. Jadi, apa yang saya harapkan ialah dalam masa-masa akan

datang, di samping mendapatkan pandangan daripada Federation of Public Listed Company ataupun tokoh korporat, dan juga Persatuan-persatuan Bank Saudagar, saya juga supaya pihak Kementerian juga mendapatkan pandangan daripada Persatuan Pelabur Malaysia ataupun Malaysian Invested Association, dan juga Persatuan-persatuan Pengguna sebelum sesuatu pindaan yang akan dibuat dipinda kembali.

Saya berharap juga supaya tokoh-tokoh korporat yang telahpun memohon supaya kelonggaran diberikan ini tidak akan mengambil kesempatan daripada pindaan yang telahpun yang akan kita luluskan kelak ini. Kita faham bahawa kebanyakan syarikat-syarikat mengambil ataupun tokoh-tokoh korporat ataupun pemegang-pemegang saham utama, sesebuah syarikat mengambil kesempatan daripada loophole, dengan izin, yang terdapat dalam mana-mana akta sekalipun Satu daripada loophole yang patut difikirkan ialah mengenai sebarang transaksi yang kurang daripada RM5 juta. Ianya tidak memerlukan kelulusan daripada CIC ataupun FIC. Kemungkinannya ada syarikat-syarikat yang akan mengambil kesempatan yang menggunakan satu syarikat yang hendak dimasukkan ke dalam syarikat induk ataupun hendak dijual akan menggunakan syarikat-syarikat yang kurang daripada RM5 juta.

Yang keduanya, saya juga bercadang supaya pihak Kementerian juga memikirkan soal pemegang-pemegang saham minoriti yang kepentingan mereka akan di"dilute"kan dengan penjualan syarikat-syarikat kepada syarikat-syarikat berhad ataupun syarikat-syarikat yang disiarkan di pasaran saham. Cubalah kita ambil contoh, kalau sebuah syarikat yang modal berbayarnya katalah RM100 juta, mungkin RM25 juta dimilikki oleh pihak orang ramai ataupun pemegang saham minoriti, tetapi oleh kerana syarikat ini mengambilalih sebuah syarikat yang lain dengan modal berbayar katalah RM50 juta, jadi syarikat ini akan jadi modal

berbayarnya RM150 juta dan pegangan pihak yang minoriti tadi akan menjadi berkurangan daripada pada asalnya 25% akan kurang setengah daripada itu pada 15%.

Jadi, saya ingin mencadangkan kalau ada transaksi yang seperti ini, disyaratkan supaya pemegang saham utama ini menjualkan juga sebahagian daripada saham-sahamnya kepada pemegang-pemegang saham minoriti, ataupun kepada minority shareholders supaya sepertimana yang telahpun dikatakan tadi, minority shareholder juga mendapat keuntungan, mendapatkan pulangan ataupun menambahkan pegangan di dalam syarikat-syarikat ini. Kalau tidak, kalau kita benarkan, kalau diizinkan keadaan ini berlaku tanpa dikenakan syarat, pemegang saham majoriti menjualkan sebahagian daripada saham mereka kepada pemegang minoriti, akhirnya syarikat itu akan dimilikki kalau pun tidak sepenuhnya, hampir-hampir sebahagian besarnya ataupun 99% akhirnya kelak akan dimilikki oleh sesuatu kumpulan ataupun sesuatu golongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya memang menjadi pengetahuan umum bahawa terdapat Ahli-ahli Lembaga Pengarah ataupun pemegang-pemegang saham majoriti yang mengambilalih syarikat-syarikat mereka, yang mereka mempunyai kepentingan baik melalui kepentingan direct ataupun indirect, dengan harga yang terlalu tinggi. The magic word, dengan izin, yang selalu digunakan ialah 'willing buyer, willing seller'. Ini sepatutnya pihak Kementerian memikirkan bagaimana hendak membendung soal over inflated price ataupun harga yang ditinggikan ini supaya tidak pihak-pihak yang mengambil keuntungan daripada paper reshuffling ini. Saya juga berharap supaya paper reshuffling ini akan dapat dihadkan. Saya hanya sebagai mengambil contoh, umpamanya Syarikat Sports Toto dahulu, sejak ianya diswastakan, saya fikir saya pun tak ingat sudah berapa kali bertukar-

tukar tangan. Belum sempat pun kita menganalisis kedudukan syarikat itu dalam satu syarikat awam, besok telah ditukarkan, lusa telah ditukarkan—seolah-olahnya. Jadi, kalau boleh pertukaran sesuatu syarikat ini hendaklah dihadkan supaya jangan dengan semudah-mudahnya. Apa yang berlaku kadangkala syarikat ini jual dengan harga yang begitu tinggi dan along the line mungkin setengah-setengah pihak yang mendapat keuntungan-keuntungan peribadi.

Begitu juga setengah-setengah syarikat yang kadangkala yang hendak dimasukkan ke dalam syarikat-syarikat awam, biasanya dibeli dahulu oleh Ahli Lembaga Pengarah ini dengan harga yang murah, lepas itu dijual dengan harga yang tinggi, yang tidak munasabah kepada syarikat awam, dan yang mendapat keuntungan ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah ini sendiri. Saya berharap supaya pihak Kementerian kalau ada berlaku keadaan begini, pihak Kementerian juga menyiasat berapakah harga yang sebenarnya yang telahpun dibeli oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah ini sebelum syarikat itu dimasukkan ke dalam syarikat awam.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya harap mendapatkan perhatian daripada Kementerian ialah kecenderungan setengah syarikat-syarikat awam kita membeli harta ataupun syarikat di luar negeri. Jadi, saya percaya agak susah. Kalau di dalam negara ini mungkin kita mempunyai kepakaran untuk membuat penilaian CIC, FIC ataupun Pendaftar Syarikat mempunyai kepakaran untuk membuat penilaian tentang harga yang dibayar oleh syarikat-syarikat berkenaan. Tetapi apabila syarikat ini membeli, syarikat-syarikat yang didaftarkan di luar negeri, jadi bagaimanakah kriteria, adakah Kementerian juga mempunyai kepakaran ataupun Kementerian hanya mengharapkan laporan daripada penilai-penilai daripada luar negeri sahaja? Saya berharap juga supaya perkara ini diawasi

supaya tidak ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan daripada keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cuma itu sahajalah pandangan saya mengenai Akta ini, dan dengan ini saya menyokong akta untuk meminda Akta Syarikat 1995.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Setiausaha Parlimen memberi jawapan.

*4.39 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merakamkan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba atas cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan beliau, khususnya terhadap perkara-perkara yang ada kaitan dengan pindaan kepada Seksyen 132G.

Dan di sini, izinkan saya juga untuk menegaskan bahawa Kementerian ini khususnya melalui Pejabat Pendaftar Syarikat dan juga bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain, memang sentiasa akan terus peka kepada kehendak-kehendak sektor korporat, walaupun pada keseluruhannya memang juga dijadikan sebagai tanggungjawab utama kami untuk mengawasi supaya perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh yang Berhormat Tuan Rahim Baba seperti penyelewengan, perkara paper shuffling, market rigging, insider trading akan sentiasa diawasi dan dikawal.

Dan memang Kerajaan mempunyai tanggungjawab supaya pemegang syer-syer minoriti, kepentingan mereka ini sentiasa dijaga, oleh kerana itu Seksyen 132G pun telah diperkenalkan dalam pindaan Akta Syarikat (No. 2), akan tetapi oleh kerana ada teguran dan cadangan balas dari sektor swasta, supaya adalah

wajar beberapa kelonggaran atau penjelasan diberi, maka Kementerian sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab, juga boleh mengambil kira pandangan-pandangan yang berguna atau membina. Dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tadi, supaya selain dari beberapa badan-badan tertentu yang lain, seperti Malaysian Investors Association, Persatuan Pengguna-pengguna dan juga pandangan-pandangan dari pihak-pihak yang lain juga diperolehi, memang itu menjadi satu hasrat Kementerian.

Dalam perkara untuk menjaga supaya pegangan syer minoriti tidak diluluted, dengan izin, saya ingin menyatakan bahawa biasanya apabila sesuatu transaction diluluskan oleh Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC), pihak pemegang syer minoriti adalah dikehendaki menawar sebilangan syer-syer yang berpatutan supaya peratusan pegangan syer minoriti tidak dikurangkan dengan kejadian atau keadaan yang tidak munasabah.

Jadi, kebimbangan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tadi berkenaan atau cadangan Yang Berhormat supaya apabila majoriti syer hendak menjual sebahagian syer mereka kepada syarikat yang lain supaya satu peratusan ditawarkan kepada pemegang syer-syer minoriti, maka itulah apa yang saya telah menjelaskan.

Yang kedua, cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan mendapatkan pandangan dari Malaysian Investors Association, Persatuan Pengguna-pengguna, seperti yang telah saya nyatakan, memang ini menjadikan satu hasrat dari Kementerian supaya dalam mendapatkan pandangan dari pihak-pihak swasta, kami akan cuba mendapat dengan seboleh-bolehnya, dengan izin, as many as possible, badan-badan yang berkenaan untuk mengemukakan pandangan-pandangan mereka.

Berkenaan adakah kadang-kadang over-inflation harga syer-syer apabila penjualan berlaku, saya percaya perkara seperti ini senantiasia diambil kira atau diberi perhatian oleh pihak CIC dan

memang pihak-pihak yang bertanggungjawab termasuk CIC sentiasa memberi pengawasan dan pengawalan yang ketat.

Jadi, saya ingat begitulah, setakat itu saya dapat menjawab beberapa perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, dan perkara-perkara yang lain memang Kerajaan akan memberi perhatian yang serius. Sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.48 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya

mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta baru dinamakan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1992 untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan bursa-bursa niaga hadapan, dan untuk mengawalselia perdagangan dalam kontrak-kontrak niaga hadapan, dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pasaran kewangan di Malaysia telah mencatat pertumbuhan yang amat pesat. Bilangan peserta, instrument dan seterusnya jumlah perdagangan telah meningkat dalam masa yang singkat dan seterusnya pasaran ekuiti Malaysia muncul sebagai antara yang utama di rantau ini.

Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1992 merupakan satu lagi langkah penting Kerajaan untuk mengangkat perkembangan dan pertumbuhan pasaran kewangan tempatan ke paras yang lebih canggih supaya setanding dengan perkembangan pasaran wang antarabangsa yang pesat. Perkembangan pasaran kewangan terutamanya pasaran modal menjadi semakin mendesak untuk menyediakan keperluan modal terutamanya sektor swasta dalam tahun-tahun akan datang.

Pasaran tersebut perlu inovatif, dinamik dan canggih kerana tahap pembangunan negara memerlukan kita mengurangkan ketergantungan kepada sumber pembiayaan conventional.

Pasaran ekuiti kini semakin matang dan pasaran sekuriti hutang swasta telah mencapai kemajuan yang pesat. Kita telah berjaya membangunkan pasaran tunai ataupun pasaran di bawahnya, dengan izin, underlying markets seperti ekuiti, sekuriti hutang dan kadar faedah.

Penawaran dan permintaan terhadap instrument tunai sudah cukup besar dan diurusniagakan pada paras harga kompetitif.

Kita merasakan pasaran tunai atau pasaran di bawahnya telah mencapai tahap pembangunan dan kecekapan untuk membolehkan kita memberi peluang kepada para pelabur dan pengurus untuk melabur di dalam instrumen-instrumen derivative yang muncul dari pasaran tunai atau pasaran di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mempunyai pasaran hadapan untuk komoditi fizikal seperti minyak kelapa sawit mentah, koko, bijih timah dan getah yang dikendalikan oleh Bursa Komoditi Kuala Lumpur (PKKL).

Kontrak niaga hadapan komoditi ini digunakan oleh para pelabur sebagai satu pelindung atau, dengan izin, hedging untuk melindungi pendedahan mereka di dalam pasaran tunai. Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur di dalam pasaran kewangan belum mempunyai peluang untuk melindungi pendedahan mereka.

Dalam tahun 1972, di Chicago, Mercantile Exchange di Amerika Syarikat telah memperkenalkan Kontrak Hadapan Kewangan yang pertama di mana instrumen-instrumen kewangan telah menjadi objek yang asas bagi Kontrak Niaga Hadapan. Semenjak itu pasaran Kewangan Niaga Hadapan telah berkembang dengan pesat sehingga Kontrak Niaga Hadapan dan option telah diterima sebagai alat-alat kewangan bagi pengurusan risiko di dalam pasaran tunai ataupun pasaran di bawahnya. Jika Malaysia ingin terus maju dan bersaing dengan pusat-pusat kewangan serantau, maka kita perlu menerima hakikat bahawa pengurusan risiko kini telah menjadi satu keperluan penting bagi kejayaan pasaran kewangan.

Kekuatan kewangan hadapan terletak kepada kemampuannya memberikan para pelabur merangka strategi bagi menyelaraskan pendedahan pegangan mereka di antara sekuriti dan wang tunai pada kos yang menjimatkan. Selain daripada kecekapan dan kecanggihan pasaran, keyakinan para pelabur juga bergantung kepada kemampuan kita memberikan perlindungan secukupnya kepada mereka daripada manipulasi pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula rangka pengawalan melalui penubuhan Suruhanjaya Sekuriti, dan Suruhanjaya Sekuriti antara lain akan berfungsi menggalakkan perkembangan pasaran sekuriti dan pasaran niaga hadapan dan mengawalselia penentuan jenis kontrak-kontrak niaga hadapan. Masanya telah tiba bagi Malaysia memperkenalkan pasaran kewangan hadapan. Rang Undang-undang ini dibentangkan justeru kerana sehingga kini belum terdapat peraturan untuk menubuhkan kewangan hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992 membuat peruntukan bagi penubuhan Bursa Pasaran Niaga Hadapan dan untuk mengawal industri Pasaran Niaga Hadapan. Bidang kuasa Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992, walau bagaimanapun, tidak merangkumi kontrak niaga hadapan komoditi yang diperdagangkan di Bursa Komoditi yang ditubuhkan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985. Pengawalan Bursa Komoditi dan Industri Niaga Hadapan Komoditi akan terus diawasi oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi dan Kementerian Perusahaan Utama.

Perundangan ini akan mengawal pasaran niaga hadapan serta option dalam empat cara. Pertama, sesiapa yang ingin menubuhkan pasaran niaga hadapan perlu

meyakinkan Menteri dan Suruhanjaya Sekuriti bahawa dia mempunyai keupayaan dan kemahiran untuk menyelenggarakan pasaran tersebut dan boleh mengadakan kawalan-kawalan sewajar untuk melindungi para pelabur pasaran. Keduanya, para peserta yang ingin berdagang bagi pihak pelanggan, mereka perlu dilesenkan. Ketiga, pemegang lesen akan tertakluk kepada keperluan penyimpanan akaun dan rekod yang berpatutan. Keempat, Suruhanjaya Sekuriti akan sentiasa peka dalam pengawalseliaan pasaran. Rang Undang-undang akan memperuntukkan segala kuasa yang perlu kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi berfungsi dengan berkesan. Hukuman terhadap kesalahan yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini adalah amat berat dan kita tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk jenayah kolar putih.

Fasal-fasal terpenting dalam Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan ini adalah seperti berikut.

Fasal 3 memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh menubuhkan atau menyelenggarakan atau membantu di dalam penubuhan atau penyenggaraan atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan atau menyelenggarakan suatu pasaran niaga hadapan yang bukan pasaran niaga hadapan yang diluluskan oleh Menteri. Sesiapa yang mengadakan atau menyelenggarakan pasaran yang tidak diluluskan oleh Menteri adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Fasal 4 memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan penubuhan dan pengendalian Bursa Niaga Hadapan sekiranya Menteri berpuashati bahawa syarikat itu mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam Fasal 4.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang juga memperuntukkan bahawa kuasa pengurusan syarikat Bursa terletak kepada Lembaga Pengarahnya. Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada:

- (i) 2 orang anggota untuk mewakili broker niaga hadapan yang hendaklah dilantik daripada kalangan broker niaga hadapan oleh broker niaga hadapan;
- (ii) 4 orang anggota untuk mewakili pemegang saham syarikat bursa;
- (iii) 3 orang anggota untuk mewakili kepentingan awam yang hendaklah dilantik oleh Menteri. Menteri akan melantik seorang anggota daripada kalangan 3 orang anggota mewakili kepentingan awam sebagai Pengerusi Eksekutif kepada Lembaga Pengarah.

Sekiranya syarikat Bursa atau rumah penjelasan gagal untuk mematuhi peraturan masing-masing ataupun melanggar mana-mana peruntukan atau perintah yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini atau tidak mematuhi perintah Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Sekuriti boleh menggantung perdagangan dalam pasaran niaga hadapan, mengenakan penalti tidak lebih daripada RM100,000 ke atas bursa niaga hadapan atau rumah penjelasan, atau tidak melebihi RM50,000 berkaitan dengan Ahli Lembaga Pengarah, atau Pegawai atau Kakitangan atau menegur pihak-pihak yang berkenaan.

Bahagian III Rang Undang-undang memperuntukkan kuasa pelesenan broker niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan dan wakil-wakil mereka.

Mengikut Fasal 21, Menteri akan melantik seorang pegawai awam untuk menjadi pegawai pelesen. Pegawai pelesen hendaklah apabila permohonan dibuat kepadanya oleh mana-mana orang mengikut cara yang ditetapkan dan

apabila dibayar fee yang ditetapkan, melesenkan orang itu sebagai broker niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan, wakil broker niaga hadapan atau wakil penasihat perdagangan niaga hadapan mengikut mana-mana yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya Pegawai Pelesen enggan memberi ataupun membatalkan ataupun menggantung lesen, pihak yang tidak puas hati dengan keputusan Pegawai Pelesen, boleh dalam masa 30 hari selepas diberitahu tentang keputusan itu merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini adalah berhubungan dengan akaun-akaun yang perlu disimpan oleh broker niaga hadapan dan penasihat perdagangan niaga hadapan, perlantikan juruaudit serta tugas-tugas juruaudit. Sekiranya seseorang itu gagal menyimpan rekod-rekod yang sempurna seperti dikehendaki oleh undang-undang, orang itu adalah melakukan satu kesalahan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bahagian V adalah berkaitan dengan amalan-amalan perdagangan yang perlu dipatuhi oleh broker niaga hadapan. Sesiapa yang melanggar atau tidak mematuhi amalan-amalan perdagangan yang telah ditetapkan adalah didapati melakukan kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Dengan kehendak-kehendak perundangan untuk menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod transaksi yang sempurna dan penalti-penalti berat bagi ketidakpatuhan peruntukan tersebut, broker akan lebih berwibawa dan bertanggungjawab di atas tingkahlaku mereka dan akan menjamin ketelusan operasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu adalah bersalah sekiranya ia melakukan kesalahan seperti menyebabkan wujudnya atau berlaku gambaran yang palsu ataupun mengelirukan bahawa terdapat perdagangan aktif di dalam sesuatu kontrak niaga hadapan, menyebarkan maklumat tentang pedagang palsu, manipulasi harga kontrak niaga hadapan dan menggunakan muslihat untuk menipu atau menggunakan pernyataan yang palsu ataupun mengelirukan untuk mendorong pembelian atau penjualan sesuatu kontrak niaga hadapan, maka ia boleh dihukum dan sekiranya didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Instrumen-instrumen niaga hadapan adalah instrumen perdagangan yang amat canggih dan kompleks bagi pengurusan risiko dengan cekap.

Untuk menggalakkan perkembangan pasaran yang teratur, dan melindungi pelabur-pelabur daripada amalan yang tidak diingini seperti spekulasi instrumen-instrumen niaga hadapan dan pengambilan untung yang berlebihan, maka penalti-penalti yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini adalah amat berat.

Suruhanjaya Sekuriti akan diberi segala kuasa penguatkuasaan dan penyiasatan supaya boleh bertindak dengan segera.

Bahagian VIII adalah berkaitan dengan kuasa Suruhanjaya Sekuriti bagi penguatkuasaan dan penyiasatan di atas apa-apa kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992, Kementerian Kewangan penuh yakin bahawa pasaran modal akan menjadi matang, sebagai satu pasaran yang terunggul di rantau ini, dengan menawarkan pelbagai jenis instrumen perdagangan yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Bursa-bursa Niaga Hadapan dan untuk mengawalselia perdagangan dalam kontrak-kontrak niaga hadapan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Dahalan Haji Embong.

*5.01 ptg.*

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali, saya mohon di sini untuk meminta penjelasan dan membuat soalan-soalan oleh sebab saya bukan mahir dalam bidang ini. Jadi..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dan tentu sekali banyak benda yang hendak ditempuh.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Ya, perkara-perkara yang akan saya tempuh ini ialah benda-benda yang saya tidak tahu. Jadi, kalau saya sudah tahu, saya pun tidak mahu cerita lagi.

Saya ingat tujuan kita hari ini ialah kita akan bertanya apa yang kita tidak tahu. Kalau macam tuan Rahim tadi, dia memanglah bijak dalam bidang ini dan bila dia diberi ucapan dan berbahas pun, apa yang dia sebut itu ialah apa yang dia telah tahu. Jadi, tidak banyak dia akan persoalkan. Tetapi bagi saya pula,

banyak yang saya tidak tahu mengenai tajuk Perindustrian Niaga Hadapan ini.

Yang pertamanya, daripada segi konsep itu memang saya rasa baiklah. Soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, bila kita berniaga, mestilah ada produknya, barang ataupun services. Jadi, soalan yang pertama ini bukan saya sahalalah. Saya ingat untuk orang lain sama yang tidak tahu. Jadi, apakah barang yang dapai kita niagakan di dalam bidang Perindustrian Niaga Hadapan ini oleh sebab dalam pembentangan tadi, tidak disebut.

Jadi, saya sebagai "layman" dalam ini, bila sebut secara ini saya anggapkan ini sebagai futures marketlah. Pada satu ketika dahulu, dalam masa tahun 1980an heboh sekali dengan futures market yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat di Jepun, di Hong kong dan menubuhkan syarikat-syarikat di Malaysia ini dengan secara tidak berlesen. Walau bagaimanapun, mereka jalankan juga dan giatkan juga dan ramai rakyat di sini dan saya juga nyaris, mereka sebut sebagai "tangan sudah kena burnt" atau terbakar tangan.

Jadi, ramai orang salah faham mengenai futures market ini. Ia lain dari beli syer biasa. Kalau kita beli syer biasa, 1 lot-RM1,000, kita beli 10 lot-RM10,000 kalau syer RM1.00lah, kita pegang skrip itu dalam tangan kita. Kalau syer itu turun, katalah RM0.70, kita masih ada daripada RM10,000, ada RM7,000 dalam tangan dari nilai skrip itu tadi. Kalau dia turun sampai RM0.50 pun, sudah ada RM5,000 lagi tetapi mengikut konsep futures market setakat yang saya faham daripada apa yang jadi dahulu, saya tidak tahu sama ada ini pun begitu juga. Jadi, seseorang yang hendak invest di dalam futures market ini di dalam satu produk umpamanya black beans atau red beans iaitu market dari Hong Kong ataupun Jepun iaitu produk berasaskan pertanian yang Jepun suka makan dan beli tetapi dia beli secara

hadapan. Ini belum tanam lagi, dia sudah beli. Jadi, failure ini kita tidak payah tahulah, gempu bumi, hazards dan macam-macam seperti weather hazard. Anggapan kita weather conditions akan baik, jadi banyaklah hasil keluar. Bila banyak hasil keluar kemungkinan harga turun.

Orang yang beli syer futures market ini, dia dok anggap hasil tetap banyak. Bila hasil tetap banyak, bila dia beli hari ini dia hendak jual setahun kemudian bila hasil kurang, jadi harga naik tinggi. Ini satu masalahlah di dalam percaturan permainan futures market ini.

Jadi, seperti yang saya sebut tadi, bila hendak main ini, ada satu syarikat, saya ingat namanya KOMWELL, yang mula-mula sekali saya dengar dan mereka approached saya juga. Kebetulan Pengerusinya saya ingat dari keluarga Di-Raja Selangor, kawan baik saya. Ejen syarikat itu datang jumpa saya. Jadi, dalam kaedah permainan ini, dia mesti bubuhkan satu deposit. Kita kena masukkan katakan RM100 ribu sebagai base. Jadi, harga barangan yang tadi itu seperti black beans dan red beans naik-turun setiap ketika, satu minit, dua minit, sepuluh minit—bila ada permintaan sahaja dia naik-turun. Tetapi kalau kita sudah mula RM100 ribu, umpamanya, kemudian harga itu tidak semena-mena turun katalah RM30 ribu, jadi base kita tadi sudah jatuh. Bila base itu sudah jatuh, kita sudah short dari RM100 ribu dan turun RM70 ribu. Kita sudah kurang RM30 ribu, jadi kita tidak hendak dalam pasaran lagi kecuali kita tambah RM30 ribu dan beri dia RM100 ribu.

Jadi, ini satu masalah yang saya faham dalam konsep yang dilaksanakan dahulu. Sama ada konsep yang akan dijalankan di Malaysia ini yang akan dibenarkan oleh Rang Undang-undang ini serupa juga. Kalau tidak serupa, saya minta pihak Kementerian tolong perjelaskan bagaimana kaedah yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini kita dapati risiko futures market ini memanglah cukup tinggi. Jadi, saya minta pihak Kementerian memberi nasihat ataupun beri arahan kepada pihak-pihak syarikat ini supaya memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya supaya jangan orang ini kena "tangan terbakar" katakan atau hands burnt ini. Ramai orang sudah kena. Mereka ini pandai-pandai macam orang jual insurans dan masuk dalam kampung-kampung. Dia kata, masukkan RM50 ribu, sat ni dia boleh naik sampai RM70 ribu. Bukan lagi tunggu sampai sebulan atau dua bulan, ini one hour, two hours. Kalau Jepun kata, dia hendak lebih, kita pun naik harga. Jadi, orang ingat dalam sejam, dua jam boleh dapat RM20 ribu dari RM50 ribu. Siapa yang tidak mahu? Orang-orang kampung banyak savings, contohnya orang-orang perempuan dari new villages, dari kampung-kampung yang simpan duit bawah bantal, bawah tilam, dalam bank savings account—habis bawa keluar. Mereka yang tidak tahu ini, bila harga sudah turun, ia tidak ada lagi dalam pasaran.

Jadi, ini satu perkara yang mustahak dan saya minta sangatlah sebelum satu-satu syarikat itu dibenarkan, mestilah kita awasi dan mesti tengok latarbelakang orang yang hendak mengendalikan perusahaan ini. Yang mustahak sekali ialah kredibiliti orang tersebut. Syarikat tidak mustahak. Syarikat bukan boleh buat salah apa tetapi orang ini. Sungguhpun kita ada undang-undang macam ini, memang loophole itu rata-rata dia boleh cari. Dia punya pantai itu begitu panjang. Apa cara dia boleh buat. Sungguhpun kita ada kuasa, ada undang-undang dan sebagainya, ada jalan yang boleh dielakkan oleh penganjur-penganjur ini dan saya percaya penganjur-penganjur ini bukan hanya orang tempatan sahaja, bila kita sudah benarkan lesen ini, orang luar pun hendak masuk sama. Orang luar sudah ada pengalaman macam mana dia buat duit

di luar negeri, dia hendak masuk sini pula seperti terjadi dahulu. Kita mintalah perkara ini jangan berulang lagilah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat setakat itulah. Selain dari itu, saya ingin tahu kerana saya sebut produk tadi untuk barang-barang ini, jadi apakah jenis barang, sama untuk barang tempatan sahaja seperti commodity market kita macam oil palmkah, minyakkah, kokokah, getahkah atau produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang kita akan encourage supaya dijalankan under futures trading ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Rahim Baba.

*5.10 ptg.*

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992. Memanglah benar seperti kata sahabat saya, Tuan Dahalan, perniagaan hadapan ini adalah sesuatu yang baru kepada kita semua walaupun kita telahpun mendengar bukanlah baru sangat, tetapi kita pernah mendengar mengenai pasaran komoditi dan juga pasaran kewangan ataupun sebagainya, tetapi bagi perindustrian niaga hadapan ini adalah sesuatu yang agak baru. Pada saya pun, saya bukanlah tahu sangat atau faham sangat dalam soal ini, tetapi dari pembacaan yang sempat saya baca malam tadi dan juga pagi ini, saya ingin mengambil bahagian dan juga memberikan pandangan-pandangan sebelum Kerajaan melaksanakan perindustrian niaga hadapan ataupun KLOFM dalam bahasa Ingerisnya iaitu Kuala Lumpur Option and Futures Market.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perindustrian niaga hadapan ini, saya percaya financial futures yang akan digunakan ialah mengenai pasaran saham Kuala Lumpur iaitu saya agak tentulah indeks komposit pasaran saham Kuala Lumpur. Seperti mana yang saya difahamkan sekarang ini syarikat-syarikat yang dimasukkan dalam indeks komposit untuk menentukan indeks komposit pasaran saham Kuala Lumpur adalah terlalu kecil, bilangannya hanya 84 ataupun 85 kalau tak silap saya dan modal ataupun market capitalization, dengan izin, pun tidaklah sebegitu tinggi.

Saya juga dimaklumkan bahawa Syarikat Tenaga Nasional dan juga Syarikat Telekom Malaysia Berhad menguasai lebih kurang 30% daripada indeks komposit ini. Maksudnya ialah kedua-dua syarikat ini pernah mereka dalam menentukan indeks komposit yang hari-hari kita tengok 620, 650, kadang-kadang naik dua point, turun dua point itu ditentukan 30% daripada penentuan indeks komposit ini ditentukan oleh kedua-dua saham ini iaitu Tenaga Nasional dan juga Syarikat Telekom Malaysia.

Apa yang saya bimbangkan ialah ianya boleh mendedahkan kepada manipulasi pihak-pihak yang tertentu, pihak-pihak yang ingin mengambil keuntungan. Maksudnya, hanya dengan membuat manipulasi dengan saham Tenaga dan juga Telekom, indeks komposit pasaran saham Kuala Lumpur akan terjejas dengan banyaknya kerana 30% daripada penentuan indeks komposit pasaran saham Kuala Lumpur ditentukan oleh kedua-dua saham utama ini iaitu Tenaga dan juga Telekom.

Jadi, saya berharap supaya kalau pihak Kerajaan untuk perniagaan-perniagaan KLOFM pasaran hadapan ini digunakan dengan menggunakan indeks komposit saham-saham ini supaya lebih banyak lagi saham-saham dimasukkan supaya capital basednya dengan izin, lebih dan

tidak ada pihak-pihak yang boleh mengawasinya.

Saya juga berharap pada peringkat permulaan ini, kalau boleh jangan dibenarkan pelabur-pelabur daripada orang-orang asing untuk turut serta di dalam KLOFM ini ataupun dalam niaga hadapan ini kerana dikhuatirkan dengan modal yang sebegitu banyak, peniaga-peniaga asing ini boleh dengan mudahnya membuat manipulasi terhadap keadaan pasaran. Kalau ini berlaku, bukan sahaja ianya boleh meruntuhkan Pasaran Saham Kuala Lumpur, tetapi juga ianya boleh menjejaskan KLOFM dan banyak pihak yang akan menerima kerugian. Kalaulah, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham bagaimana kuatnya syarikat Solomon Brothers dari New York. Kalau mereka ini dibenarkan masuk, saya percaya hanya dengan sekelip mata sahaja pasaran saham ataupun KLOFM pasaran hadapan kita akan terjejas, malah saya difahamkan Solomon Brothers ini pasaran hadapan Jepun pun boleh ditawan, inikan pula kalau pasaran di Kuala Lumpur ini.

Jadi, saya berharap sangat supaya pengawasan diberikan terhadap mereka khasnya warganegara asing ataupun syarikat-syarikat asing yang hendak menyertai pasaran perindustrian niaga hadapan ini supaya tidak terjejas pasaran niaga hadapan yang baru kita hendak tubuhkan ini kerana kita tidak tahu mungkin ada pihak-pihak yang ingin mensabotaj usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat niaga hadapan.

Kita mestilah juga sentiasa berhati-hati supaya keadaan ini tidak berlaku seperti pasaran niaga hadapan di Hong Kong semasa jatuhnya October crashed 1987 dahulu, sampai sekarang pun masih belum pulih dengan sepenuhnya. Ini adalah pengajaran yang sepatutnya menjadi pegangan dan menjadi panduan kepada pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, bahawa niaga hadapan ini adalah sesuatu yang agak baru. Jadi, saya berharap sangat supaya lebih banyak lagi kursus-kursus, seminar-seminar ataupun pendedahan diberikan kepada masyarakat dan kalau boleh kursus-kursus ataupun seminar-seminar ini janganlah terlampau mahal sangat. Baru-baru ini diadakan, saya difahamkan kena bayar sampai RM2,000 untuk menghadiri kursus ini. Hanya golongan-golongan elit sahaja seolah-olah yang mampu untuk menghadiri kursus satu hari mengenai pasaran hadapan ini.

Saya tak mahu ada pihak-pihak yang menganggapkan seolah-olah niaga hadapan ini sesuatu yang begitu susah sekali. Sebenarnya untuk pengetahuan Tuan Dahalan, niaga hadapan ini saya agak dalam pembacaan saya, iaitu kita meramalkan apakah harga, macam juga harga di pasaran komoditi tadi, kita meramalkan sama ada indeks pasaran saham Kuala Lumpur akan naik ataupun akan jatuh, ataupun akan turun—jadi, kita membeli dahulu. Pada hari ini kita anggapkan 640 indeks komposit kalau kita anggapkan dalam tiga bulan lagi akan naik kepada 650, maknanya kita beli sekarang ini dan kita jual pada tiga bulan yang akan datang.

Ini daripada pembacaan saya dalam satu dua hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Saya juga difahamkan sekarang ini pada masa yang sama masih terdapat syarikat-syarikat yang menjadi agen kepada Financial Index di luar negeri sekarang ini, walaupun pada suatu ketika, kalau tidak silap saya, pihak Kerajaan dan pihak Kementerian telahpun mengambil tindakan yang keras dan drastik kepada mereka yang berniaga di pasaran hadapan untuk menjadi agen kepada niaga hadapan bagi index di luar negara ini. Tetapi saya difahamkan, masih juga terdapat syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti ini.

Saya harap pihak Kementerian dapat mengawasi kegiatan agen-agen ini dan, kalau boleh, agen-agen ini hendaklah dilesenkan juga. Saya difahamkan di dalam Rang Undang-undang ini, kalau agen-agen atau broker-broker yang hendak menjadi agen kepada KLOFFE Sdn. Bhd. ini akan dikeluarkan lesen. Tetapi pada masa yang sama juga, saya berharap supaya Suruhanjaya Sekuriti ataupun di bawah Rang Undang-undang ini supaya agen-agen ini juga dilesenkan dan diawasi supaya rakyat negara kita tidak ditipu dan agen-agen yang berkebolehan dan juga berkemampuan dan yang sah sahaja yang boleh berniaga ataupun dibenarkan menjalankan perniagaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari Akta ini dan juga dari pembacaan saya, saya difahamkan bahawa KLOFFE ini akan dijalankan sebagai satu syarikat sendirian berhad ataupun sebuah syarikat. Timbul satu keanehan kepada saya iaitu oleh kerana sekarang ini kita mempunyai Kuala Lumpur Commodity Exchange dan pada penghematan saya, Financial Futures ataupun Index Trading ini boleh juga dijalankan melalui Kuala Lumpur Commodity Exchange yang telahpun mempunyai asas. Saya tidak faham mengapa. Mungkin ada sebab-sebab yang tertentu Kerajaan menubuhkan KLOFFE diperbadankan sebagai sebuah syarikat.

Cuma saya berharap satu lagi kerana saya difahamkan pemegang saham KLOFFE ini adalah terdiri daripada setengah-setengah syarikat yang juga disenaraikan di pasaran saham yang diambilkira untuk menentukan Composite Index ini. Saya difahamkan bahawa KLOFFE ini dimiliki oleh Rashid Hussain Securities Sdn. Bhd., Zalik Securities Sdn. Bhd., Renong Berhad dan juga New Straits Times itu. Saya tahu itu sahaja yang saya difahamkan. Sama ada itu betul atau tidak, saya tidak tahulah. Jadi, kalau benar kumpulan ini supaya pengawasan dibuat—saya bimbang. Saya tidak mempersoalkan tentang kemampuan kumpulan-kumpulan ini—Rashid Hussain

Securities Sdn. Bhd., Zalik Securities Sdn. Bhd., Renong Berhad dan New Straits Times tetapi saya lebih memikirkan soal "conflict of interests". Kemungkinannya berlaku "conflict of interests" ataupun percanggahan kepentingan kerana syarikat-syarikat ini adalah pemegang saham dalam KLOFFE dan syarikat ini juga diniagakan dan diambilkira untuk menentukan sama ada Composite Index ataupun Index Emas di pasaran Kuala Lumpur ataupun Industrial Index di pasaran Kuala Lumpur supaya langkah-langkah ataupun kaedah-kaedah difikirkan bagaimana caranya supaya tidak timbul "conflict of interests" dalam soal ini.

Oleh kerana Kuala Lumpur Commodity Exchange ini ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri, saya berharap supaya diberi juga peluang kepada KLCE untuk berniaga atau menjalankan perniagaan hadapan ini. Sekarang ini, KLCE cuma berniaga crude palm oil (CPO), getah dan juga koko. Saya lihat dalam suratkhbar hari ini, kalau hendak kirakan getah—niaga hadapan getah tidak ada langsung dilaksanakan di KLCE. Cuma yang ada ialah crude palm oil. Itu pun setakat semalam diniagakan hanyalah 659 lot sahaja. Itu pun bilangan yang terlalu kecil sangat—7,595 kontrak yang telahpun ditandatangani kepada perniagaan semalam iaitu 30hb Disember, 1992. Jadi, kalau Kerajaan juga, saya berharap memberikan peluang kepada KLCE untuk turut sama kerana KLCE dimiliki oleh Kerajaan sendiri supaya KLCE juga diberikan peluang untuk turut sama mengambil bahagian dalam memberikan lesen untuk niaga hadapan ini.

Saya berharap juga supaya usaha-usaha yang lebih perlulah dijalankan supaya KLCE lebih bergerak dengan pesatnya lagi kerana sepertimana yang saya telahpun katakan tadi, setakat ini hanyalah minyak kelapa sawit (CPO) sahaja yang diniagakan, saya difahamkan perniagaan-perniagaan getah ataupun rubber futures banyak dijalankan di pasaran komoditi Singapura dan juga pasaran komoditi di

London, kalau dibandingkan dengan di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja yang saya ingin memberikan pandangan dan saya berharap pandangan saya tadi betul kerana perniagaan KLOFFE ini ataupun perindustrian niaga hadapan ini adalah suatu yang agak baru dan sepertimana yang saya katakan tadi, penjelasan-penjelasan hendaklah diberikan dengan lebih banyak kepada syarikat umum, pendedahan-pendedahan yang lebih hendaklah diberikan kepada syarikat umum.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Setiausaha Parlimen menjawab.

5.29 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya mengucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba dan Tuan Dahalan bin Haji Embun yang mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini. Dewan Negara harus berbangga kerana mempunyai dua orang Ahli yang sentiasa mengambil berat tentang perkara yang dibincangkan dalam Dewan. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat kira-kira 70 buah bursa option dan niaga hadapan di seluruh dunia pada hari ini. Dan di rantau kita ini, hanya negara Singapura yang ada sebuah yang dipanggil Singapore International Monetary Exchange (SIMEX) di mana produk-produknya adalah matawang niaga hadapan dan Nikkei Futures Index, antara lainnya. Negara Thailand sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan. Nampaknya, kita Malaysia mendahului Thailand dalam

hal ini. Singapura sudah pun ada pada pandangan kita, sudah sampai masanya bagi Malaysia selaras dengan perkembangan kewangan yang pesat di negara kita menubuhkan pasaran niaga hadapan ini.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat melalui Rang Undang-undang ini kita akan membolehkan Bursa Pasaran Niaga Hadapan ditubuhkan. Yang pertama itu penting. Yang keduanya, Rang Undang-undang ini akan mengenakan beberapa peraturan untuk membolehkan players ataupun pemain-pemain dalam pasaran itu bergerak cergas. Itulah dua tujuan utama Rang Undang-undang ini. Yang pertama, membolehkan Menteri meluluskan institusi iaitu bursa. Yang keduanya, ialah menentukan peraturan-peraturan yang membolehkan players mengambil bahagian di dalam pasaran. Itu secara ringkas.

Mengenai definisi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan secara ringkasnya yang dimaksudkan dengan kontrak niaga hadapan itu ialah perjanjian untuk membeli atau menjual satu kuantiti komoditi ataupun saham dan sebagainya pada masa hadapan, pada satu harga yang telah ditentukan terlebih dahulu. Ini dibuat untuk menjaga kepentingan pelabur khususnya untuk melindungi pelabur dari sebarang risiko. Umpamanya, seseorang itu berpendapat bahawa Ringgit Malaysia akan turun lebih teruk lagi di masa hadapan, maka melalui pasaran niaga hadapan ini, pelabur tersebut boleh menetapkan harga jualan di masa hadapan, suatu harga tertentu bagi mengelak kerugian yang amat berat dan amat besar itu. Dengan berbuat demikian, maka peniaga tersebut dapat mengurangkan kerugian yang dialami. Itu secara ringkasnya kalau kita bercakap tentang currency.

Soalan yang seterusnya yang dibangkitkan ialah apakah produk-produk yang ada. Produk-produk ini berbilang. Di commodity futures market ini ada

komoditi, saham, matawang, kadar faedah dan stock index sepertimana yang dirujuk oleh Yang Berhormat Tuan Rahim tadi—produk ini berbagai-bagai—matawang pun boleh, kadar faedah pun boleh, index pun boleh, komoditi pun boleh dan lain-lain lagi. Banyak sekali produk-produk yang boleh diniagakan di dalam bursa niaga hadapan ini.

Mengenai cadangan Tuan Dahalan agar penjelasan sejelas-jelasnya diberikan kepada rakyat khususnya pelabur, Kementerian Kewangan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Dahalan kerana mengemukakan pandangan ini. Insya Allah, kita akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan bahawa rakyat khususnya pelabur akan memahami dengan jelas tentang peranan bursa niaga hadapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim, beliau antara lain yang pertama sekali bercakap tentang KLSE Composite Index yang mengikut beliau saham Tenaga dan Telekom mengandungi kira-kira 30% dari KLSE Composite Index. Beliau khuatir sekiranya index ini digunakan maka akan terdapat masalah. Saya ingin menekankan bahawa pada ketika ini belum lagi ditetapkan oleh sesiapa pun apakah index yang akan di niagakan sama ada composite index ataupun lain-lain index yang lain. Jadi, dengan itu masalah ini tidak berbangkit pada ketika ini.

Yang keduanya, berkaitan dengan penglibatan orang-orang asing dalam perniagaan niaga hadapan ini, kita akan berwaspada tentang manipulasi yang mungkin dibuat oleh pelabur-pelabur asing ini. Dalam hubungan ini, ingin ditekankan peraturan-peraturan yang ketat dikenakan antara lain, penalti yang tinggi dan amat berat sebanyak RM1 juta ataupun 10 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Kerajaan percaya dengan penalti yang

begitu berat, maka ini akan menghindar sebarang pihak sama ada dari negeri ataupun pelabur-pelabur tempatan daripada manipulasi pasaran ini.

Tuan Rahim juga membangkitkan tentang kursus-kursus di mana harganya tinggi. Ini diambil perhatian oleh Kerajaan. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Rahim membangkitkan tentang penglibatan ejen-ejen daripada luar negeri yang cuba menarik pelabur-pelabur di sini. Apabila Akta ini diluluskan, maka mengikut seksyen 102 seorang broker itu tidak boleh berdagang dalam kontrak niaga hadapan di luar negara kecuali di satu bursa yang ditentukan iaitu mana-mana bursa luar negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Jadi, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, kita berharap penyelewengan yang memang kita dengar berlaku sebelum ini di mana ada rakyat Malaysia yang tertipu oleh kerana ada kawalan yang ketat, perkara ini tidak akan berbangkit lagi.

Seterusnya Tuan Rahim membincangkan tentang KLCE harus pada pandangan Tuan Rahim diberi lesen untuk mengendalikan urusan pasaran niaga hadapan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan telahpun meluluskan secara prinsip iaitu pada bulan Oktober 1990 lagi, penubuhan KLOFFE yang pemegang-pemegang sahamnya sudahpun dinyatakan dengan tepat oleh Tuan Rahim tadi—empat pemegang saham utama KLOFFE telah pun diluluskan dalam bulan 10 tahun 1990. Mana-mana pihak termasuk KLCE boleh memohon kepada Menteri untuk menubuhkan pasaran hadapan. Malah ada ura-ura daripada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan memang KLCE berminat untuk menyertai pasaran hadapan ini jika Kerajaan meluluskan pasaran hadapan untuk KLCE. Selain daripada KLOFFE maka sudah tentu Kerajaan akan menentukan bahawa produk-produk yang diniagakan oleh anak syarikat KLCE ini berlainan daripada produk-produk yang diniagakan dalam KLOFFE.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah antara perkara-perkara penting yang sempat saya jawab. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan mengambil maklum tentang kebimbangan yang disuarakan khususnya ada pelabur-pelabur yang mungkin kurang faham tentang konsep niaga hadapan ini, Kerajaan akan mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan kepada pelabur-pelabur supaya mereka benar-benar faham dan mahir dan tidak tertipu dengan pelabur atau broker-broker yang akan bergiat kelak.

Dalam hubungan ini, ingin saya jelaskan dan tekankan sekali lagi, bahawa penalti-penalti yang ditetapkan di bawah Rang Undang-undang ini amat tinggi sekali. Pada umumnya RM1 juta atau 10 tahun penjara atau kedua-duanya sekali dan Kerajaan berpendapat bahawa penalti-penalti yang begitu tinggi ini akan menghindarkan pihak-pihak yang hendak memanipulasikan pasaran; akan menghindarkan mereka dari berbuat demikian. Dengan itu Kerajaan boleh menjanjikan satu pasaran yang bersih, yang berwibawa dan sihat.

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Dahalan dan Tuan Rahim kerana mengambil bahagian di dalam perbincangan dan segala pandangan mereka akan diambil perhatian sewajarnya oleh pihak Kementerian Kewangan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Fasal 1 hingga 109* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan luluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
SURUHANJAYA  
PELABUHAN PULAU PINANG  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.41 ptg.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1984. Di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984, 11 Pindaan telah dibuat dengan tujuan untuk membolehkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang beroperasi dengan lebih licin. Akan tetapi oleh kerana terlepas pandang, tindakan telah diambil untuk mewartakan tarikh kuatkuasanya pindaan tersebut. Untuk membetulkan kedudukan ini pindaan dibuat untuk menyifatkan Akta ini ialah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984 sebagai bermula dikuatkuasakan pada 20-1-1984 iaitu sehari selepas tersiarnya Akta tersebut di dalam *Warta*.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal**

**Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Dahalan Haji Embun, dipersilakan.

*5.42 ptg.*

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih kerana diberi peluang sekali lagi untuk membahas dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang ini. Jadi, sebelum daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, saya terima memo ini daripada Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba, "saya berharap saudara akan bercakap Rang Undang-undang Pelabuhan Pulau Pinang dan seterusnya Akan Kanun Acara Jenayah. Jangan ada Bil tanpa bahas, malulah kita."

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pecah rahsia. (*Ketawa*)

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Jadi, ini masalah akhbarlah. Tiap-tiap kali bila ada Rang Undang-undang yang diluluskan tanpa bahas ini dia highlight sangat. Yang kita bercakap dia tidak sebut. Dia tidak sebut apa yang kita cakap. Yang tidak cakap, itu yang dia sebut tanpa bahas oleh Dewan Negara.

Jadi, tidak hairanlah kadang-kadang secara berseloroh PM kata "ini Dewan senget". Jadi senget sungguhlah kalau macam itu. Jadi, kita tidak mahu beri senget lagilah sekarang. Tetapi kalau sebut Dewan senget ini tidak betullah sebab kita ini selalu pun stabil tidak pernah senget sebelah di Dewan Rakyat itu, Tuan Yang di-Pertua, selalu bergaduh. Kita

tidak pernah bergaduh, kita sokong sahaja. Tetapi dalam sokong pun bila kita ada apa-apa yang kita hendak sebut kita sebut jugalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maksud PM “senget” itu pasal kurang sangat pembangkang.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, peranan kita dalam Dewan Negara ini tiap-tiap seorang Ahli Dewan Negara adalah Pembangkang yang kreatif dan konstruktif. Saya hendak sebut perkataan “konstruktif” ini oleh sebab dalam kita membangkang dan mengeluarkan hujah-hujah kita, kita menyokong juga. Tetapi ada yang membangkang di Dewan Rakyat sana yang dia bersetuju pun dia kata tidak setuju. Jadi kita setuju semualah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi dia tidak setuju dengan senget itu?

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Jadi tidak berapa hendak setuju, Tuan Yang di-Pertua. Kita ingat kita ini lebih stabil dari mereka yang senget.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang ini, inginlah saya sebut satu dua perkara setakat yang saya tahu. Saya pun berminat tetapi tidak pernah mengendalikan perusahaan pelabuhan ini. Oleh sebab ini ada kaitan dengan perkara itu, satu dua perkara saya hendak sebut.

Yang pertamanya saya dapati daripada segi pemodenan pelaksanaan bulk cargo. Yang saya maksud bulk cargo ini lebih-lebih lagi untuk import. Macam baja urea, NPK Urea, Mirex Potash, Rock Phosphate, gula mentah dan sebagainya. Jadi barang-barang ini diimport secara loose. Dia datang dalam kapal. Dia bubuh dalam perut kapal itu bila sampai ke pelabuhan di angkat naik gunakan grab. Jagung, soya bean dan sebagainya termasuk apa jenis feedmill ini.

Jadi, kalau kita rajin pergi ke portlah, West Port itu kita nampak kadang-kadang berkecamuk. Jadi daripada segi kebersihan pun kita tidak nampak begitu sangat.

Jadi, masalah ini adalah daripada segi pengendalian sendiri. Oleh sebab saya dapati kontraktor-kontraktor yang mengendalikan bulk cargo di situ dia guna sistem yang mudah sangat. Tidak banyak saya nampak salur di situ. Tidak banyak yang digunakan direct pumping system daripada vessel direct kepada salur dan daripada salur keluar. Yang dibuat itu dia grab daripada vessel masuk ke atas lori terbuka. Daripada situ barulah mereka bawa ke gudang. Gudang pun di kawasan pelabuhan juga.

Jadi, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun memang sudah melawat tetapi kalau kita tengok keadaan itu tidaklah begitu bersihlah. Tidak begitu bersih dan tidak begitu teratur.

Jadi, inilah saya mohon bagi pihak Kementerian supaya kita lebih modernkan pengendalian bulk cargo lebih-lebih lagi untuk import. Dan lebih-lebih lagi untuk feedmill yang saya maksudkan untuk jagung. Kadang-kadang padi pun ada. Kadang-kadang tapioca chips untuk animal feed, untuk makanan ternakan. Begitu juga soya beans. Semua ini loose bukan dibubuh dalam guni. Daripada situ terus ke lori —tidak. Loose bawa masuk ke gudang pakai grab naik lori barulah masuk dalam guni dan bawa keluar. Tetapi kebanyakan gudang itu pun dalam kawasan itu juga.

Jadi, kita beri modern sedikit. Saya nampak ada satu dua seperti Kilang Simen Kedah, saya ingat ada buat satu. Dia buat di West Port itu nampak teratur. Tidak nampaklah habuk-habuk ini naik. Tidak nampak langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagaimana Tuan Dahalan sentuh/tempuh sedikit—kata Timbalan Menteri tadi ada 11 pindaan dalam Akta Suruhanjaya

Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1984 itu. Jadi pindaan hari ini hendaklah mengemaskan dan membetulkan lagi. Saya rasa kalau kurang terang boleh tanya dia supaya boleh dibahaskan apa yang 11 itu.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Ya, saya akan buat persoalan di atas. Tetapi sebelum saya masuk tadi pun saya sudah sedikit-sedikit bertanya-tanya dengan yang Yang Berhormat Menteri. Yang saya sebut tadi pindaan itu satu perkataan sahaja. Tetapi oleh sebab ini kita hendak ambil kesempatanlah satu perkataan. Dengan kerana satu perkataan melibatkan semua sekali pindaan Undang-undang ini. Jadi ini masalah teknikal. Kalau kita hendak bercakap pasal itu saya ingat mungkin tidak ada bahas langsung. Jadi oleh sebab ada peluang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ini sensitif sedikit. Saya pun pergi tengok juga di Butterworth. Oleh sebab kita cakap Pulau Pinang saya cakaplah Butterworth sedikit.

Satu ketika dahulu Kerajaan hendak modenkan juga sistem pengangkutan bulk cargo ini dia gunakan conveyor. Conveyor daripada jeti. Conveyor ini naik atas jetilah. Jeti panjang ke laut sana, conveyor atas langit! Daripada ketika itu saya ingat dia hendak buat apa coal atau iron-ore untuk Malayawata. Kerajaan binakan itu. Tetapi akhir-akhir ini ianya tidak diselenggarakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa perkataan itu? Coal?

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Coal—batu arang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Coal? Batu arang.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Batu arang dan iron-ore untuk import. Jadi digunakan conveyor. Daripada kapal naik conveyor masuk ke gudang.

Jadi saya dapati conveyor yang Kerajaan bina itu; saya tidak tahu berapa juta ketika itu. Mungkin RM7-RM8 hingga RM10 juta. Tetapi dia roboh begitu sahaja. Jadi, saya dengar-dengar ini dijual kepada “Keling Botol” besi-besi itu. Yang kita bina berjuta-juta dilelong atau ditangkap kontrak beli itu kepada “Keling Botol”. Betul-betul “Keling Botol” Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa perkataan itu?

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Perkataan itu within inverted commas “Keling botol”. Di Perlis dan Kedah bila sebut “Keling botol” maknanya orang yang membeli scraps seperti botol, guni padi, besi buruk dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ejaan perkataan “Keling” itu, boleh jadi Tuan Yang di-Pertua hendak tahu juga. Ejaan perkataan “Keling” itu macam mana?

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** “Keling” ini within inverted commas. ini bukan sensitive, yang sebenarnya, ini memang istilah untuk second-hand dealers. Melayu kita ini memang kaya dengan peribahasa, jadi bila sebut perkataan itu, kita fahamlah. Saya minta pihak Menteri memberi sedikit penjelasan apakah telah terjadi kepada projek tersebut dan untuk kegunaan apakah tempat itu sekarang? Oleh sebab tempat itu begitu besar dan Kerajaan telah membelanjakan wang begitu banyak, maka apakah tindakan Kerajaan selanjutnya.

Ketiga, mengenai Pengagihan aktiviti pelabuhan ini. Kita dapati di sepanjang pantai negeri kita ada yang cetek, ada yang sederhana dalam dan ada yang dalam. Kita selalunya concentrate kepada pantai yang dalam sahaja—kapal kecil, besar dan serdahana semuanya berlabuh di situ oleh sebab kapal kecil memang boleh masuk ke tempat air dalam, begitu juga sederhana dan yang kapal besar itu memanglah boleh masuk ke tempat yang dalam. Mengapa

kita tidak gunakan tempat-tempat yang cetek untuk menempatkan small vessels dan di tempat yang sederhana dalam itu boleh dimasukkan kapal-kapal yang saiz sederhana. Jadi, daripada kita concentrate untuk membina pelabuhan di tempat-tempat yang dalam sahaja untuk mengaccomodate tiga jenis vessels tadi? Mengapa kita tidak splitkan supaya satu-satu pelabuhan itu tidak cramped, tidak jammed seperti yang kita lihat di Port Klang-bot di situ, tongkang di situ dan kepunyaan kapal di-Raja pun di situ. Yang di depan bagan itupun penuh dengan yacht. Ini menyekat pintu sungai small channel-penuh, putih macam burung bangau, jadi kapal lain tidak boleh masuk. Maka saya tidak hairanlah kebakaran yang terjadi dahulu kepada kapal yang membawa minyak-ia di seberang sungai itu sahaja. Masalah sekuriti kita tidak ada, hendak manoeuvre untuk mencari jalan ke tank shell itu memang susah. Ini saya lihat sendiri. Ini menjadi satu masalah dan saya minta pihak Kementerian membuat kajian supaya kita bahagi-bahagikan. Pantai kita panjang. Untuk kapal-kapal yang sederhana kecil kita buat di Lumut, yang kapal besar buat di Port Kelang ataupun Pulau Pinang dan yang kecil-kecil boleh buat di Perlis. Dari segi logistik pun menguntungkan juga. Kalau semua barang terpaksa datang ke Port Kelang atau Pulau Pinang kemudian ditarik pula pergi ke Perlis, Kelantan atau Terengganu, saya rasa tidak ekonomik. Kita sudah ada konsep penswastaaan dan telahpun dijalankan di Pulau Pinang dan Melaka-Port Dickson dan Lumut belum lagi. Ada pengusaha-pengusaha yang sanggup membina jeti kecil dan sederhana untuk kegunaan mereka sendiri. Ini satu cadangan yang saya minta pihak Kementerian membuat kajian dan seterusnya, mengambil apa-apa tindakan yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya telah menyebutkan penswastaaan tadi. Saya ingin tahlulah, mungkin ada sesiapa yang berminat untuk menyertai skim penswastaaan ini. Apakah cara untuk kita

dapat menswastakan sesebuah pelabuhan ataupun tempat yang ada potensi untuk menjadi pelabuhan? Apakah kita hendak mendapatkannya, sama ada melalui Kementerian ataupun melalui Kerajaan Negeri? Dengan kata-kata itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dengan hormatnya dijemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.57 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dahalan yang telah memberikan beberapa pandangan dan pendapat mengenai pelabuhan Pulau Pinang dan beliau juga mencadangkan beberapa cara dari segi mengendalikan bulk cargo dan menyebut mengenai conveyor belt, arang batu dan iron ore yang diimport. Sebenarnya iron-ore kita tidak import, kita punya iron-ore sendiri yang kita eksport. Mengenai arang batu, sekarang ini kita tidak lagi menggunakan arang batu. Kita sudah menggunakan elektrik dan macam-macam cara bahan api yang lain.

Dari segi pengagihan aktiviti pelabuhan, sebenarnya pelabuhan Pulau Pinang itu memanglah banyak aktiviti terutama sekali ianya memberikan perkhidmatan feri kepada pejalan-pejalan kaki dan juga untuk kenderaan dan juga mempunyai perkhidmatan container dan kapal-kapal besar yang lain. Dari segi pengendalian bulk cargo tadi, ia bergantung sebenarnya dengan upper system bulk cargo ini sampai. Kalau ianya cecair memang kita ada paip-paip saluran dan kalau ianya bahan-bahan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, ianya bergantung kepada si pengimport itu sendiri cara mana dia hendak mengendalikan cargonya. Kalau dia merasakan bahawa kurang kosnya seperti yang dibuat itu, maka

mereka memilih dengan cara yang demikian.

Walau apapun yang diperkatakan, kita sedang meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan di pelabuhan Pulau Pinang bahkan satu kajian pelan induk pelabuhan Pulau Pinang sedang dijalankan oleh satu syarikat yang telah dilantik dan dijangka akan siap pada awal tahun 1993 dan ini menyeluruh meliputi semua aspek pelabuhan tersebut. Kajian ini objektifnya ialah untuk menganalisa secara micro peranan pelabuhan Pulau Pinang itu sendiri bagi tempoh 20 tahun ke hadapan. Dengan itu sudah tentulah peralatan-peralatan, kemudahan-kemudahan dan infrastrukturnya akan diperbaiki mengikut keperluan-keperluan yang tersebut. Juga untuk menilai impak rancangan pengangkutan iaitu projek-projek pengangkutan mengenai kawasan dalaman di Pulau Pinang itu sendiri, di Butterworth, utara, selatan dan tengah mengikut keadaan-keadaannya dan untuk menetapkan juga potensi cargo-through-put pelabuhan Pulau Pinang dari tahun 1991 sampai tahun 2,000 dan mengkaji infrastrukturnya khususnya dari segi pengangkutan iaitu kemudahan-kemudahan di kawasan dalaman dan juga di mana kemungkinannya akan menjadi bottleneck, dengan izin. Juga kita akan menilai trend global dan regional, dengan izin mengenai perkapalan dari segi impactnya juga kepada pelabuhan Pulau Pinang. Kita meminta juga supaya kajian ini dapat memperakukan keperluan-keperluan kemudahan spesifik pula bagi pelabuhan Pulau Pinang sampai tahun 2000 dan juga menilai viability-nya, dengan izin, dan juga memperakukan kemudahan-kemudahan yang diperlukan daripada tahun 2001 sampai 2010 dan juga menilai dan menganalisa dengan detailnya, operasi feri bagi mengubal dasar-dasar optimum dan program-program dalam konteks operasi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini.

Jadi, berasaskan kajian itu nanti kita akan dapat memperbaiki, meningkatkan

kemudahan-kemudahan dan juga projek-projek dan perkhidmatan-perkhidmatan di Pelabuhan Pulau Pinang.

Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi atas pandangan-pandangan Yang Berhormat itu yang sudahpun saya catatkan, dan kita akan mengambilkira pandangan-pandangan tersebut apabila kita mengkaji pelan induk yang akan disediakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.03 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk

mencadangkan Suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perubatan 1971 bertajuk Akta Perubatan (Pindaan) 1992.

Akta Perubatan 1971 bertujuan untuk mengawal amalan perubatan di negara ini. Akta itu memperuntukkan penubuhan sebuah Majlis Perubatan Malaysia yang bertanggungjawab mendaftar pengamal-pengamal perubatan yang mengawasi penguatkuasaan peruntukan-peruntukan Akta itu.

Akta ini juga mewajibkan seseorang pengamal perubatan berkhidmat dengan Kerajaan. Di dalam menjalankan kehendak-kehendak Akta ini terdapat beberapa kelemahan dan kelonggaran pada Akta, khususnya berkaitan dengan pemilihan Ahli-ahli Majlis Perubatan, latihan serta perkhidmatan doktor-doktor siswazah, pendaftaran pengamal-pengamal perubatan dan perkhidmatan wajib. Peruntukan baru juga diperlukan bagi mengadakan pengertian Pegawai Perubatan Kerajaan.

Kementerian mencadangkan tambahan perenggan baru iaitu perenggan (c) kepada subseksyen (13), seksyen 3 bagi mencegah seseorang pengamal perubatan yang telahpun dipotong namanya oleh Majlis Perubatan daripada menjadi seorang ahli Majlis Perubatan.

Kementerian juga mencadangkan subseksyen (13A) baru kepada seksyen 3 bagi mencegah seseorang pengamal perubatan yang namanya telah digantung daripada daftar ataupun telah dicela sebagai hukuman tatatertib oleh Majlis Perubatan itu daripada menjadi ahli Majlis Perubatan selama tempoh 6 tahun selepas tamat hukuman penggantungan itu atau selama tempoh 6 tahun dari tarikh celaan itu. Ini akan memastikan bahawa Majlis Perubatan dianggotai oleh pengamal-pengamal perubatan yang berkebolehan serta menentukan bahawa imej Majlis Perubatan sebagai badan yang mengawasi amalan perubatan tidak tercemar.

Sehubungan dengan itu, subseksyen baru, ialah subseksyen (15) kepada seksyen 3 memperuntukkan agar keanggotaan seseorang ahli Majlis Perubatan yang menerima aduan tatatertib digantung mulai dari tarikh siasatan itu diadakan sehingga siasatan itu selesai dijalankan oleh Majlis Perubatan. Sekiranya Majlis Perubatan mendapati tidak ada kes terhadap beliau, maka keahliannya di dalam Majlis Perubatan akan dihidupkan semula mengikut cadangan subseksyen-subseksyen (16) dan (17), Seksyen 3.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 13 Akta Perubatan 1971 memperuntukkan tentang pengalaman yang diperlukan oleh seseorang yang diberikan pendaftaran sementara di bawah Akta ini.

Kementerian mencadangkan agar latihan siswazah mengikut seksyen 13(2) Akta sekarang dipinda supaya seseorang yang didaftarkan sementara di bawah Akta ini dikehendaki menjalankan latihan siswazah bertempat tinggal di dalam bidang-bidang pembedahan, perubatan, obstetrik dan ginekologi selama tempoh 4 bulan bagi tiap-tiap bidang tersebut.

Pada masa sekarang, mengikut peruntukan seksyen 13(3), seseorang yang lulus peperiksaan kelayakan di bawah seksyen 12(1) (aa) Akta ini dan telah menjalani latihan doktor siswazah di bawah Seksyen 13(2) dikehendaki bertugas dalam perkhidmatan perubatan di bawah pengawasan selama tempoh tidak kurang dari 2 tahun.

Untuk tujuan penyelarasan perkhidmatan doktor-doktor yang mempunyai ijazah perubatan yang diiktiraf dan tidak diiktiraf, maka Kementerian mencadangkan agar seksyen 13(3) ini dibatalkan daripada Akta. Dengan pembatalan ini, maka graduan-graduan daripada institusi perubatan yang tidak diiktiraf di bawah seksyen 12(1) dan 12(2) Akta ini dikehendaki lulus peperiksaan tahun akhir universiti-universiti tempatan sebelum mereka diberi pendaftaran sementara untuk menjalani latihan doktor siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga mencadangkan penambahan perenggan baru (c) kepada subseksyen (1) Seksyen 19 untuk menyekat permohonan pendaftaran seseorang yang didapati tidak layak untuk melaksanakan tugas profesionnya oleh sebab keadaan mental ataupun fizikal. Selaras dengan ini, seksyen 24 perlu dipinda dengan memasukkan alasan tambahan di mana seseorang yang didapati tidak layak untuk melaksanakan tugas-tugasnya kerana keadaan fizikal juga diberhentikan daripada Daftar Perubatan Malaysia.

Bagi mengatasi kekurangan pengamal perubatan yang pakar dalam bidang-bidang tertentu terutama sekali dalam bidang forensik, Kementerian ini mencadangkan agar satu seksyen baru iaitu 34c diadakan supaya mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang bukan seorang pegawai perubatan Kerajaan semasa menjalankan tugas-tugas atas arahan Ketua Pengarah Kesihatan dianggap sebagai Pegawai Pengamal Perubatan Kerajaan. Dengan adanya peruntukan 34c baru ini, di antara lain, membolehkan laporan perubatan dan laporan autopsi yang dibuat oleh pengamal-pengamal perubatan sedemikian diterima sebagai keterangan di dalam mahkamah.

Kementerian ini mencadangkan seksyen 35 Akta dipinda dengan menaikkan denda dan tempoh hukuman penjara bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini.

Satu masalah besar yang sentiasa dihadapi oleh Kementerian Kesihatan ialah kekurangan pegawai-pegawai perubatan warganegara yang sanggup berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan setelah tamat tempoh latihan siswazahnya.

Sungguhpun Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai perubatan serta memperluaskan peluang-peluang kenaikan pangkat dan latihan, tetapi ramai pegawai-pegawai perubatan masih lagi meninggalkan

perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh di mana perkhidmatan mereka sangat diperlukan.

Bahagian VII Akta Perubatan 1971 telah memberi kuasa kepada Kerajaan mewajibkan seseorang doktor berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh yang tertentu. Ianya telah membantu Kerajaan mengurangkan masalah kekurangan Pegawai Perubatan selain daripada latihan yang lebih menyeluruh kepada doktor-doktor muda. Kementerian bercadang menggantikan bahagian ini dengan Bahagian VII yang baru. Bahagian VII yang baru ini apabila ianya mula berkuatkuasa akan terus berkuatkuasa sehingga Parlimen melalui ketetapan memperuntukkan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan kepada Akta Perubatan 1971 yang disebut tadi adalah perlu dan tepat pada masanya supaya satu undang-undang berkaitan dengan amalan perubatan yang berkesan dan lengkap bagi semua hal pengawalan keanggotaan Majlis Perubatan, Pendaftaran dan Pembatalan Pengamal Perubatan dari Daftar Perubatan Malaysia, Perkhidmatan Pengamal Perubatan yang didaftarkan sementara dan penguatkuasaan Perkhidmatan Wajib bagi maksud-maksud negara boleh dilaksanakan di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon supaya Rang Undang-undang Akta Perubatan (Pindaan) 1992 diluluskan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971 dan untuk membuat peruntukan bagi pengesahan peruntukan-

peruntukan tertentu, perbuatan-perbuatan tertentu yang telah dibuat di bawahnya dan perkara-perkara sampingan yang lain berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*(Tiada Perbahasan)*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)*

*Fasal 1 hingga 12* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.15 ptg*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan pada 29 Disember 1992 lalu, pasaran lalu, pasaran modal di Malaysia masa kini adalah diawasi oleh beberapa agensi iaitu Pendaftar Syarikat (ROC), Jawatan Terbitan Modal (CIC), Panel Pengambilan dan Percantuman (TOP), dan pihak Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

Wujud beberapa agensi pengawalan yang mempunyai objektif Pengawalan masing-masing tidak lagi sesuai pada peringkat pembangunan pasaran modal sekarang dan menyulitkan perancangan pembangunan pasaran modal sekarang dan menyulitkan perancangan pembangunan pasaran modal di negara kita. Memandangkan pembangunan pasaran modal yang cekap dan moden adalah sangat penting untuk menampung keperluan kewangan yang akan bertambah pada tahun-tahun akan datang, maka satu rangka pengawalan yang sesuai perlu diaturkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh demikian, Kerajaan telah mencadangkan satu badan pengawalan yang tunggal yang bertanggungjawab ke atas semua aspek pengawalan pasaran sekuriti dan kewangan niaga hadapan. Dengan penubuhan badan pengawalan dalam bentuk Suruhanjaya Sekuriti yang mempunyai perspektif menyeluruh maka badan pengawalan akan dapat merancang dengan lebih cekap pembangunan pasaran dan meningkatkan tahap keyakinan pelabur.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia makluman, penubuhan Suruhanjaya melibatkan pemindahan fungsi-fungsi beberapa badan pengawalan yang sedia ada dan disatukan di bawah Suruhanjaya. Oleh itu, pindaan-pindaan perlu dibuat kepada beberapa Akta yang memperuntukkan kuasa pengawalan kepada agensi-agensinya pengawalan yang sedia ada.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 yang telah diluluskan oleh Dewan memperuntukan bahawa fungsi-fungsi Suruhanjaya antara lain adalah untuk mengawasi dan menyelia aktiviti mana-mana bursa dan pusat penjelasan, untuk mengambil segala langkah munasabah untuk melindungi kepentingan orang-orang yang berniaga dalam sekuriti dan untuk memajukan dan menggalakkan kelakuan yang baik di kalangan anggota-anggota bursa.

Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (SIA 1983) adalah Akta utama yang mengandungi peruntukan yang membolehkan fungsi-fungsi yang tersebut dijalankan. Buat masa ini, Pendaftar Syarikat adalah bertanggungjawab bagi pelaksanaan SIA 1983. Dengan penubuhan Suruhanjaya, fungsi-fungsi itu adalah dipindahkan kepada Suruhanjaya. Oleh yang demikian, pindaan berikut ataupun consequential amendments adalah perlu bagi SIA 1983.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah SIA 1993, pelesenan broker-broker saham, penasihat perdagangan serta wakil-wakil mereka adalah dikendalikan oleh Pendaftar Syarikat. Rang Undang-undang perindustrian Niaga Hadapan 1992 yang telah diluluskan oleh Dewan sekejap tadi memperuntukkan bahawa pelesenan broker niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan dan wakil-wakil akan dibuat oleh seorang Pegawai Pelesenan.

Untuk menyelaraskan sistem pelesenan dalam pasaran niaga hadapan dan pasaran sekuriti, pelesenan broker saham dan penyerta pasaran sekuriti yang lain juga akan dikendalikan oleh Pegawai Pelesenan yang akan dilantik oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam SIA 1983 mengenai pelesenan adalah dipinda melalui Rang Undang-

undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1992 untuk menggantikan rujukan kepada Pendaftar Syarikat dengan Pegawai Pelesen.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya bertanggungjawab membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang yang hina dan keji bersabit dengan perniagaan sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan. Untuk membolehkan Suruhanjaya membanteras jenayah kolar putih, kesalahan-kesalahan berkaitan dengan manipulasi pasaran modal akan dikenakan hukuman yang lebih berat di bawah pindaan kepada SIA. Kebanyakan penalti akan ditambah kepada tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Penalti bagi manipulasi pasaran, misalnya jenayah perdagangan dalaman, telah ditambah dari tidak kurang daripada RM50,000 ke tidak kurang daripada RM1 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun.

Seksyen 8 adalah dipinda, antara lain, dengan memasukkan satu subseksyen baru di mana Menteri diberi kuasa untuk melantik seorang ahli Jawatankuasa yang mewakili kepentingan orang ramai sebagai Pengerusi Eksekutif Jawatankuasa Bursa Saham dan saraan Pengerusi Eksekutif dibayar oleh bursa saham. Kuasa Menteri yang sedia ada adalah terkandung di dalam tata-urusan Bursa Saham Kuala Lumpur. Memandangkan kepentingan Jawatankuasa Pengerusi Eksekutif adalah sesuai perlantikan ini dibuat mengikut perundangan. Pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan 1992.

Bahagian V Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) adalah berkaitan dengan simpanan rekod-rekod.

Pada masa sekarang Pendaftar Syarikat adalah bertanggungjawab untuk membanteras amalan yang menyalahi

peruntukan SIA 1983. Suruhanjaya telah diberi kuasa yang sama di bawah Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992.

Fasal 35, Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti 1992 memperuntukkan Suruhanjaya melantik pegawai-pegawai penyiasat Suruhanjaya bagi maksud menjalankan penyiasatan atau kesalahan atau pemeriksaan di bawah antara lain, SIA 1983. Mengikut Fasal 35(2), Pegawai penyiasat Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada mana-mana orang bagi maksud menjalankan penyiasatan di bawah antara lain, SIA 1983.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan Rang Undang-undang Akta Perindustrian Sekuriti (pindaan) 1992, saya yakin pasaran sekuriti akan dapat dikawal dengan sempurna dan kepentingan pelaburan awam akan dapat dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Rahim Baba.

6.22 ptg.

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah menyediakan teks ucapan saya, tetapi oleh kerana menghormati masa, saya cuma mengambil "gist" daripada teks yang saya sediakan untuk menyokong Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, penalti untuk

jenayah kolar putih akan dinaikan kepada RM1 milion ataupun untuk satu tempoh selama tidak lebih daripada 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di bawah Akta Dadah Merbahaya, kesemua keuntungan ataupun perolehan yang didapati daripada penjualan dadah dan sebagainya, akan diambil oleh Kerajaan. Jadi di bawah Akta ini saya juga mencadangkan supaya difikirkan supaya denda yang dikenakan biarlah meliputi, walaupun tidak kesemua dari keuntungan yang didapati oleh seseorang itu melalui dagangan dalaman ataupun sebagainya, ia adalah berganda daripada jumlah yang diperolehi. Ini akan menjadikan seseorang itu tidak berani untuk mengambil tindakan yang tertentu ataupun untuk mendapatkan keuntungan. jadi, kepada seorang ahli perniagaan, kalau difikirkan denda sebanyak RM1 milion, tetapi daripada perbuatannya, dia boleh dapat RM10 milion. Kemungkinan beliau merasakan apalah salahnya kalau membayar RM1 milion, tetapi keuntungan yang didapati adalah RM10 milion.

Kalau kita tahu keuntungan yang diterima daripada kegiatannya adalah sampai RM10 milion, dan kalau didenda 2 ataupun 3 kali ganda daripada keuntungan itu, mungkin beliau akan memikirkan dua ataupun tiga kali sebelum mengambil sesuatu tindakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, saya juga ingin mencadangkan supaya sebarang pesanan yang dilakukan di pasaran saham oleh stock-brokers, hendaklah di 'key-in', nama pelanggan yang membeli dengan serta merta kerana kita tidak mahu adanya pihak-pihak, khususnya 'fund managers' ataupun 'dealers' ataupun remisiers yang mengambil kesempatan daripada kedudukan mereka.

Umpamanya kalau saya membuat pesanan untuk membeli RM1 juta saham dengan harga RM1.50, tetapi apabila saham itu di sebelah petangnya telahpun

naik kepada RM2.00, maka kemungkinannya hanya dilaporkan beliau hanya berjaya membeli sebahagian daripada apa yang telahpun saya pesan.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya, saya juga ingin menyentuh tentang penglibatan broking firm yang menjalankan perniagaan melalui marginal trading, dengan izin. Setahu saya hanya pihak bank sahaja yang dibenarkan dalam dilesenkan untuk memberi pinjaman. Apakah broking firm ini tidak tertakluk kepada Banking and Financial Institutions Act (BAFIA). Jadi, apa yang telahpun berlaku ialah syarikat-syarikat broker firm ini mengambil pinjaman daripada bank dan selepas itu pinjaman ini disalurkan kepada mereka yang hendak membeli saham dan saya fikirkan ini bukanlah fungsi broking firm untuk memberikan pinjaman kepada pelabur-pelabur. Fungsi ini sepatutnya dijalankan oleh bank dan selepas itu bank tidak ada kontrol lagi. Broking firm boleh beri seberapa suka kepada mereka yang dia suka, tetapi kalau di bank mungkin ada sistem, di mana seseorang itu ada hadnya yang boleh meminjam.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itulah sahaja pandangan saya dan saya berharap akan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Setiausaha Parlimen menjawab.

6.26 ptg.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Rahim Baba kerana sekali lagi mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Perindustrian Sekuriti, 1992.

Perkara pertama yang dibangkitkan ialah cadangan supaya denda yang dikenakan itu, selain daripada RM1 juta

dan 10 tahun penjara, Tuan Rahim mencadangkan agar keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan, umpamanya yang dibuat secara tidak sah atau secara haram, umpamanya manipulasi saham dan sebagainya, dan dicadangkan supaya keuntungan itu juga dirampas oleh Kerajaan serta disamakan dengan hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang disabitkan atas kesalahan dadah.

Ini kita akan kaji kerana implikasinya amat meluas dan buat masa ini Kerajaan berpendapat bahawa RM1 juta dan 10 tahun, jika kesalahan itu berat adalah memadai dengan setakat itu.

Keduanya, berkaitan dengan sama ada dicadangkan supaya apabila seseorang itu membuat pesanan, seharusnya di "key-in" pesanan tersebut dengan sertamerta. Setakat yang saya tahu, inilah yang sepatutnya dibuat. Tetapi mungkin ada pihak-pihak yang tertentu yang mengambil kesempatan daripada pelanggan-pelanggan mereka yang berbuat demikian untuk mencari keuntungan, maka perkara ini akan disiasat oleh Kementerian Kewangan jika sekiranya ianya berlaku di mana-aman sekali pun.

Akhir sekali, Tuan Rahim membangkitkan persoalan sama ada syarikat-syarikat broker saham juga dibolehkan untuk membiayai pelanggan-pelanggan mereka; memang syarikat-syarikat broker saham dibenarkan untuk membiayai pelanggan-pelanggan mereka, tetapi oleh kerana ianya tertakluk kepada capital, dengan izin, ataupun modal yang ada dan lain-lain keperluan kewangan, maka pada pandangan Kementerian Kewangan kegiatan seperti ini tidaklah begitu meluas seperti mana yang dibuat oleh bank-bank umpamanya yang membiayai pelanggan-pelanggan mereka.

Sekiranya ini menimbulkan masalah kepada syarikat-syarikat broker saham, maka kita akan menyiasat perkara ini dengan lebih lanjut lagi.

Dengan kata-kata itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Rahim Baba.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Setiausaha Parlimen, Tuan Saidin bangun.

**Tuan Haji Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Adakah terdapat broker-broker saham ini apabila membeli saham, misalnya hingga sampai 6 bulan baharu dapat dijual saham yang dibeli, kemudian syarikat yang modalnya sedikit terpaksa kena bayar bank lagi, lepas itu terpaksa kena tangguh perniagaan dan sebagainya.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Jika Yang Berhormat ada aduan yang spesifik bolehlah kemukakan kepada Kementerian untuk siasatan lanjut. Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Kalau tidak ada lagi point-point yang hendak dibangkitkan, terima kasih kepada Tuan Rahim dan Tuan Saidin, sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 42* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KANUN ACARA JENAYAH (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.32 ptg.*

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1992 dibacakan bagi kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 2, Kanun Acara Jenayah dengan menggantikan takrif "Government Medical Officer" yang sedia ada. Takrif yang sedia ada itu adalah seperti berikut;

‘ “Governemnt Medical Officer” or “Medical Officer” includes a registered medical practitioner who is employed by the University of Malaya in the service of the University Hospital.’

Takrif ini meliputi pegawai-pegawai Kerajaan dan hanya golongan pengamal perubatan yang berkhidmat di Universiti Hospital. Takrif ini telah menimbulkan kesulitan. Menurut keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes Pendakwaraya melawan Yusof, 1991, satu ruling telah dibuat bahawa ertikata "Government Medical Officer" ini telah timbul di mana isunya ialah penerimaan laporan post-mortem oleh doktor-doktor dari Universiti Kebangsaan. Ruling ini akan mengakibatkan pihak pendakwa menghadapi kesukaran untuk mengemukakan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh doktor-doktor yang bukan terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan atau doktor-doktor yang berkhidmat dengan Universiti Hospital, Universiti Malaya. Di antaranya ialah mahkamah akan menolak laporan post-mortem di dalam kes-kes pembunuhan dan sebagainya di mana laporan post-mortem

adalah diperlukan. Apabila satu siasatan dibuat yang berbangkit daripada sebarang kematian di mana sebab kematian itu tidak diketahui, pegawai penyiasat perlu meminta Government Medical Officer yang berhampiran untuk melakukan post-mortem. Mengikut amalan sekarang, bilangan doktor-doktor di Universiti Kebangsaan yang menjalankan tugas-tugas bagi pihak hospital Kerajaan makin meningkat.

Di samping itu, pindaan ini juga dibuat sejajar dengan pindaan kepada Akta Perubatan 1971 di mana akan dimaktubkan seksyen 34C baru yang akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah kesihatan memberi kuasa bertulis kepada pengamal perubatan yang bukan berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam atau Kerajaan untuk menjalankan beberapa fungsi. Dengan itu untuk menyelaraskan kedudukan di sisi undang-undang, Seksyen 2 Kanun Acara Jenayah berhubung dengan takrif "General Medical Officer" ini perlu diubahsuai. Dengan pindaan sahajalah masalah yang timbul berkaitan dengan keputusan di dalam kes Pendakwaraya melawan Yusof dapat diatasi. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, takrif perkataan "Government Medical Officer" diperluaskan supaya tidak lagi terhad kepada pegawai perubatan Kerajaan dan mereka yang berkhidmat dengan Hospital Universiti, Universiti Malaya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Acara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Azumu bin Tak.

6.34 ptg.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Acara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah murni sekali supaya takrifan "Government Medical Officer" itu juga dilanjutkan kepada pensyarah-pensyarah universiti yang berkenaan yang seharusnya juga menjalankan kerja-kerja post-mortem apabila pegawai perubatan di hospital tidak cukup dan sebagainya.

Satu persoalan yang selalu berbangkit, Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah post-mortem ini. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan iaitu selalu berlaku accident, pelanggaran dan sebagainya yang mengakibatkan maut dan wakil-wakil rakyat biasanya ditemui oleh keluarga-keluarga yang berkenaan memohon supaya post-mortem dikesualikan. Maka masalah berlaku iaitu biasanya di hospital tidak akan menerima rekomendasi Wakil Rakyat itu disebabkan bantahan daripada pihak Polis. Oleh itu, saya ingin bertanya bagaimanakah keadaan yang sebenarnya dan apabila kadangkala kita juga membenarkan supaya post-mortem dijalankan, masa untuk mengerjakan post-mortem itu lewat sangat disebabkan ketiadaan pegawai perubatan. Agaknya dengan ada pindaan Rang Undang-undang ini, Pengarah Perubatan boleh mengarahkan pegawai-pegawai perubatan lain menjalankan tugas itu.

Mungkin ini boleh dilakukan di tempat seperti Kuala Lumpur ini iaitu di ibu kota, tetapi di bandar-bandar yang kecil mungkin tidak dapat kerana mengharapkan cuma seorang sahaja. Biasanya tiap-tiap satu hospital itu ada seorang sahaja medical officer yang boleh menjalankan post-mortem ini dan ini berlakulah kelewatan menjalankan kerja-kerja demikian. Apakah caranya Kerajaan hendak mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Diminta Setiausaha Parlimen menjawab.

6.37 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Azumu yang telahpun memberi pandangan beliau dalam soal ini.

Bagi soalan pertama, memang saya mengakui bahawa kadang-kadang pihak Polis terpaksa menolak permohonan daripada Wakil-wakil Rakyat supaya post-mortem ini tidak dijalankan kepada ahli keluarga yang terlibat, tetapi sepertimana yang saya sebutkan tadi bahawa sekiranya kes-kes besar seperti pembunuhan yang berlaku, di mana pihak mahkamah ingin menentukan mengapakah sebab kematian itu berlaku, jadi dengan sebab itu keputusan dari post-mortem ini terpaksa dibuat bagi menentukan sebab sebenar kematian itu.

Jadi, ini adalah sebahagian dari tuntutan dalam undang-undang negara kita yang berkehendakkan kepada suatu pengesahan pihak perubatan yang mengesahkan sebenar-benarnya apakah sebab kematian seseorang itu dan pihak mahkamah akan membuat keputusan di atas sebab ini. Saya memandang bahawa ini memanglah memberi satu kerumitan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi khidmat kepada masyarakat, tetapi ketetapan undang-undang berkehendakkan kepada post-mortem ini terpaksa dilakukan untuk menentukan bahawa setiap keadilan itu dapat dijalankan dengan segera.

Soalan yang kedua, tentang kekurangan doktor yang akan melakukan post-mortem ini. Saya telah menyebutkan tadi bahawa kemasukan pindaan kepada seksyen 34C yang baru memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan memberi kuasa bertulis kepada mana-mana pengamal perubatan; walaupun dianya tidak berkhidmat dengan Kerajaan, tetapi sekarang ini dengan lulusnya Undang-undang ini, maka Ketua Pengarah Kesihatan boleh memberi kuasa kepada mana-mana pengamal perubatan untuk melaksanakan post-mortem.

Jadi, dengan amalan post-mortem ini yang akan dilakukan oleh private practitioners yang diakui dengan surat pengesahan dari Ketua Pengarah Kesihatan, ianya akan mempercepatkan, insya Allah, kerja-kerja post-mortem ini.

Jadi, itulah penjelasan yang boleh saya sampaikan ke atas perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menjelang Tahun Baru pada hari esok, saya percaya boleh mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita masing-masing mengucapkan "Selamat Tahun Baru" dan semoga sejahtera kita dan keluarga kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga tarikh dan waktu yang akan ditetapkan kemudian.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.44 petang.*